

**LAPORAN TAHUNAN
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA
BIRO BANTUAN GUAMAN
2009**

‘TRANSFORMASI MELONJAK VISI’

BANGUNAN BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG JABATAN PERDANA MENTERI





Dasar Kualiti

“Adalah menjadi matlamat kami untuk menyediakan khidmat bantuan guaman, perkhidmatan insolvensi dan perkhidmatan sokongan termasuk pengurusan, dasar serta pembangunan mahkamah yang cekap, cepat dan berkualiti bagi memenuhi kehendak pelanggan selaras dengan pengurusan kualiti yang diwujudkan. Kami juga komited untuk membuat penambahbaikan yang berterusan ke atas sistem pengurusan kualiti dan menilai semula semua objektif kualiti yang ditetapkan bagi memastikan ianya sentiasa sesuai mengikut kehendak pelanggan.”



Kandungan

Muka Surat

4	Perutusan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
6	Perutusan Ketua Pengarah BHEUU
7	Pengenalan BHEUU
8	Profil Korporat BHEUU
10	Sejarah BHEUU
12	Latar Belakang BHEUU
13	Carta Agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri
14	Carta Organisasi BHEUU
15	Pengurusan Tertinggi BHEUU
17	Pencapaian Perkhidmatan Teras BHEUU 2009
18	Projek Pembangunan Mahkamah
25	Penggubalan Dasar
25	Pengurusan Pembedaan
26	Jawatankuasa Pentadbiran Keadilan
26	Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia
26	Penyelarasan Urus Setia Jemaah Pengampunan Negeri-Negeri
27	Pelantikan Penasihat Mahkamah Kanak-kanak
28	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
29	Pencapaian Perkhidmatan Sokongan BHEUU 2009
30	Peruntukan Kewangan
32	Perolehan ICT
38	Sistem Pengurusan Audit Nilai
40	Pembangunan Modal Insan
44	Pengurusan Aset dan Stor
46	Penyewaan Ruang Pejabat dan Stor
46	Keurusetiaan
49	Statistik Pusat Sumber
49	Perkara dan Nasihat Perundangan
53	Laporan Tahunan BBG
79	Laporan Tahunan Mdl
137	Aktiviti Sepanjang Tahun

Perutusan

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI



“Kecemerlangan BHEUU ini dipengaruhi beberapa faktor namun yang paling penting adalah komitmen semua pihak daripada semua peringkat pentadbiran dalam usaha ke arah menjadikan BHEUU sebagai sebuah organisasi yang cemerlang yang diterjemahkan melalui pelbagai program dan kegiatan yang diatur untuk pengisian dan makna kepada Visi dan Misi BHEUU.”

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menerbitkan Laporan Tahunan Bahagian Hal Ehwat Undang-Undang, Jabatan Insolvency Malaysia dan Biro Bantuan Guaman. Buat kesekian kalinya BHEUU menerbitkan Laporan Tahunannya yang merekodkan segala pencapaian dan aktiviti serta program yang disusun sepanjang tahun.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada BHEUU serta dua agensi di bawah naungannya iaitu Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) dan Biro Bantuan Guaman (BBG) kerana telah berjaya melaksanakan segala program yang telah disusun sepanjang tahun 2009 dan juga mencapai objektif yang disasarkan walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini.

Kecemerlangan BHEUU ini dipengaruhi beberapa faktor namun yang paling penting adalah komitmen semua pihak daripada semua peringkat pentadbiran dalam usaha ke arah menjadikan BHEUU sebagai sebuah organisasi yang cemerlang yang diterjemahkan melalui pelbagai program dan kegiatan yang diatur untuk pengisian dan makna kepada Visi dan Misi BHEUU.

“Menyedari bahawa ekspektasi dan harapan semua *stakeholders* perlu dicapai dan dipenuhi dengan pendekatan yang pragmatik maka saya menyeru kepada semua warga BHEUU untuk berani berubah dan menyesuaikan diri seberapa segera dan seberapa tepat yang boleh terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi. Kegagalan menyesuaikan diri terhadap cabaran dan perubahan yang berlaku disekeliling kita, bukan sahaja menjejaskan BHEUU sebagai satu organisasi yang terbilang tapi lebih malang lagi, kegagalan ini akan membuktikan sama ada BHEUU masih kekal relevan di mata kerajaan dan *stakeholders*.”



Ini juga menunjukkan iltizam yang tinggi serta tekad dan usaha yang gigih oleh warga BHEUU, Mdl dan BBG dalam menyahut cabaran mencapai kecemerlangan organisasi sebagai agensi ulung dalam pentadbiran keadilan.

Menyedari bahawa ekspektasi dan harapan semua *stakeholders* perlu dicapai dan dipenuhi dengan pendekatan yang pragmatik maka saya menyeru kepada semua warga BHEUU, Mdl dan BBG untuk berani berubah dan menyesuaikan diri seberapa segera dan seberapa tepat yang boleh terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi. Kegagalan menyesuaikan diri terhadap cabaran dan perubahan yang berlaku disekeliling kita, bukan sahaja menjejaskan BHEUU, Mdl dan BBG sebagai satu organisasi yang terbilang tapi lebih malang lagi, kegagalan ini akan membuktikan sama ada BHEUU, Mdl dan BBG masih kekal relevan di mata kerajaan dan *stakeholders*.

Akhir sekali saya berharap agar kandungan Laporan Tahunan ini dapat memberi inspirasi dan manfaat kepada mereka yang menjadikannya sebagai rujukan untuk perancangan aktiviti dan program di masa hadapan.

Sekian terima kasih.

(Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz)
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Laporan Tahunan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Insolvency Malaysia dan Biro Bantuan Guaman 2009 telah dapat diterbitkan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menyediakan laporan ini. Semoga segala usaha menerbitkan Laporan Tahunan ini diberkati Allah jua.

Sebagai agensi kerajaan yang responsif dan inovatif BHEUU amat menyambut baik saranan Perdana Menteri untuk melaksanakan transformasi kepada Perkhidmatan Awam dan telah bersedia untuk menjadi jabatan yang cemerlang dan gemilang dalam penyampaian perkhidmatannya kepada masyarakat. Dengan itu pelbagai program dan aktiviti disusun dengan teliti sepanjang tahun 2009 dan dirakamkan dalam bentuk Laporan Tahunan 2009.

Pembaca budiman, Laporan tahunan kali ini menampakkan sedikit kelainan dengan memfokuskan kepada pencapaian core business dan support business BHEUU serta dua agensi yang bernaung di bawahnya iaitu Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) dan Biro Bantuan Guaman (BBG). Amatlah diharapkan agar Laporan Tahunan ini menjadi wadah untuk berkongsi maklumat, perancangan dan pelaksanaan program yang dijalankan oleh Jabatan sepanjang tahun 2009.

Di kesempatan ini juga saya merakamkan ucapan terima kasih kepada warga BHEUU, Mdl dan BBG yang berusaha gigih bagi merealisasikan harapan kerajaan sepanjang tahun ini.

Semoga kandungan Laporan Tahunan ini dapat memberi faedah kepada semua pihak yang berkaitan dalam membuat perancangan, penambahbaikan serta pelaksanaan program dan aktiviti pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Y.BHG. DATO' ABDULLAH SANI BIN AB HAMID
Ketua Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri



Pengenalan BHEUU

Sejajar dengan visi untuk menjadi sebuah agensi ulung yang menyumbang kepada sistem pentadbiran keadilan negara, BHEUU bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan teras merancang dan membangun infrastruktur dan sistem aplikasi mahkamah serta membuat penambahbaikan terhadap sistem pentadbiran keadilan negara.

Menyedari pentingnya satu hala tuju BHEUU tidak tersasar dari landasan ke arah pencapaian visi. BHEUU telah menyediakan Pelan Strategik Lima Tahun yang akan dilaksanakan bermula pada tahun 2010 sehingga tahun 2014.

Pelan ini disediakan berasaskan empat teras strategik berikut:

- memantapkan sistem pentadbiran keadilan melalui penyelarasan penggubalan dasar-dasar kerajaan
- menyediakan prasarana bertaraf kelas pertama kepada mahkamah, BBG dan Mdl
- memperkasakan penggunaan ICT untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran keadilan; dan
- perkhidmatan sokongan bertaraf dunia melalui pengurusan sumber manusia, khidmat pengurusan serta pengurusan kewangan yang konstruktif, responsif dan berintegriti.

Dalam pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan, BHEUU diberi kepercayaan menjadi seketariat kepada pelaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Negara berkaitan Rasuah (NKRA-Rasuah). Melalui kaedah makmal yang diadakan pada 05 Oktober 2009 hingga 13 November 2009 sebanyak 29 inisiatif baru telah dicadang untuk dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menangani masalah rasuah di negara ini. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut telah diserahkan kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia mulai 1 Januari 2010.

Dalam pada itu, mulai tahun 2009 peranan BHEUU bertambah dengan menjadi urus setia kepada Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia (JPUUM) untuk mengkaji undang-undang lapuk di Malaysia dan mencadangkan pembaharuan dan penambahbaikan undang-undang bagi memastikan sistem perundangan Malaysia sentiasa relevan dengan perkembangan semasa dan menepati kehendak masyarakat dan Negara.

Menyedari kepentingan imej dan jenama organisasi, JIM telah dikenali sebagai Mdl mulai Oktober 2009 manakala Biro Bantuan Guaman pula telah dinaik taraf kepada Jabatan Bantuan Guaman mulai 16 Januari 2010. Signifikan penjenamaan semula bukan sekadar berganti nama tetapi sebagai tanda komitmen jabatan dalam memenuhi kehendak kerajaan dan keperluan rakyat selaras dengan konsep 1Malaysia, rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan.

Profil Korporat BHEUU

VISI

Untuk menjadi sebuah agensi ulung yang menyumbang kepada sistem pentadbiran keadilan negara.

MISI

Menyelia pentadbiran Biro Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia, merancang dan membangun infrastruktur mahkamah, serta menyelaras penggubalan dasar yang berkaitan dengan pentadbiran keadilan negara.

OBJEKTIF

1. Memastikan perancangan dan pelaksanaan prasarana bagi sistem keadilan, dan penyelarasan penggubalan dasar serta undang-undang secara cekap, teratur dan berkesan.
2. Memberi perkhidmatan pentadbiran yang berkualiti kepada MdI dan BBG.



Kod Etika

INTEGRITI	PROFESIONALISME	KOMITMEN
• AMANAH	• BIJAKSANA	• DEDIKASI
• TELUS	• ADIL	• ILTIZAM
• IKHLAS	• INOVATIF	• DISIPLIN

Piagam Pelanggan

Kami Berjanji Akan:


1. Memastikan maklumbalas kepada pertanyaan dan aduan pelanggan dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh diterima;
2. Memastikan perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan dijalankan mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan;
3. Mengemukakan surat kelulusan Pemerbadanan dalam tempoh 30 hari bekerja daripada tarikh dokumen lengkap diterima;
4. Bil dan tuntutan daripada pembekal dan kontraktor dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima;
5. Memastikan kesediaan dan kebolehcapaian rangkaian sekurang-kurangnya 99% setahun;
6. Memastikan urusan-urusan berkaitan khidmat pengurusan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan mengikut keperluan dalam tempoh masa yang ditetapkan; dan
7. Memberi perkhidmatan yang cemerlang melalui perancangan dan pelaksanaan Dasar Pengurusan Sumber Manusia.

Fungsi Utama

1. Menyelaras penggubalan dasar dan undang-undang yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU;
2. Membuat penambahbaikan terhadap sistem pentadbiran keadilan negara dengan merancang dan melaksanakan projek pembangunan fizikal dan IT mahkamah;
3. Pentadbiran Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] Termasuk Pendaftaran Dan Pemantauan Perbadanan-Perbadanan Pemegang Amanah;
4. Urus setia Jemaah Pengampunan Oleh Yang Di-Pertuan Agong Bagi Kes-Kes Keselamatan Dan Kes-Kes Rayuan Bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan;
5. Pemantauan Mesyuarat Jemaah Pengampunan di setiap negeri;
6. Urus setia pelantikan anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), memantau laporan tahunan SUHAKAM dan menyelaras maklum balas; dan
7. Menyelia pentadbiran Biro Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia termasuk semua cawangan di seluruh negara, dari segi pengurusan kewangan dan sumber manusia.

Sejarah BHEUU

Diawal penubuhannya pada tahun 1957, BHEUU adalah sebuah organisasi bertaraf kementerian dan dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Keadilan. Sejak itu nama kementerian telah berubah-ubah mengikut perubahan bidang kuasa dan jabatan yang terletak di bawah pentadbirannya seperti berikut:



Tempoh	Nama Kementerian	Nama Menteri	Bidang Kuasa/ Jabatan
1957-1959	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Keadilan	Datuk Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman	<i>Judicial, Legal, Public Trustee, Custodian Of Enemy Property.</i>
1960-1963	Kementerian Keadilan Kehakiman	Tun Leong Yew Koh	<i>Judicial, Legal, Public Trustee, Custodian Of Enemy Property.</i>
1964-1967	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Keadilan	Dato' Dr Ismail bin Dato Abdul Rahman	<i>Judicial, Legal, Public Trustee, Official Assignee, Official Administrator.</i>
1968	Kementerian Keadilan	Tuan Bahaman bin Samsudin	Kehakiman, Amanah Raya, Pentadbir Pesaka, Penyimpan Harta Benda Musuh, Pencetak Kerajaan, Kimia, Pertahanan Awam, Biro Penterjemah, Muflis, Arkib Negara, Perangkaan.
1969-1970	Kementerian Keadilan	Dato' Ganie Gilong	Kehakiman, Amanah Raya, Pentadbir Pesaka, Penyimpan Harta Benda Musuh, Pencetak Kerajaan, Kimia, Pertahanan Awam, Biro Penterjemah, Muflis, Arkib Negara, Perangkaan.
1970-1975	Kementerian Undang-Undang Kehakiman	Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof	Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kehakiman, Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka, Penyimpan Harta Musuh, Kebankrapan, Biro Narkotik, Biro Bantuan Guaman, Pegawai Pemegang Harta, Biro Siasatan Negara.

1978-1982	Kementerian Undang-Undang Kehakiman	Dato' Seri Hj. Hamzah bin Hj Abu Samah	Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kehakiman, Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka, Penyimpan Harta Musuh, Kebankrapan, Biro Narkotik, Biro Bantuan Guaman, Pegawai Pemegang Harta, Biro Siasatan Negara
1983-1986	Kementerian Kehakiman	Dato' Dr. James P.Ongkili	Jabatan Kehakiman, Jabatan Pemegang Amanah Raya, Jabatan Pemegang Harta, Biro Bantuan Guaman.
1987-1988	Kementerian Kehakiman	Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad	Jabatan Kehakiman, Jabatan Pemegang Amanah Raya, Jabatan Pemegang Harta, Biro Bantuan Guaman
1989-1990	Kementerian Kehakiman	Dato' Dr. Sulaiman bin Hj. Daud	Jabatan Kehakiman, Jabatan Pemegang Amanah Raya, Jabatan Pemegang Harta, Biro Bantuan Guaman.
1991-1995	Kementerian Undang-Undang	Dato' Sri Syed Hamid Albar bin Tan Sri Syed Jaafar Albar	Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Jabatan Pemegang Amanah Raya, Jabatan Pemegang Harta, Biro Bantuan Guaman
1995-1999	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Hj. Mustaffa	Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Jabatan Pemegang Amanah Raya, Jabatan Pemegang Harta, Biro Bantuan Guaman
14 Disember 1999 - 4 Mac 2004	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim	Amanah Raya Berhad, Jabatan Pemegang Harta, Biro Bantuan Guaman.
31 Mac 2004 - Februari 2006	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad	Biro Bantuan Guaman, Jabatan Insolvency Malaysia
14 Februari 2006 - 18 Mac 2008	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz	Biro Bantuan Guaman, Jabatan Insolvency Malaysia
19 Mac 2008 - 16 September 2008	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	Datuk Zaid Ibrahim	Biro Bantuan Guaman, Jabatan Insolvency Malaysia
17 September 2008 - sekarang	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz	Biro Bantuan Guaman, Jabatan Insolvency Malaysia

Latar Belakang BHEUU

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) telah ditubuhkan pada 8 Mei 1995 selepas pembubaran Kementerian Undang-Undang Malaysia. Pada waktu itu, selain melaksanakan pentadbiran amnya, BHEUU bertanggungjawab mentadbir Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Biro Bantuan Guaman, Jabatan Pemegang Harta dan Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka. Walau bagaimanapun, mulai 1 Ogos 1995, Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka telah diperbadankan dan dikenali sebagai Amanah Raya Berhad. Berikutannya, Jabatan tersebut telah terkeluar daripada pentadbiran BHEUU kecuali berkaitan pewartaan pegawai-pegawai Amanah Raya Berhad bagi tujuan kehadiran di mahkamah.

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah juga berpisah daripada pentadbiran BHEUU pada 1 Julai 1990. Walau bagaimanapun, Unit Perancangan dan Pembangunan Mahkamah telah menjadi salah satu cawangan utama di bawah BHEUU pada 16 April 2003 sehingga sekarang.


Jabatan Pemegang Harta kemudiannya dikenali sebagai Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) pada 1 Oktober 2003 berikutan dengan pindaan yang dibuat kepada Akta Kebankrapan, 1967. Mulai Oktober 2009, JIM dengan rasminya dikenali sebagai *Malaysia Department of Insolvency* (Mdl).

Dalam pada itu, Biro Bantuan Guaman (BBG) telah dikenali sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG) mulai 16 Januari 2010.


Di samping itu, hasil keputusan Kabinet pada 8 April 2004, BHEUU telah mengambil alih fungsi sebagai urus setia kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) daripada Kementerian Luar Negeri.

Pada tahun yang sama, BHEUU juga menjadi urus setia kepada Lembaga Jemaah Pengampunan Malaysia yang dipengerusikan Yang di Pertuan Agong bagi kes-kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya dan juga kes-kes keselamatan di seluruh negara.

Agensi-agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Carta Organisasi Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri



Profil Pengurusan Tertinggi BHEUU



Y.Bhg Dato' Abdullah Sani bin Ab Hamid Ketua Pengarah

Y.Bhg. Dato' Abdullah Sani Ab Hamid dilahirkan pada 10 September 1952 di Kuala Pilah Negeri Sembilan, memegang Ijazah Sarjana *Public Administration* dari Universiti Amerika, Amerika dan juga Ijazah Sarjana Muda Sains Politik dari Universiti Sains Malaysia.

Beliau memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam pada 20 Oktober 1975 sebagai Penolong Pegawai Daerah Port Dickson Negeri Sembilan. Seterusnya beliau berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Penolong Pengarah Kanan Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Protokol) dan Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban, Pengarah Yayasan Negeri Sembilan, Pegawai Kewangan Negeri Sembilan dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri pada 28 Disember 2006 sehingga sekarang.

Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Amanah Raya Berhad (ARB), Ahli Jawatankuasa Audit ARB dan juga Ahli Lembaga Pengurusan Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP).

***Puan Mahzum binti Ariffin
Timbalan Ketua Pengarah
(Caw. Perancangan & Pembangunan)***

Telah berkhidmat di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang mulai September 2008.

Sebelum itu, telah berkhidmat di Kementerian Pelajaran sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), sebagai Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia di Kementerian Pertahanan, Timbalan Setiausaha Bahagian (Pentadbiran) di Kementerian Pertanian, Ketua Pegawai Pentadbir di Jabatan Pertanian dan Jabatan Audit Negara. Juga pernah bertugas di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Penerangan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan serta Kementerian Kesihatan.



***Hj Hussin bin Rani
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan)
(Mulai 22 April 2009)***

Tuan Haji Hussin bin Rani dilahirkan pada 4 November 1957 di Besut, Terengganu.

Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Mikrobiologi dan juga Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau memulakan kerjaya dengan Kerajaan pada 03 Januari 1983 sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Kesihatan dan seterusnya di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kementerian Pertanian Malaysia dan Penolong Pengarah di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Mulai 1 November 1995 beliau dilantik menjadi Timbalan Pengarah di Jabatan Akauntan Negara, Setiausaha Bahagian di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) BHEUU mulai 22 April 2009 sehingga sekarang.





PENCAPAIAN PERKHIDMATAN TERAS BHEUU TAHUN 2009

1. PROJEK PEMBANGUNAN MAHKAMAH

1.1 Pencapaian Tahun 2009

Pada tahun 2009, BHEUU telah meneruskan pelaksanaan projek-projek yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9). Jumlah projek yang terlibat termasuk projek-projek di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) ialah dua puluh (20) buah projek. Dari jumlah tersebut, sebanyak dua (2) projek telah disiapkan manakala empat belas (14) projek berada dalam peringkat pembinaan, disamping empat (4) projek lagi masih dalam peringkat perancangan.

1.2 Projek-Projek Yang Berjaya Disiapkan Pada Tahun 2009

a) Projek Mahkamah Baru Petaling Jaya



- Skop projek - tiga (3) buah Mahkamah Sesyen dan lima (5) buah Mahkamah Majistret.
- Majlis Penyerahan Bangunan telah diadakan pada 27 Februari 2009.
- **Nilai projek - RM28.0 juta.**

Gambar 1 : Mahkamah Baru Petaling Jaya

b) Projek Mahkamah Baru Sesyen/ Majistret Balik Pulau

- Skop projek - dua (2) buah Mahkamah Majistret.
- Projek telah siap pada 25 Disember 2009 dan Majlis Penyerahan Bangunan akan diadakan pada 25 Januari 2010.
- **Nilai projek - RM15.8 juta.**



Gambar 2 : Mahkamah Baru Sesyen/Majistret Balik Pulau

1.3 Projek-Projek Dalam Pembinaan Pada Tahun 2009

a) Projek Kompleks Mahkamah Baru Muar

- Skop projek- dua (2) buah Mahkamah Tinggi, tiga (3) buah Mahkamah Sesyen dan lima (5) buah Mahkamah Majistret.
- **Nilai projek - RM83.9 juta.**
- Prestasi kemajuan fizikal - 92%.



Gambar 3 : Mahkamah Baru Muar

b) Projek Mahkamah Baru Kajang



- Skop projek- satu (1) buah Mahkamah Sesyen dan dua (2) buah Mahkamah Majistret.
- **Nilai projek - RM38.7 juta.**
- Prestasi kemajuan fizikal - 60%.

Gambar 4 : Mahkamah Baru Kajang

c) Projek Bangunan Tambahan Mahkamah Sesyen/ Majistret Shah Alam

- Skop projek - enam (6) buah Mahkamah Majistret.
- **Nilai projek - RM88.1 juta.**
- Prestasi kemajuan fizikal - 65%.



Gambar 5 : Bangunan Tambahan Mahkamah
Seksyen/ Majistret Shah Alam

d) Projek Mahkamah Baru Semporna, Sabah



- Skop projek - satu (1) buah Mahkamah Majistret.
- **Nilai projek - RM7.5 juta.**
- Prestasi kemajuan fizikal - 90%.

Gambar 6 : Mahkamah Baru Semporna

e) Projek Mahkamah Baru Sarikei, Sarawak

- Skop projek - dua (2) buah Mahkamah Majistret.
- **Nilai projek - RM8.5 juta.**
- Prestasi kemajuan fizikal - 61%.



Gambar 7 : Mahkamah Baru Sarikei

f) Projek Kompleks Mahkamah Baru Kuantan



- **Projek ini yang merupakan salah satu daripada projek Pakej Rangsangan Ekonomi ke Dua, bernilai RM190.00 juta.**
- Skop projek - lima (5) buah Mahkamah Tinggi, 10 buah Mahkamah Sesyen, dan 12 buah Mahkamah Majistret.
- Prestasi kemajuan fizikal - 12.36%.

Gambar 8 : Kompleks Mahkamah Tinggi Kuantan

g) Projek Bangunan Tempat Letak Kereta Bertingkat di Petaling Jaya

- Skop projek - satu (1) buah blok tempat letak kereta setinggi empat (4) tingkat.
- **Nilai projek - RM6.0 juta.**
- Prestasi kemajuan fizikal - 33.27%.



Gambar 9 : Bangunan Tempat Letak Kereta Bertingkat di Kompleks Mahkamah Petaling Jaya

h) Projek Rumah Kediaman Rasmi Majistret Jasin



- Skop projek - satu (1) buah rumah kediaman rasmi Majistret Jasin
- **Nilai projek - RM0.4 juta.**
- Prestasi kemajuan fizikal - 69%.

Gambar 10 : Rumah Kediaman Rasmi Majistret Jasin

i) Projek Mahkamah Baru Pasir Mas

- Skop projek melibatkan dua (2) buah Mahkamah Majistret.
- **Nilai projek - RM12.9 juta.**
- Prestasi kemajuan fizikal - 13.7%.



Gambar 11 : Mahkamah Baru Pasir Mas dalam pembinaan

j) Projek Mahkamah Baru Sepang



Gambar 12 : Mahkamah Baru Sepang dalam pembinaan

- Skop projek melibatkan dua (2) buah Mahkamah Majistret.
- **Nilai projek - RM14.0 juta.**
- Prestasi kemajuan fizikal - 13%.

k) Projek Mahkamah Baru Samarahan

- Skop projek melibatkan satu (1) buah Mahkamah Majistret.
- **Nilai projek - RM8.0 juta.**
- Prestasi kemajuan fizikal - 15.3%.



Gambar 13 : Mahkamah Baru Samarahan dalam pembinaan

l) Projek Bangunan Tambahan Mahkamah Baru Kelang



Gambar 14 : Cadangan Bangunan Tambahan Mahkamah Kelang

- Skop projek melibatkan lapan (8) buah Mahkamah Majistret.
- **Nilai projek - RM38.0 juta.**
- Prestasi kemajuan fizikal - 11. %.

m) Projek Mahkamah Litar di Sabah dan Sarawak

Mahkamah litar diwujudkan di daerah-daerah kecil di Sabah dan Sarawak bertujuan untuk memberikan perkhidmatan perundangan kepada penduduk setempat di mana Hakim/Majistret dari sesuatu bandar besar akan mengumpulkan kes dan akan membicarakan kes di kawasan tersebut pada masa yang bersesuaian. Pada masa ini, kebanyakan Mahkamah Litar di Sabah dan Sarawak beroperasi secara menumpang di premis Kerajaan Negeri dan tidak mempunyai ruang yang mencukupi. Mulai tahun 2009 Unit Perancang Ekonomi telah meluluskan siling peruntukan sebanyak 2 juta bagi pembinaan 4 buah mahkamah litar di Sabah iaitu di Kinabatangan, Tenom, Sipitang dan Papar. Projek yang telah dimulakan ialah di Kinabatangan manakala yang lain-lain sedang dalam peringkat perolehan tapak.

1.4 Lawatan Kerja

Dalam memastikan projek-projek pembinaan mahkamah dilaksanakan mengikut jadual dan pelan asal yang dirancang, beberapa lawatan ke tapak projek pembinaan mahkamah telah dilaksanakan. Dalam tempoh Januari sehingga Disember 2009, beberapa lawatan dan mesyuarat di tapak projek mahkamah telah diadakan iaitu:

Bil	Tarikh	Lawatan
1.	21 - 23 Januari 2009	• Lawatan kerja & mesyuarat tapak oleh Ketua Pengarah ke Tapak Projek Mahkamah Semporna bagi menyelesaikan masalah persempadanan tapak projek • Lawatan kerja Ketua Pengarah ke Pejabat Jabatan Insolvensi Malaysia Tawau
2.	22 - 24 Februari 2009	• Lawatan kerja Ketua Pengarah ke Tapak Mahkamah Samarahan bagi mempercepatkan perancangan pembinaan • Lawatan kerja ke Pejabat Jabatan Insolvensi Malaysia Kuching • Lawatan kerja ke Pejabat Biro Bantuan Guaman Kuching
3.	19 - 21 April 2009	• Lawatan kerja ke Mahkamah Kudat bagi menyelesaikan masalah kerosakan • Lawatan kerja ke Tapak Cadangan Mahkamah Kota Belud bagi mengenalpasti tapak cadangan baru • Lawatan kerja ke Pejabat Biro Bantuan Guaman Kota Kinabalu
4.	12 Mei 2009	• Lawatan kerja Ketua Pengarah ke Tapak Cadangan Kompleks Mahkamah Baru Kuantan
5.	13 Mei 2009	• Lawatan kerja Y.B. Timbalan Menteri di JPM ke Mahkamah Kuala Lumpur
6.	23 Mei 2009	• Lawatan kerja Y.B. Menteri di JPM ke Mahkamah Baru Balik Pulau, Pulau Pinang
7.	27 – 29 Mei 2009	• Lawatan kerja Y.B. Menteri dan Ketua Pengarah ke Mahkamah Kota Kinabalu
8.	12 – 13 Jun 2009	• Lawatan kerja Y.B. Menteri ke Tapak Kompleks Mahkamah Baru Kuantan

9.	13 - 14 Julai 2009	• Lawatan kerja Ketua Pengarah ke Mahkamah Litar Batu Niah & Mahkamah Miri, Sarawak • Lawatan kerja Ketua Pengarah ke Pejabat Jabatan Insolvency Malaysia Miri • Lawatan Ketua Pengarah ke Pejabat Biro Bantuan Guaman Miri
10.	12 - 16 Ogos 2009	• Lawatan kerja Y.B. Menteri dan Ketua Pengarah ke Mahkamah Miri, Mahkamah Sarikei, dan Kompleks Mahkamah Sarawak
11.	02 November 2009	• Lawatan kerja Ketua Pengarah ke Tapak Projek Mahkamah Baru Muar bagi meninjau masalah kelewatan pembinaan dan ke Kompleks Mahkamah Melaka bagi meninjau keperluan kerja-kerja tambahan yang dipohon
12.	12 November 2009	• Lawatan kerja Y.B. Timbalan Menteri di JPM dan Ketua Pengarah ke Tapak Projek Mahkamah Baru Muar



Lawatan Kerja Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke Mahkamah Baru Sesyen/ Majistret Balik Pulau, Pulau Pinang pada 23 Mei 2009.



Lawatan Kerja Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke tapak Kompleks Mahkamah Baru Kuantan pada 12 Jun 2009.

2. PENGUBALAN DASAR

Bagi tahun 2009, BHEUU telah merancang, menggubal, menyelarar serta memantau pelaksanaan dasar-dasar yang strategik berpandukan matlamat Kerajaan seperti berikut:

2.1 Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696]

Akta 696 telah diwujudkan di Negara ini bagi menangani gejala ugutan dan ancaman yang keterlaluan kepada saksi penting dalam sesuatu kes jenayah berat. Akta ini diluluskan pada April 2009 dan Unit Perlindungan Saksi diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

2.2 Pindaan kepada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597]

Pada tahun 2009, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif untuk meminda Akta 597 bagi meningkatkan ketelusan dalam pelantikan anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan juga pandangan *International Coordinating Committee of National Institutions for the Promotion and Protection of Human Rights* (ICC). Akta 597 telah dipinda sebanyak dua kali dan diluluskan di Parlimen pada 8 April 2009 dan 9 Julai 2009 masing-masing. Dengan pelantikan anggota SUHAKAM yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam hak asasi manusia, diharap dapat memberikan kesan positif terhadap usaha Kerajaan untuk mempromosi dan mempertahankan hak asasi manusia.

Pindaan ini bukan sahaja untuk menambah baik SUHAKAM supaya menjadi sebuah institusi yang lebih berkesan, malah menunjukkan kesungguhan Kerajaan dalam meningkatkan imej hak asasi manusia di negara ini.

2.3 Langkah-langkah Memperkasa Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration (KLRC)

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan KLRC sebagai pusat rujukan bagi penyelesaian pertikaian komuniti perniagaan agar setanding dengan pusat-pusat timbang tara lain di dunia, BHEUU mencadangkan langkah-langkah memperkasakan KLRC seperti berikut:

- a) mempertingkatkan aktiviti promosi melalui penyebaran maklumat, penambahbaikan infrastruktur dan perkhidmatan serta menyenaraikan kes-kes yang berjaya diselesaikan oleh KLRC untuk meningkatkan keyakinan komuniti perniagaan terhadap kemampuan KLRC sebagai pusat penyelesaian pertikaian perniagaan mereka;
- b) menyebarkan maklumat penimbang tara yang memberi khidmat di KLRC yang berkelayakan dan berpengalaman luas serta diiktiraf di peringkat antarabangsa dan badan-badan bertauliah seperti *Singapore International Arbitration Centre* (SIAC), *Hong Kong International Arbitration Centre* (HKIAC), dan *The London Court of International Arbitration* (LCIA); dan
- c) mengenakan kadar yuran yang lebih kompetitif berbanding dengan kadar yuran yang dikenakan oleh pusat-pusat timbang tara yang lain.

3. PENGURUSAN PEMERBADANAN

Sepanjang tahun 2009, sebanyak 19 buah yayasan baru telah didaftarkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] dan sebanyak 14 buah yayasan telah dibubarkan. Sehingga 31 Disember 2009, sebanyak 112 buah yayasan yang masih aktif.

Sebagai proses penambahbaikan, pada tahun 2009, BHEUU telah membangunkan sistem e-Pemerbadanan. Melalui sistem ini, pemantauan yayasan dapat dipermudahkan dan tempoh pendaftaran akan disingkatkan. Pembangunan sistem e-Pemerbadanan akan dibangunkan dalam dua (2) fasa iaitu:

Fasa 1: Pewujudan pangkalan data bagi memudahkan pencarian maklumat mengenai yayasan seperti laporan kewangan, aktiviti yayasan, senarai pemegang amanah dan lain-lain maklumat yang berkaitan.

Fasa 2: Pendaftaran pemegang amanah secara *online* bagi tujuan penambahbaikan proses kerja sedia ada.

Sistem e-Pemerbadanan dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada akhir tahun 2010.

4. JAWATANKUASA PENTADBIRAN KEADILAN

Jawatankuasa Pentadbiran Keadilan diwujudkan bagi meningkatkan sistem pentadbiran keadilan Negara. Jawatankuasa ini terbahagi kepada Jawatankuasa Tertinggi Pentadbiran Keadilan dan Jawatankuasa Kerja Pentadbiran Keadilan.

Pada tahun 2009, Jawatankuasa Tertinggi yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah bermesyuarat sebanyak tiga kali dan Jawatankuasa Kerja yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pula telah bermesyuarat sebanyak empat kali. Antara cadangan penambahbaikan yang dicetuskan oleh Jawatankuasa Pentadbiran Keadilan adalah seperti berikut-

- a) Operasi Pelupusan Kes-kes Tertunggak;
- b) Kajian terhadap Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980;
- c) Cadangan meminda Akta dan Proses Kerja Kes Jenayah;
- d) Pengenalan Sistem Waktu Beranjak *staggered timing* di mahkamah;
- e) Cadangan untuk memperkenalkan Rang Undang-Undang Pengantaraan; dan
- f) Penyusunan semula Struktur Rekod Organisasi Mahkamah.

5. JAWATANKUASA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA (JPUUM)

JPUUM ditubuhkan atas hasrat YAB Perdana Menteri untuk mengkaji dan membaharui undang-undang lapuk bagi memastikan sistem perundangan Malaysia sentiasa relevan dengan perkembangan semasa dan menepati kehendak masyarakat dan negara. Jawatankuasa ini diterajui oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. BHEUU menjadi urus setia kepada Jawatankuasa ini.

Mesyuarat Penubuhan JPUUM telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 2 Jun 2009 dan 18 Ogos 2009 untuk membincangkan konsep penubuhan JPUUM. Pada 4 Disember 2009, Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan JPUUM dan mesyuarat kali pertama telah diadakan pada 22 Disember 2009. Anggota JPUUM adalah daripada kalangan orang yang berpengetahuan dalam bidang undang-undang seperti Pesuruhjaya Penyemak dan Pembaharuan Undang-Undang daripada Jabatan Peguam Negara, Ahli Dewan Negara, Pensyarah Fakulti Undang-Undang, Penasihat Undang-Undang kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dan wakil daripada Majlis Peguam.

6. PENYELARASAN URUS SETIA JEMAAH PENGAMPUNAN NEGERI-NEGERI

BHEUU adalah bertanggungjawab memantau perjalanan Lembaga Pengampunan di Negeri-negeri dan telah menganjurkan Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Jemaah Pengampunan Negeri di Kuantan, Pahang pada 11 Mei 2009. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada Pejabat DYMM Sultan, Pejabat Yang di-Pertua Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia. Di samping itu, satu lawatan telah diadakan ke Penjara Penor, Pahang untuk meninjau aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh banduan-banduan seperti kelas pertukangan dan kraf, jahitan, pendawaian elektrik dan elektronik serta pertanian.




Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Jemaah Pengampunan Negeri-Negeri

7. PELANTIKAN PENASIHAT MAHKAMAH KANAK-KANAK DI BAWAH SUBSEKSYEN II (2) AKTA KANAK-KANAK 2001

Pada tahun 2009, seramai 922 orang Penasihat Mahkamah Kanak-Kanak telah dilantik oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Carta 1 : Pelantikan Penasihat Mahkamah Kanak-Kanak
Mengikut Negeri Bagi Tahun 2009



Penasihat Mahkamah Kanak-Kanak adalah bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi seperti berikut-

- memaklumkan dan menasihati Mahkamah bagi Kanak-Kanak mengenai apa-apa pertimbangan yang menyentuh perintah yang dibuat berdasarkan suatu dapatan bersalah atau perlakuan lain yang berkaitan terhadap mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapan Mahkamah itu; dan
- menasihati ibu bapa/ penjaga kanak-kanak itu sekiranya perlu.

8. SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

BHEUU merupakan urus setia dalam membantu Menteri di Jabatan Perdana Menteri melaksanakan perkara-perkara berkaitan tadbir urus SUHAKAM.

Sepanjang tahun 2009, penambahbaikan berkenaan SUHAKAM telah dilaksanakan. Hasil pindaan terhadap Akta SUHAKAM berkaitan proses pelantikan anggota SUHAKAM dan bagi memenuhi kriteria yang digariskan dalam Prinsip-Prinsip Paris, telah dapat membantu mengekalkan SUHAKAM pada status A oleh *International Coordinating Committee of National Institutions for the Promotion and Protection of Human Rights* (ICC). Selaras dengan peruntukan seksyen 5(2) Akta 597, (Pindaan) 2009, Jawatankuasa Pemilihan Anggota SUHAKAM telah ditubuhkan.

Penyelarasan maklum balas terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2008 telah diadakan dengan pelbagai kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat. Ini adalah untuk memastikan setiap agensi memberi jawapan yang tepat kepada isu-isu yang dibangkitkan dan juga mengelakkan pertindihan maklum balas. Maklum balas ini telah diedarkan di Parlimen pada 17 Disember 2009. Antara isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM 2008 termasuk kebebasan beragama, pentadbiran keadilan, penahanan tanpa bicara, penguatkuasaan undang-undang, kebebasan bersuara dan maklumat, hak golongan rentan, penambahbaikan penjara/ tempat tahanan, hak sivil dan politik, dan hak pencari suaka dan pelarian.




PENCAPAIAN PERKHIDMATAN SOKONGAN BHEUU TAHUN 2009

9. PERUNTUKAN KEWANGAN


- 9.1 BHEUU bertanggungjawab terhadap peruntukan Belanja Mengurus Pentadbiran Am BHEUU, Mdl dan BBG. Bagi peruntukan Belanja Pembangunan, selain Pentadbiran Am BHEUU, Mdl dan BBG, BHEUU juga mentadbir peruntukan bagi pembinaan mahkamah, pembangunan perkomputeran mahkamah serta pembinaan Rumah-rumah Kediaman Rasmi Hakim.

Carta 1 : Peruntukan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan BHEUU, 2009



- 9.2 Peruntukan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan BHEUU meningkat pada tahun 2009 berbanding 2008.

Carta 2 : Perbandingan Peruntukan Belanja Mengurus dan Pembangunan BHEUU, Tahun 2008 dan 2009



- 9.3 Secara keseluruhannya, peratus perbelanjaan keseluruhan BHEUU adalah sebanyak 97% daripada keseluruhan peruntukan RM123,760,397.00. Pentadbiran Am BHEUU dan Mdl masing-masing menyumbang perbelanjaan sebanyak 99% manakala BBG membelanjakan sebanyak 93%.

Jadual 1 : Pecahan Peruntukan Mengurus dan Prestasi
Perbelanjaan Mengikut Agensi BHEUU, 2009

Agensi	Peruntukan	Perbelanjaan	Peratus Perbelanjaan (%)
Pentadbiran Am, BHEUU	RM60,956,771.00	RM60,258,374.13	99%
Jabatan Insovensi Malaysia (Mdl)	RM41,792,914.00	RM41,482,478.38	99%
Biro Bantuan Guaman (BBG)	RM21,267,712.00	RM19,813,474.12	93%
JUMLAH	RM123,760,397.00	RM121,544,336.73	97%

- 9.4 Bagi peruntukan pembangunan, jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM238,454,600.00 yang merangkumi bajet pembangunan biasa sebanyak RM218,604,600 dan peruntukan bagi program Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) adalah RM19,850,000.00.

Jadual 2 : Pecahan Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan
Pembangunan mengikut Program, 2009

Bil.	Program	Peruntukan yang diluluskan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan (%)
1	Bangunan-Bangunan Mahkamah	177,054,600	116,245,145	66
2	Pembaikan/Ubahsuai Pembekalan & Alat-alat Kemudahan	5,000,000	3,494,095	70
3	Pengkomputeran Mahkamah	35,400,000	10,977,572	31
4	Rumah Kediaman Rasmi Hakim	200,000	44,838	22
5	Bangunan Penyimpanan Fail	950,000	287,082	30
6	<i>Private Financing Initiative</i>	19,850,000	9,402,258	47
	JUMLAH	238,454,600	140,450,991	59

- 9.5 Prestasi bayaran bil pada tahun 2009 menyaksikan BHEUU berjaya mencapai sasaran pembayaran bil dalam masa yang ditetapkan oleh KSN iaitu kurang atau tidak melebihi 14 hari.

Jadual 3 : Prestasi Bayaran Bil Tahun 2009

Tempoh	Bil Didaftar		Kelewatan Lebih 14 hari			
	Bil	Nilai (RM)	Bil	Nilai (RM)	Bil	Nilai (RM)
01/01/2009-31/12/2009	2938	63,031,934.70	0	0.00	0	0.00

- 9.6 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun


Pada tahun 2009, sebanyak 3 mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) telah diadakan iaitu pada 26 Jun 2009, 28 Ogos 2009, 30 Oktober 2009.

10. PERKHIDMATAN ICT

10.1 Operasi Pengguna Dan Rangkaian

Jabatan menyedari kepentingan dalam memastikan tahap sistem penyampaian yang diberikan oleh BHEUU, BBG dan Mdl kepada pelanggan berada di tahap yang ditetapkan.


Rajah 1 : Pendekatan Operasi Dan Rangkaian



Oleh itu beberapa pendekatan telah dilaksanakan bagi memastikan perjalanan operasi ICT di BHEUU, BBG dan MDI tidak terganggu seperti:-

- memastikan sumber dan akses kepada semua aset ICT sentiasa dapat diakses dan digunakan sepenuhnya seperti melakukan aktiviti *preventive maintenance* dan *remote tools*;
- memantau tahap penggunaan rangkaian bagi memastikan kapasiti talian sentiasa berada di dalam julat optimum bagi memastikan semua trafik rangkaian terutamanya berkaitan aplikasi korporat;
- memastikan pengurusan semua aset dan kemudahan ICT Jabatan diuruskan dengan teratur dan mengikut garis panduan; dan
- mengemaskini terhadap semua *patches* dan *updates* bagi semua sistem pengoperasian dan aplikasi dilaksanakan secara berkala.

Carta 2 : Kebolehcapaian Rangkaian BHEUU*Net 2009



PEMBANGUNAN SISTEM

Beberapa aplikasi sistem telah dan sedang dibangunkan sepanjang tahun 2009:

a) Sistem Pengurusan Pemerbadanan Pemegang Amanah (e-Pemerbadanan)



Antaramuka Sistem e-Pemerbadanan

Nama Sistem	e-Pemerbadanan
Keterangan sistem	Menyediakan kemudahan pengurusan Pendaftaran Pemerbadanan Pemegang Amanah di bawah Akta 258.
Skop sistem	Pengurusan penubuhan Pemerbadanan Pemegang Amanah (yayasan), memantau aktiviti-aktiviti yayasan dan pembatalan yayasan. Sistem ini dapat memudahkan orang ramai untuk mengetahui status keaktifan sesuatu yayasan dan memastikan kewujudan sesuatu yayasan.
Tempoh pembangunan	Mac 2009 – Februari 2010
Pengguna dalaman	Seksyen Dasar dan Penyelidikan, BHEUU
Pengguna luaran	Orang awam

b) Sistem Meja Bantuan ICT (HelpDesk)

Nama Sistem	HelpDesk
Keterangan sistem	Menyediakan kemudahan pengurusan meja bantuan ICT BHEUU.
Skop sistem	Mempertingkatkan fungsi Sistem <i>Helpdesk</i> sedia ada dengan membangunkan semula secara <i>web based</i> termasuk integrasi dengan Sistem Direktori dan Sistem MyAsset. Sistem ini digunakan sebagai rujukan untuk penyelesaian kepada aduan-aduan yang dilaporkan.
Tempoh pembangunan	Disember 2009 – Jun 2010
Pengguna dalaman	BHEUU, BBG dan Mdl
Pengguna luaran	Tiada

c) Reka bentuk baru Laman Web Rasmi Jabatan



Antaramuka Web BHEUU yang baru

Nama Sistem	Laman Web
Keterangan sistem	Menyediakan laman web bagi memaparkan maklumat-maklumat terkini agensi.
Skop sistem	Mempertingkatkan fungsi dan ciri laman web mengikut kriteria yang ditetapkan MAMPU dan MDEC.
Tempoh pembangunan	Mac 2009 – September 2010
Pengguna dalaman	BHEUU, BBG dan Mdl
Pengguna luaran	Terbuka kepada semua

d) **Sistem Pengurusan Kes BBG (CMS-BBG)**



Antaramuka CMS-BBG

Nama Sistem	CMS-BBG
Keterangan sistem	Menyediakan kemudahan pengurusan kes secara elektronik kepada semua pengguna di Ibu Pejabat BBG dan 22 cawangan lain.
Skop sistem	Selain penggunaan sistem untuk pengurusan kes oleh kakitangan BBG, peguam juga boleh memohon untuk menjadi Peguam Panel BBG secara online. Integrasi antara CMS-BBG dan Sistem e-Syariah di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pula akan mempercepatkan pengkongsian maklumat
Tempoh pembangunan	Julai 2007 – Mei 2010
Pengguna dalaman	BBG
Pengguna luaran	Peguam Panel

e) **Pembangunan semula Sistem Insolvensi Bersepadu atau *Insolvency Integrated System* (INSIST).**

Nama Sistem	INSIST
Keterangan sistem	Satu sistem pengurusan kebangkrapan dan likuidasi yang bersepadu dengan menggabungkan semua sistem sedia ada di Mdl dengan mengambil kira pembaharuan fungsi sistem.
Sistem sedia ada yang akan disatukan	i. Sistem Pengurusan Kes Jabatan Insolvensi Malaysia (CMS-JIM) ii. Sistem Kutipan (<i>Receipting Machine RM20</i>) iii. Sistem Carian Status Kebankrapan dan Penggulangan Syarikat Secara Online (e-Insolvensi) iv. Sistem Carian Kaunter (Infomix) v. Operasi Cetakan Keputusan Carian Rasmi (KCR) berpusat
Tempoh pembangunan	Januari 2010 – Disember 2010

PENYELENGGARAAN SISTEM

Sistem yang diselenggarakan untuk kegunaan BHEUU, BBG dan Mdl adalah seperti berikut:-

BHEUU	BBG	Mdl
- Laman Web Jabatan - Sistem Direktori dan Pertukaran Pegawai <i>MyAsset</i> - Gerbang MySMS - E-Pengampunan - Sistem <i>Helpdesk</i> - ILMU	- Laman Web Jabatan - Sistem Pengurusan Kes (CMS-BBG) <i>My Asset</i> - Gerbang MySMS	- Laman Web Jabatan - Sistem Pengurusan Kes (CMS-JIM) - Sistem Carian <i>Online</i> Status Kebankrapan dan Likuidasi (e-Insolvensi) - Sistem Kutipan Hasil (RM20) <i>MyAsset</i> - Gerbang MySMS



Gambar 1 : Aktiviti semakan fail transkripsi untuk penyelenggaraan CMS-JIM

PROJEK PENGKOMPUTERAN MAHKAMAH (e-MAHKAMAH)

Tujuan utama Projek e-Mahkamah ini adalah untuk meningkatkan fungsi sistem mahkamah dan meningkatkan infrastruktur rangkaian. Perolehan projek ini dibuat melalui *Request for Information* (RFI) pada bulan Disember 2008 bagi mendapatkan cadangan mengenai skop, kos dan spesifikasi teknikal. Ianya diikuti dengan aktiviti *Proof of Concept* (POC) daripada empat (4) syarikat iaitu Formis Network Sdn Bhd, Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS), Solsis (M) Sdn. Bhd. Dan Privasia Sdn. Bhd.




POC ini telah dijalankan di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur (KMKL) bermula 1 Mac 2009 sehingga 31 Mei 2009. Hasil daripada keputusan penilaian tender terhad, projek ini telah ditawarkan kepada syarikat Formis Network Sdn. Bhd. pada 29 Julai 2009. Tempoh masa projek selama setahun ini dengan nilai RM69.9 juta digunakan sepenuhnya untuk kegunaan projek e-Kehakiman di Semenanjung.

Skop Projek mempunyai sembilan (9) *stream* aktiviti utama seperti berikut:-

Bil.	Aktiviti Utama
1	Perkakasan dan perisian sistem;
2	<i>Court Recording And Transcription System</i> (CRT);
3	Mahkamah Teknologi.
4	<i>Case Management System</i> (CMS) dan <i>Queue Management System</i> (QMS);
5	Sistem e-Filing;
6	Infrastruktur rangkaian.
7	Perkhidmatan Biro (<i>Bureau Service</i>);
8	Automasi Pejabat;
9	Latihan dan <i>Transfer of Technology</i> (TOT).





Antaramuka Case Management System e-Kehakiman

Dalam pada itu, *Integrated Court System* (ICS) sedia ada yang dibangunkan oleh Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS), iaitu sebuah syarikat milik Kerajaan Negeri Sarawak akan terus digunakan oleh mahkamah di Sarawak dan diperluaskan ke mahkamah di Sabah.

11. SISTEM PENGURUSAN AUDIT NILAI (SPAN)

Selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri Siri 7 No. 1 Tahun 2007: Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia, SPAN dilaksanakan bertujuan mengenalpasti keberkesanan pelaksanaan program-program pembaharuan perkhidmatan awam yang terkandung di dalamnya nilai-nilai murni dan seterusnya membangunkan strategi meningkatkan pengalaman nilai-nilai tersebut di BHEUU. Tempoh pelaksanaan mengambil masa lebih kurang 8 bulan iaitu antara bulan Mei hingga Disember 2009.


Tujuan pelaksanaan SPAN:

- mengumpul maklumat mengenai latar belakang BHEUU melalui pelbagai sumber seterusnya mengkaji program-program yang dijalankan terutamanya berkaitan nilai-nilai murni;
- menilai ideologi, persepsi dan tahap pengalaman nilai peribadi diri pegawai BHEUU;
- menilai pengalaman dan persepsi pelanggan ketika berurusan dengan BHEUU; dan
- membangunkan strategi meningkatkan pengalaman nilai dengan merangka dan mengenal pasti kursus atau latihan yang diperlukan di BHEUU berdasarkan hasil keputusan SPAN.

Lima (5) instrumen yang diguna pakai dalam pelaksanaan SPAN:



Keputusan SPAN di BHEUU adalah seperti Carta 2 di bawah:



Hasil analisis mendapati bahawa Amalan Nilai telah mencapai tahap cemerlang dan perlu dikekalkan manakala bagi Nilai Ideal dan Nilai Organisasi berada di tahap yang boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan. Manakala bagi Nilai Peribadi dan Maklum balas Pelanggan berada di tahap perlu penambahbaikan dengan pemantauan. Secara keseluruhannya, kesimpulan terhadap analisis yang telah dibuat ialah Indeks Nilai Komposit menunjukkan tahap pengamalan nilai di BHEUU berada di tahap boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan.

Secara keseluruhannya, indeks nilai keseluruhan (indeks komposit) bagi kelima-lima indeks tersebut telah menunjukkan peningkatan sebanyak 14.2% berbanding tahun sebelumnya iaitu meningkat dari 71.28 poin kepada 81.39 poin. Ini menunjukkan bahawa tahap pengamalan nilai di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang telah menunjukkan peningkatan dari “perlu penambahbaikan dengan pemantauan” kepada “boleh diterima dengan meneruskan usaha penambahbaikan”.

12. PEMBANGUNAN MODAL INSAN

12.1 Penganjuran kursus, latihan dan ceramah keutuhan

Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran modal insan, sebanyak 28 kursus, latihan dan Program Ceramah Keutuhan anjuran Unit Sumber Manusia telah diadakan sepanjang tahun 2009 melibatkan bilangan peserta dan kos seperti berikut:

Bil.	NAMA KURSUS	TARIKH	KUMPULAN SASARAN	BIL. PESERTA	KOS (RM)
1	Kursus Pengurusan Stress	21-23 Jan	Pegawai P&P, Sokongan I & II	49	24,310.80
2	My Asset	22 Jan	Pegawai P&P, Sokongan I & II	10	300.00
3	Program Ceramah Keutuhan – Etika Kerja Dalam Islam	22 Jan	Pegawai P&P, Sokongan I & II	115	1,260.00

4	Sistem Ilmu	3 Feb	Pegawai P&P, Sokongan I & II	24	60.00
5	Kursus <i>High Impact Team</i>	24-27 Feb	Pegawai P&P, Sokongan I & II	52	31,862.80
6	Program Ceramah Keutuhan – Rawat Hatinya	27 Feb	Pegawai P&P, Sokongan I & II	125	1,800.00
7	Kursus e-Perolehan Anjuran Unit Kewangan	3-4 Mac	Pegawai P&P, Sokongan I & II	49	1,230.00
8	Sistem Ilmu	13 Mac	Pegawai P&P, Sokongan I & II	17	300.00
9	Kursus Kewangan dan Perakaunan Bagi PUU Gred L29 Zon Tengah	26-28 Mac	Pegawai P&P, Sokongan I & II	114	35,789.00
10	Program Ceramah Keutuhan – Cantik, Menarik dan Tertarik	27 Mac	Pegawai P&P, Sokongan I & II	161	1,800.00
11	PHP and MySQL With <i>Dreamweaver</i>	30 Mac-3 Apr	Pegawai P&P, Sokongan I & II	17	10,000.00
12	Program Ceramah Keutuhan –Yang Jauh Kita Dekatkan Yang Dekat Kita Eratkan	16 Apr	Pegawai P&P, Sokongan I & II	125	2,000.00
13	Sesi Orientasi Pegawai-Pegawai Baru BHEUU, BBG dan JIM	23 Apr	Pegawai P&P, Sokongan I & II	24	750.00
14	Kursus Asas Perkhidmatan Pengurusan Sumber Manusia	8-10 Mei	Pegawai P&P, Sokongan I & II	57	24,268.80
15	Program Ceramah Keutuhan– Kasihnya Ibu Membawa Ke Syurga, Kasihnya Bapa Membawa Bahagia	21 Mei	Pegawai P&P, Sokongan I & II	143	1,800.00
16	Kursus Pengurusan Stor dan Harta Kerajaan	9-12 Jun	Pegawai P&P, Sokongan I & II	63	29,348.00
17	Program Ceramah Keutuhan– Jenayah Kolar Putih	23 Jun	Pegawai P&P, Sokongan I & II	111	1,800.00
18	Program Ceramah Keutuhan– Kesedaran Keselamatan ICT	3 Ogos	Pegawai P&P, Sokongan I & II	101	1,320.00

19	Program Ceramah Keutuhan - 1 Malaysia	10 Ogos	Pegawai P&P, Sokongan I & II	135	1,280.00
20	Kursus <i>Microsoft Office</i> di POJ - Siri Pertama - Siri Kedua - Siri Ketiga	20-24 Apr 22-25 Jun 27-30 Jul	Pegawai P&P, Sokongan I & II	60	9,030.00
21	Kursus Pengurusan Integriti Bagi Pegawai Penyelia BHEUU, BBG dan JIM	14-16 Ogos	Pegawai P&P, Sokongan I & II	45	34,400.00
22	Program Ceramah Keutuhan- Kemuliaan Ramadan dan Kesederhanaan Menyambut Kedatangan Syawal	14 Sep	Pegawai P&P, Sokongan I & II	117	240.00
23	Kursus Asas Pertolongan Cemas	21 Okt	Pegawai P&P, Sokongan I & II	40	2,015.00
24	Program Ceramah Keutuhan - Muhasabah Diri Penggerak Minda	29 Okt	Pegawai P&P, Sokongan I & II	102	1,520.00
25	Program Ceramah Keutuhan - Stress dan Kesannya Kepada Organisasi	19 Nov	Pegawai P&P, Sokongan I & II	110	2,080.00
26	Program <i>High Impact Team</i> (Team Building) Siri 2/2009	23-25 Nov	Pegawai P&P, Sokongan I & II	66	48,750.00
27	Kursus Asas Protokol dan Etiket Sosial	30 Nov-1 Dis	Pegawai P&P, Sokongan I & II	57	7,000.00
28	Kursus Peningkatan Kemahiran Bagi Penghantar Notis Biro Bantuan Guaman	16-17 Dis	Kumpulan Sokongan II	21	2,334.00
JUMLAH :					278, 648.40

12.2 Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) Perkhidmatan Bukan Gunasama Bagi Pembantu Undang-Undang Dan Penghantar Notis

Selaras dengan perubahan pelaksanaan PTK melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 19/2008, urus setia PTK telah mengadakan Mesyuarat Penggubalan Soalan dan Jabatan PTK pada 26-28 Mei 2009 bertempat di Colmar Tropicale, Bukit Tinggi, Pahang. Berikut merupakan senarai pelaksanaan PTK melalui kaedah peperiksaan dan kaedah Pusat Penilaian Kompetensi sepanjang tahun 2009.

SIRI	PENILAIAN	TARIKH	TEMPAT	KAEDAH
1/2009	PUU Gred: L29 TK1 L29 TK2 L32 TK3	Mac 2009	Dewan Serbaguna Aras 2	Peperiksaan
1/2009	PUU Gred: L29 TK1 L29 TK2 L32 TK3 L38 TK4	Ogos 2009	Dewan Serbaguna Aras 2	Pusat Penilaian Kompetensi
2/2009	PUU Gred: L29 TK1 L32 TK3 L38 TK4	9-15 Dis 2009	Dewan Serbaguna Aras 2	Pusat Penilaian Kompetensi
3/2009	Penghantar Notis Gred N3	17 Dis 2009	Mdl dan Mahkamah	Lisan & Pemerhatian

12.3 Pengemaskinian Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

Antara Modul HRMIS yang telah dilaksanakan di BHEUU ialah Submodul LNPT, Rekod Peribadi, Rekod Perkhidmatan, Permohonan Cuti, Perisytiharan Harta dan Penyediaan Penyata Perubahan (Kew.8). Latihan aplikasi HRMIS yang dijalankan bagi tahun 2009 melibatkan submodul seperti berikut:

BIL	SUBMODUL	TARIKH	TEMPAT
1	Perisytiharan Harta	10 Mac 2009	Dewan Serbaguna Aras 2
2	Penyediaan Penyata Perubahan Gaji (Kew.8)	24-26 Mac 2009	Blok C1, JPA
3	Laporan Nilai Prestasi Tahunan	25-26 Mei 2009	Bilik Latihan ICT Aras 4

13. PENGURUSAN ASET DAN STOR

BHEUU berperanan mengurus aset alih kerajaan dan stor selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2009. BHEUU juga membantu dan menyelaraskan pengurusan aset dan stor dua (2) agensi di bawahnya iaitu Mdl dan BBG.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) BHEUU telah diadakan sekali bagi tahun 2009 iaitu pada 15 Jun 2009. Pemeriksaan aset BHEUU telah diadakan pada 23 Oktober dan 7 Disember 2009 manakala verifikasi stok BHEUU pula telah dijalankan pada 13 November 2009.

BHEUU telah berjaya mengemukakan Laporan Suku Tahun Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat (Akhir) mengikut jadual ke Bahagian Pembangunan dan Kewangan, JPM.

Nilai aset alih BHEUU sehingga 31 Disember 2009 adalah berjumlah RM 15,296,111.13 (RM: Lima Belas Juta Dua Ratus Sembilan Puluh Enam Ribu Satu Ratus Sebelas dan Tiga Belas Sen Sahaja) yang merangkumi bilangan harta modal sebanyak 3808 berjumlah RM 14,751,383.33 dan bilangan inventori sebanyak 185 berjumlah RM 544,727.80.

13.1 Perolehan Harta Modal Bukan ICT Tahun 2009

Harta Modal	Nilai	Jabatan Penerima
5 buah Kenderaan a) Toyota Fortuner dan Toyota Innova - 4 buah b) Bas - 1 buah	a) RM 354,559.82 b) RM 495,000.00	i) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang ii) Biro Bantuan Guaman iii) Jabatan Insolvensi Malaysia
Buku-buku(1,458 buah) a) Buku Undang-Undang b) Buku-Buku Am c) Buku-Buku Pengurusan d) Jurnal Undang-Undang	RM 835,302.45	i) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang ii) Biro Bantuan Guaman iii) Jabatan Insolvensi Malaysia
LCD Projektor	RM 109,560.00	Biro Bantuan Guaman
Perabot dan <i>Workstation</i>	RM 85,440.00	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

13.2 Perolehan Harta Modal ICT Tahun 2009

Bil.	Jenis Perolehan	Item
1.	Perolehan Perkakasan ICT - Bagi memenuhi keperluan perjawatan baru di BHEUU, BBG dan Mdl - Keperluan sistem aplikasi seperti CMS BBG serta Sistem <i>MyAsset</i>	- Komputer (400 unit) - Pencetak (297 unit) - Pengimbas (29 unit) - Pencetak label (26 unit) - Pencetak barkod (1 unit) - Pengimbas barkod (1 unit) - pengimbas mobil (1 unit) - <i>workstation tagging</i> (1 unit)
2.	Perolehan Perisian - Keperluan kepada sistem automasi pejabat dan juga pembangunan sistem di BHEUU, BBG dan Mdl	Sistem Automasi Pejabat - AutoCAD 2010 - Dewan Eja Pro - <i>Acronis True Image</i> - <i>Microsoft Office Visio 2007 Profesional</i> - Microsoft Project Pro 2007 Pembangunan Sistem - <i>Adobe CS4 Web Premium</i> - <i>Corel Video Studio Pro X2</i> - <i>Microsoft Windows Server 2008</i>
3.	Pengurusan Pusat Data - Menyediakan Sistem Pemantauan Persekitaran Pusat Data untuk memastikan suhu dan juga bekalan kuasa elektrik sentiasa terkawal. Pemantauan ini boleh dibuat secara <i>remote</i> dan pemberitahuan akan dihantar mesej melalui e-mel dan sms jika terdapat gangguan. - Menyediakan <i>tape library</i> bagi membolehkan proses <i>back up</i> dan <i>restore</i> dilaksanakan di DRC Jalan Duta, KL - Penambahan storan e-mel ini bagi memenuhi keperluan perjawatan baru yang bertambah disebabkan storan sedia ada tidak mencukupi	- Sistem Pemantauan Persekitaran Pusat Data - <i>Tape library</i> dan penambahan storan sistem e-mel
4.	Sewaan PC - Keperluan pegawai kontrak baru di Mdl bagi melaksanakan <i>task force</i> di cawangan BBG dan Mdl.	- Komputer (80 unit)
5.	Langganan Pangkalan Data Atas Talian Lexis Nexis - Keperluan Pegawai Undang-undang di BHEUU, BBG dan Mdl untuk mendapatkan bahan rujukan perundangan sehingga di peringkat global melalui sistem ini.	- Govt SLP - Malaysian Menu (11 ID) - Commonwealth menu (4 ID) - Global menu (2 ID)

14. URUSAN PENYEWAAN RUANG PEJABAT DAN RUANG STOR

BHEUU bertanggungjawab dalam menyelaraskan kontrak penyewaan ruang pejabat dan ruang stor bagi cawangan-cawangan BBG dan Mdl di bangunan swasta. Berikut merupakan urusan penyewaan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2009:

BIL	PROSES PENYEWAAN	JABATAN INSOLVENSIAL MALAYSIA (MDI)	JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG)
1	Penyewaan Stor Likuidasi	- Cawangan Selangor - Cawangan Sandakan - Cawangan Negeri Sembilan - Cawangan Johor Bahru - Cawangan Ipoh - Cawangan Tawau - Cawangan Kedah - Cawangan Kuantan - Cawangan Kuching - Cawangan Kota Bharu - Cawangan Muar	Tiada penyewaan stor likuidasi bagi BBG
2	Perlanjutan Penyewaan Ruang Pejabat (3 tahun)	- Cawangan Melaka - Cawangan Miri	- Cawangan Wilayah Persekutuan - Cawangan Langkawi - Cawangan Gua Musang - Cawangan Labuan - Cawangan Miri
3	Penyewaan Ruang Pejabat Baru	Tiada penyewaan ruang pejabat baru bagi Mdl	Cawangan Kota Kinabalu

15. KEURUSETIAAN

15.1 Mesyuarat Pasca Jemaah Menteri

Sepanjang tahun 2009, Mesyuarat Pasca Jemaah Menteri Bersama YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz telah dilaksanakan sebanyak 25 kali bertempat di Bilik Gerakan Aras 10, BHEUU ataupun di Bilik Mesyuarat Aras 4, Bangunan Menara Parlimen Malaysia. Keahliannya melibatkan semua agensi di bawah Menteri berkenaan.

15.2 Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia

Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia diadakan bagi membincangkan urusan Pergerakan Gaji Tahunan (PGT), Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Pemberian Anjakan Gaji dan Perancangan Tahunan bagi Kursus/Latihan.

SIRI	TARIKH	TUJUAN
1/2009	18 Mac 2009	Pergerakan Gaji Tahunan (PGT)
2/2009	27 Mac 2009	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)
3/2009	27 Apr 2009	Pemberian Anjakan Gaji
1/2009	9 Dis 2009	Latihan

15.3 Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP)

SIRI	TARIKH	TEMPAT
1/2009	24 Mac 2009	Bilik Gerakan Aras 10
2/2009	26 Jun 2009	Tiara Beach Resort
3/2009	2 Oktober 2009	Bilik Gerakan Aras 10
4/2009	11 Disember 2009	Bilik Gerakan Aras 10

15.4 Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan (MKJ)

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah BHEUU dan ahli mesyuaratnya terdiri daripada semua Ketua Jabatan/Bahagian/Seksyen. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan isu-isu berkaitan operasi dan pengurusan BHEUU, BBG dan Mdl. Sepanjang tahun 2009, MKJ telah diadakan sebanyak 10 kali.

15.5 Mesyuarat Pengurusan BHEUU

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah BHEUU bagi membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan, kawalan, operasi dan pengurusan BHEUU. Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional serta Kumpulan Sokongan 1 di BHEUU. Sepanjang tahun 2009, mesyuarat ini telah diadakan sebanyak 11 kali.

15.6 Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

MBJ diadakan sebagai salah satu saluran bagi para pekerja membincangkan isu-isu/ perkara yang memerlukan perhatian dan tindakan pihak pengurusan atasan bagi meningkatkan kelicinan penyampaian perkhidmatan di samping mengeratkan tali silaturahim antara kedua belah pihak.

Bagi tahun 2009, sebanyak 4 siri Mesyuarat MBJ telah dilaksanakan seperti berikut:

SIRI	TARIKH	TEMPAT
1/2009	2 April 2009	Bilik Gerakan Aras 10
2/2009	27 Jun 2009	Tiara Beach Resort
3/2009	9 September 2009	Bilik Gerakan Aras 10
4/2009	4 Disember 2009	Bilik Gerakan Aras 10

Berikut merupakan pecahan kategori usul-usul yang dibincangkan dalam MBJ BHEUU sepanjang tahun 2009:

KATEGORI USUL	BILANGAN
Elaun dan Kemudahan	9
Kewangan	-
Perkhidmatan	8
Skim Perkhidmatan/ Perjawatan	12
Kebajikan	6
Pentadbiran	73
Hal-Hal Lain	22
JUMLAH	130

Ringkasan perkara berbangkit dan isu baru yang dibincangkan dalam Mesyuarat MBJ BHEUU sepanjang tahun 2009 adalah seperti berikut:

Siri	Perkara Berbangkit		Isu Baru		Jumlah
	Selesai	Belum Selesai	Selesai	Belum Selesai	
1/2009	12	7	-	9	28
2/2009	5	6	4	28	43
3/2009	22	9	1	6	38
4/2009	7	7	-	7	21
	Jumlah				130

15.7 Perhimpunan Bulanan BHEUU

Perhimpunan Bulanan BHEUU adalah salah satu daripada aktiviti yang dijalankan bersama agensi-agensi di bawahnya iaitu BBG dan Mdl. Pada kebiasaannya perhimpunan ini akan diadakan pada minggu kedua setiap bulan di Dewan Serbaguna Aras 2 melibatkan semua warga BHEUU, BBG dan Mdl. Pada tahun 2009, Perhimpunan Bulanan BHEUU telah diadakan sebanyak 9 kali. Selain daripada amanat YBhg Dato' Ketua Pengarah BHEUU, Anugerah Pekerja Contoh Bulanan bagi BHEUU, BBG dan Mdl, pegawai-pegawai yang baru bertugas di BHEUU, BBG dan Mdl serta pegawai-pegawai yang telah bertukar keluar dan bersara turut diumumkan dalam perhimpunan tersebut.

16. STATISTIK PUSAT SUMBER

Berikut merupakan statistik aktiviti yang dijalankan oleh Perpustakaan BHEUU sepanjang tahun 2009:


BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Jumlah Pengguna Perpustakaan (Perujuk/Peminjam)	4371
2	Jumlah Pertanyaan Rujukan	
	a) Dari dalam BHEUU	1216
	b) Dari luar BHEUU	6
3	Jumlah Pinjaman Bahan	2122
4	Jumlah Pinjaman Antara Perpustakaan:	
	a) Dari dalam BHEUU	9
	b) Dari luar BHEUU	6
5	Jumlah Pemulangan Bahan	2026
6	Pendokumentasian Bahan	
	a) Jumlah Bahan Dikatalog	1125
	b) Jumlah Bahan Direkod	1125
7	Perkhidmatan Fotostat	62
8	Jumlah Terbitan Bersiri Yang Diterima	
	a) Dalam Negeri	424
	b) Luar Negeri	2
	c) BHEUU	5
9	Jumlah buku yang diterima secara pembelian	371
10	Menginput data entri ke dalam komputer (ILMU)	
	a) Buku	531
	b) Patron	100
11	Pinjaman Buku Berkelompok	676
12	Kutipan Denda Lewat (RM)	524.10

17. PERKARA DAN NASIHAT PERUNDANGAN


Perkara dan nasihat perundangan adalah meliputi tugas-tugas berikut:

- 1) Pewartaan Pemberitahuan Pelantikan/Perisytiharan Bagi Pegawai Amanah Raya Berhad (ARB) Di Bawah Akta Perbadanan Amanah Raya 1995
- 2) Pewartaan Pelantikan Pemeriksa Dokumen Di Jabatan Kimia Malaysia Oleh Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Malaysia Di Bawah Subseksyen 399(2) Kanun Tatacara Jenayah
- 3) Permohonan Pendaftaran Perintah Nafkah Di Mahkamah Menurut Seksyen 3 Akta Perintah Nafkah (Kemudahan Bagi Penguatkuasaan) 1949 [Akta 34]
- 4) Permohonan Permintaan Dari Luar Negara/Dari Dalam Negara Untuk Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah Bagi Prosiding Mahkamah Luar Negara/Dalam Negara Di Bawah Aturan 39 Dan Aturan 66 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980
- 5) Penyediaan Ulasan Memorandum Jemaah Menteri
- 6) Penyediaan Pandangan Undang-Undang
- 7) Penyemakan Dokumen Perjanjian Yang Dimasuki Oleh BHEUU
- 8) Permohonan Pendaftaran Pemerdagangan Pemegang Amanah Di Bawah Seksyen 2 Akta Pemegang Amanah (Pemerdagangan) 1952 [Akta 258]
- 9) Penyemakan Dokumen Berkaitan Mesyuarat Jemaah Pengampunan Kes-kes Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya Dan Jemaah Pengampunan Kes-Kes Keselamatan
- 10) Aduan Awam
- 11) Penggubalan Atau Pindaan Perundangan Utama Dan Perundangan Subsidiari
- 12) Penyemakan Kertas Pertimbangan Untuk Lembaga Tatatertib BHEUU


Carta 1 : Perbandingan bilangan perkara dan nasihat perundangan bagi tahun 2008-2009



Carta 2 : Bilangan perkara dan nasihat perundangan mengikut kategori bagi tahun 2009



Carta 3 : Bilangan perjanjian disemak mengikut kategori pada tahun 2009



LAPORAN TAHUNAN 2009
BIRO BANTUAN GUAMAN

‘TRANSFORMASI MELONJAK VISI’



Kandungan

Muka Surat

55	Pengurusan Tertinggi BBG
57	Carta Organisasi Biro Bantuan Guaman
58	Pengenalan BBG
60	Tugas Utama dan Prestasi 2009
70	Perubahan Perundangan dan Usaha Penyelidikan
71	Lawatan Kajian Penyelidikan Undang-Undang
72	Pembangunan Modal Insan
74	Aktiviti 2009
77	Pencapaian 2009
78	Kerjasama Dengan Agensi Luar

Profil Pengurusan Tertinggi BBG



Puan Siti Zawahir binti Mohamed Ketua Pengarah (Mulai 16 November 2009)

Puan Siti Zawahir binti Mohamed telah memulakan kerjaya dalam bidang perundangan dan kehakiman sebagai Penolong Penggubal di Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara sebaik sahaja tamat Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1985.

Selepas itu beliau telah berkhidmat sebagai Penolong Kanan Pendaftar di Sekreteriat Penyelidikan Bahasa Malaysia Mahkamah Agung, di Mahkamah Tinggi Dagang Kuala Lumpur dan Mahkamah Tinggi Sivil Kuala Lumpur. Beliau kemudiannya telah berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang di Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum ditukarkan ke Bahagian Penasihat Jabatan Peguam Negara. Beliau telah kembali ke Bahagian Gubalan pada 1996 sebagai Penolong Kanan Penggubalan dan seterusnya menjadi Ketua Unit sehingga 31 Mei 2007. Mulai 1 Jun 2007 beliau menjadi Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Syariah) sehingga 15 Mac 2009 sebelum memegang jawatan khas di Bahagian Gubalan.

Beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Biro Bantuan Guaman pada 16 November 2009 sehingga kini.

Sapini bin Mat Saman
Timbalan Ketua Pengarah (Sivil)
(Mulai 1 April 2009)

Tuan Sapini bin Mat Saman telah dilahirkan pada 30 Januari 1958 di Melaka. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Malaya pada tahun 1983 dan telah diterima masuk sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara, Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1996. Memulakan perkhidmatan dengan Kerajaan pada 26 April 1985 sebagai Majistret di Mahkamah Majistret Temerloh dan seterusnya di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur.

Beliau telah dilantik sebagai Majistret Kanan Mahkamah Majistret Petaling Jaya, Mahkamah Majistret Melaka dan kemudiannya menjadi Timbalan Pendakwa Raya di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Timbalan Ketua Pengarah BBG dan Pengerusi Tribunal Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Sivil) BBG mulai 1 April 2009 sehingga sekarang.




Hj Saarani bin Ismail
Timbalan Ketua Pengarah (Syariah)
(Mulai 16 Januari 2009)


Tuan Haji Saarani bin Ismail telah dilahirkan pada 28 Februari 1959 di Alor Setar, Kedah. Beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1984, Diploma Pentadbiran Dan Kehakiman Islam (Universiti Malaya pada 1990 dan Intermediate General English (Edwards Language School, London, 2007).

Beliau telah mula berkhidmat dalam perkhidmatan awam pada 15 September 1986 di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan seterusnya berkhidmat di BBG Kedah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) BBG mulai 16 Januari 2009.



Carta Organisasi Biro Bantuan Guaman







Pengenalan BBG

Biro Bantuan Guaman (BBG) telah ditubuhkan pada September 1970 di bawah Ordinan No.39 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970. Ordinan ini telah dimansuhkan oleh Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] pada 30 April 1971. Objektif utama BBG adalah untuk memberikan khidmat bantuan dan nasihat guaman, khidmat pengantaraan dan memberi kesedaran undang-undang kepada golongan yang kurang berkemampuan (yang sumber kewangannya tidak melebihi RM30,000 setahun). Pada tahun penubuhannya, BBG hanya mengendalikan kes kekeluargaan sivil berkaitan dengan perceraian, nafkah, jagaan dan harta sepencarian. Pada tahun tersebut, BBG telah mengendalikan 150 kes kekeluargaan dengan jumlah pegawai dan kakitangan seramai 15 orang sahaja. Bagaimanapun, kini jumlah pegawai dan kakitangan BBG telah bertambah kepada 518 orang iaitu 84 pegawai dan 434 kakitangan dan cawangannya pula telah meningkat kepada 22 cawangan di seluruh negara.

Bidang kuasa BBG di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 meliputi kes sivil dan Syariah seperti kes perceraian, nafkah anak dan isteri, dan penjagaan anak bagi orang Islam dan bukan Islam (mengikut undang-undang Syariah dan sivil). Selain kes kekeluargaan sivil dan Syariah, BBG juga mengendalikan kes sivil lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Akta 26 seperti kes sewa beli, kemalangan jalan raya, anak angkat, tuntutan pengguna, harta pusaka, pinjaman wang dan kes yang melibatkan penyewaan. Di samping itu, BBG juga mengendalikan prosiding jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua Akta 26 iaitu semua prosiding jenayah yang dalamnya tertuduh yang tidak diwakili oleh peguam mengaku salah dan membuat rayuan untuk meringankan hukuman berkenaan dengannya, prosiding di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan prosiding di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955.

Berdasarkan Bahagian V Akta 26, BBG juga memberi khidmat nasihat undang-undang secara lisan mengenai segala perkara berkaitan dengan undang-undang Malaysia kepada semua orang yang bermastautin dan berada di Malaysia.

Berikutan dengan pindaan kepada Akta 26 pada tahun 2003, BBG juga menyediakan khidmat pengantaraan bermula pada 1 September 2006. Khidmat pengantaraan ini bertujuan untuk membantu pihak-pihak yang bertikai menyelesaikan kes di luar mahkamah. Dengan adanya perkhidmatan pengantaraan ini, kes-kes terutamanya yang melibatkan pertikaian kekeluargaan dapat diselesaikan dengan lebih cepat dan ia juga dapat membantu mengurangkan kes-kes tertunggak di mahkamah.

2. TUGAS UTAMA DAN PRESTASI 2009

2.1 Berguam di mahkamah sivil di seluruh Malaysia


Setakat 31 Disember 2009, BBG telah mengendalikan sebanyak 5,897 kes kekeluargaan sivil, 708 kes sivil pelbagai dan 1,246 kes jenayah di seluruh Malaysia. Kes kekeluargaan sivil termasuklah kes nafkah, perubahan perintah nafkah, penguatkuasaan perintah nafkah, perceraian dan jagaan anak manakala kes sivil pelbagai pula termasuklah kes penanam padi, harta pusaka kecil, kemalangan jalan raya, pinjaman wang, sewa beli, probet dan surat kuasa mentadbir pusaka, anak angkat dan tuntutan pengguna. Prosiding jenayah yang dijalankan oleh BBG melibatkan mewakili anak guam yang ingin mengaku salah terhadap pertuduhan dan membuat representasi untuk meringankan hukuman, prosiding di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955. Hak untuk hadir dan berguam (*right to appear and plead*) ini melibatkan prosiding dalam semua mahkamah di Malaysia yang dikendalikan oleh pegawai BBG di peringkat cawangan di seluruh negara.

Pada keseluruhannya bilangan kes yang dikendalikan oleh BBG adalah seperti yang berikut:

Statistik Kes Sivil Sepanjang Tahun 2009

Jenis Kes	Kes Dibawa Ke Hadapan	Jumlah Kes Didaftarkan	Kes Selesai	Kes Belum Selesai
Kes Kekeluargaan Sivil	3421	2476	2025	3872
Kes Sivil Pelbagai	498	210	271	437
Kes Jenayah	265	981	807	439
Jumlah	4184	3667	3103	4748

**STATISTIK KES YANG DIKENDALIKAN OLEH BIRO BANTUAN GUAMAN
BAGI SEPANJANG TAHUN 2009**




Diperhatikan bahawa kes jenayah yang dikendalikan adalah agak kecil bilangannya dibandingkan dengan kes kekeluargaan sivil. Ini disebabkan oleh faktor bidang kuasa BBG yang hanya terhad kepada mewakili tertuduh dalam kes yang melibatkan pengakuan bersalah sahaja. BBG tidak mempunyai bidang kuasa untuk mewakili tertuduh yang tidak mengaku salah yang meminta dibicarakan kecuali yang melibatkan pesalah kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan orang dewasa di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955. Kebanyakan kes jenayah ini diperoleh hasil daripada usaha promosi yang giat dijalankan oleh pegawai BBG di penjara di seluruh negara dengan kekerapan sekurang-kurangnya sekali sebulan.

2.2 Berguam di Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia

Pada 2009, Bahagian ini telah mendaftarkan kes baru di seluruh negara berjumlah 8973 kes. Di samping itu Bahagian ini terus mengendalikan kes yang belum selesai di seluruh negara sebanyak 19 910 kes. Kes yang telah diselesaikan pada 2009 adalah sebanyak 7295.

**PECAHAN KES BARU YANG DIDAFTARKAN
PADA 2009**





Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) bergambar bersama-sama dengan pegawai dan kakitangan Bahagian Syariah di Ibu Pejabat




Kakitangan bertugas sedang melayani pertanyaan pelanggan

**BILANGAN KES SYARIAH YANG DIKENDALIKAN OLEH
BIRO BANTUAN GUAMAN DARI BULAN JANUARI-DISEMBER 2009**

CAWANGAN	Kes Dibawa dari Tahun 2008	Nafkah	Perubahan Perintah Nafkah	Penguat kuasaan Perintah Nafkah	Ceraai	Jagaan	Harta Sepencarian	Mutaah	Rayuan	Jumlah kes baru	Selesai Melalui			Jumlah Kes Selesai	Kes yg belum selesai
											Mah	Damai	Tutup		
Perlis	930	63	0	13	151	64	11	16	0	318	283	0	26	309	939
Kedah	1909	80	4	3	284	89	30	44	0	534	169	7	62	238	2205
Pulau Pinang	649	114	12	28	176	64	34	40	1	469	123	0	43	166	952
Perak	1268	59	13	27	108	38	30	27	0	302	218	8	139	365	1205
Selangor	2534	125	28	37	341	65	39	31	0	666	341	0	175	516	2684
Wilayah Persekutuan	1081	76	13	42	299	56	14	33	0	533	278	15	135	428	1186
N.Sembilan	995	69	10	37	243	19	20	31	0	429	275	0	69	344	1080
Melaka	779	131	20	42	155	84	34	44	0	510	326	1	21	348	941
Johor	766	133	16	40	338	46	15	45	0	633	415	0	73	488	911
Pahang	1057	197	31	59	265	93	48	61	0	754	507	0	137	644	1167
Kelantan	1005	239	13	86	488	53	17	69	0	965	519	39	214	772	1198
Terengganu	1483	176	17	39	371	73	28	69	4	777	642	2	18	662	1598
Sarawak	814	87	3	7	131	56	23	37	0	344	276	35	105	416	742
Sabah	555	39	4	7	102	25	2	10	0	189	101	8	215	324	420
Raub	361	58	2	12	89	40	24	58	0	283	163	0	3	166	478
Muar	508	54	11	21	169	47	16	27	0	345	281	2	75	358	495
Taiping	565	69	6	23	152	25	18	24	0	317	162	7	42	211	671
Miri	265	31	5	6	43	15	2	11	0	113	106	8	42	156	222
Sibu	173	54	3	2	48	28	5	25	0	165	114	21	13	148	190
Gua Musang	180	10	0	2	19	25	0	6	0	62	55	4	1	60	182
Labuan	58	12	5	2	45	11	4	3	0	82	26	0	29	55	85
Langkawi	268	28	2	8	49	12	4	9	0	112	56	0	39	95	285
Putrajaya	29	28	0	5	16	10	2	10	0	71	26	0	0	26	74
JUMLAH	18232	1932	218	548	4082	1038	420	730	5	8973	5462	157	1676	7295	19910

PERBEZAAN PENDAFTARAN KES BAGI TAHUN 2008 DAN 2009



Keseluruhannya kadar peningkatan kes sangat ketara di Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Wilayah Persekutuan dan Selangor. Pertambahan kes ini hasil kesedaran masyarakat tentang hak mereka di sisi undang-undang melalui program promosi yang dijalankan oleh BBG secara berterusan.

2.3 Pengendalian Kes Oleh Panel Peguam

BBG telah mengendalikan kes yang melibatkan pihak-pihak yang bertikai yang layak dan telah memohon khidmat BBG. Kebanyakan kes yang dirujuk kepada Panel Peguam terdiri daripada kes yang kedua-dua pihak layak dibantu oleh BBG. Berdasarkan prinsip keadilan, BBG tidak boleh mewakili atau mengendalikan kes bagi kedua-dua pihak yang bertikai sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 20 Akta Bantuan Guaman 1971. BBG perlu menyerahkan kes-kes sedemikian kepada peguam swasta yang berdaftar dengan BBG untuk mengendalikannya.

Sepanjang 2009, sebanyak 282 iaitu 21 kes sivil dan 261 kes Syariah telah diserahkan kepada panel peguam untuk dikendalikan. Jumlah kes yang dikendalikan oleh BBG mengikut cawangan adalah seperti di Jadual. Jumlah ini menunjukkan kes Syariah merupakan, 92.5% daripada jumlah kes yang diserahkan oleh BBG kepada panel peguam. Kebanyakan kes Syariah yang diserahkan untuk dikendalikan oleh peguam panel merupakan kes yang kedua-dua pihak layak mendapat bantuan guaman. Negeri Selangor, Pahang dan Wilayah Persekutuan merupakan negeri yang paling banyak menyerahkan kes untuk dikendalikan oleh panel peguam. Sehingga kini, kes yang masih dalam pengendalian panel peguam di seluruh negara ialah 1092 kes. Bahagian Peguam Panel juga memproses permohonan bagi kes-kes yang perlu mendapatkan pengecualian daripada Menteri iaitu kes-kes di luar bidang kuasa BBG dan kes yang pemohon mempunyai pendapatan melebihi had kelayakan yang telah ditetapkan dalam Akta 26. Sebanyak 62 kes telah mendapat pengecualian daripada YB Menteri sepanjang tahun 2009.

Bahagian Peguam Panel juga bertanggungjawab memproses permohonan peguam swasta untuk menjadi panel peguam BBG. Mana-mana peguam yang memiliki sijil amalan guaman layak memohon untuk menyertai peguam panel di BBG. Untuk memohon, seseorang peguam perlu mengemukakan profil peribadi dan maklumat mengenai pengalaman dan kepakarannya dalam sesuatu bidang serta sijil amalan guaman yang sah. Sehingga kini 314 peguam dari seluruh Malaysia telah mendaftarkan diri sebagai peguam panel BBG.

Sepanjang 2009, sebanyak 167 kes telah dapat diselesaikan oleh panel peguam BBG yang melibatkan pembayaran sebanyak RM228,140.93. Walau bagaimanapun, bayaran perkhidmatan yang dibayar kepada peguam panel bagi kes-kes BBG adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan caj sebenar yang dikenakan oleh peguam swasta. Namun demikian, peguam swasta juga memahami bahawa perkhidmatan yang diberikan kepada BBG merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat yang kurang berkemampuan.

Terdapat pengurangan bilangan kes yang diserahkan untuk pengendalian peguam panel bagi tahun 2009 iaitu 282 kes jika dibandingkan dengan tahun 2008 sebanyak 318 kes. Pengurangan ini disebabkan oleh kes yang sepatutnya diserahkan kepada peguam panel telah dapat diselesaikan melalui pengantaraan oleh BBG, contohnya di Pulau Pinang, kes yang dirujuk ke Unit Pengantaraan adalah sebanyak 422 kes.

PENDAFTARAN KES YANG TELAH DISERAHKAN KEPADA PEGUAM PANEL 2009

Negeri	KES	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Putrajaya	SIVIL													
	SYARIAH													
Selangor	SIVIL		1	1		1								3
	SYARIAH		7	6	5	8	1	3	9		1	3		43
Wilayah Persekutuan	SIVIL													
	SYARIAH			1	2	2	3	9	27		8	1		53
N.Sembilan	SIVIL													
	SYARIAH				2	1								3
Melaka	SIVIL													
	SYARIAH	2	5	2		9		2	4	1		2	2	29
Muar	SIVIL													
	SYARIAH					1			6		3			10
Johor	SIVIL					1								1
Bahru	SYARIAH				1	17		4				3		25
Kedah	SIVIL													
	SYARIAH		11			4	6	2	16		7	2		48
Langkawi	SIVIL													
	SYARIAH									1	1			2
Perlis	SIVIL													
	SYARIAH				2	1	2							5
Pulau Pinang	SIVIL													
	SYARIAH													
Pahang	SIVIL							2						2
	SYARIAH	5			1	2	13	6				2		29
Raub	SIVIL													
	SYARIAH													
Perak	SIVIL				1									1
	SYARIAH	3								1				4
Taiping	SIVIL												2	2
	SYARIAH												2	2
Terengganu	SIVIL													
	SYARIAH	1		2		2							1	6
Kelantan	SIVIL													
	SYARIAH												2	2
Gua Musang	SIVIL													
	SYARIAH													
Labuan	SIVIL													
	SYARIAH													
Sabah	SIVIL													
	SYARIAH													
Sarawak	SIVIL										2			2
	SYARIAH								9					9
Miri	SIVIL													
	SYARIAH												1	1
Jumlah														282

2.4 Memberi Khidmat Nasihat Sivil dan Syariah


Bahagian Litigasi dan Nasihat Sivil dan Bahagian Litigasi dan Nasihat Syariah masing-masing bertanggungjawab untuk memantau dan menyelia cawangan dalam memberi khidmat nasihat dalam segala perkara di bawah Jadual Keempat Akta Bantuan Guaman 1971. Setakat 31 Disember 2009, BBG telah merekodkan kehadiran seramai 15,858 orang ke pejabat cawangan di seluruh negara untuk mendapatkan perkhidmatan ini.

Di samping itu, cawangan-cawangan juga telah mengadakan klinik nasihat guaman bergerak di kawasan-kawasan luar bandar bagi memberikan perkhidmatan kepada mereka yang jauh di pedalaman yang tidak dapat menghadirkan diri ke pejabat BBG.

JUMLAH KHIDMAT NASIHAT SIVIL DAN SYARIAH YANG DIKENDALIKAN OLEH BIRO BANTUAN GUAMAN BAGI 2009

Cawangan	2009
Putrajaya	183
Perlis	169
Kedah	869
Pulau Pinang	855
Perak	1166
W.P. Kuala Lumpur	1312
Selangor	2235
Negeri Sembilan	314
Melaka	807
Johor Bahru	1203
Pahang	1286
Terengganu	524
Kelantan	224
Sarawak	574
Sabah	879
Langkawi	912
Taiping	569
Muar	528
Gua Musang	31
Raub	380
Miri	520
Sibu	76
Labuan	242
Jumlah	15858

JUMLAH KHIDMAT NASIHAT YANG DIKENDALIKAN OLEH JABATAN BANTUAN GUAMAN BAGI TAHUN 2008 - 2009



2.5 Memberi Khidmat Pengantaraan

Pada 2009, statistik telah menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam pendaftaran kes pengantaraan di BBG berbanding dengan tahun sebelumnya. Jumlah kes yang didaftarkan pada tahun 2009 adalah sebanyak 3,065 kes berbanding dengan 2008 sebanyak 3,018 kes. Jumlah kes pengantaraan yang berjaya diselesaikan juga telah bertambah iaitu sebanyak 3,252 kes pada 2009 dibandingkan dengan hanya sebanyak 2,885 kes pada tahun 2008.


Peningkatan jumlah kes yang didaftarkan pada tahun 2009 menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia mulai sedar tentang khidmat pengantaraan yang diperkenalkan di BBG. Berdasarkan statistik yang ada kebanyakan kes pengantaraan yang dikendalikan oleh BBG melibatkan kes kekeluargaan. Penyelesaian kes melalui sidang pengantaraan terutama dalam kes-kes kekeluargaan dapat mengelakkan pihak-pihak daripada mendedahkan isu yang bersifat peribadi di mahkamah.

Pada keseluruhannya kewujudan Bahagian Pengantaraan di BBG ini telah dapat membantu sistem perundangan yang sedia ada di Malaysia. Orang ramai mempunyai alternatif yang lain selain prosedur melalui proses perbicaraan di mahkamah. Selain itu juga, dengan adanya Bahagian Pengantaraan juga dapat membantu mahkamah untuk mengurangkan jumlah kes yang banyak tertunggak.

Statistik kes pengantaraan seluruh cawangan BBG bagi tahun 2009



Perbandingan Statistik tahun 2008 dan 2009



Jumlah keseluruhan kes pada tahun 2009 adalah sebanyak 3065 berbanding tahun 2008 iaitu 3018. Ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan sebanyak 1.6 % untuk tahun 2009. Merujuk kepada Jadual Perbandingan Statistik tahun 2008 dan 2009, cawangan Pulau Pinang mencatatkan daftar kes yang tertinggi pada tahun 2009 iaitu 13.7%, diikuti oleh Pahang(12.4%), Terengganu (11.2%), Melaka(10.9%), Kedah(6.0%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur(6.0%).

Antara masalah yang dihadapi oleh Bahagian Pengantaraan BBG ialah kekurangan pegawai pengantara. Ini menyebabkan pegawai pengantara daripada cawangan di negeri yang sama terpaksa menjalankan sidang pengantaraan di 3 cawangan, contohnya pegawai pengantara di Cawangan Kuching yang terpaksa membuat sidang pengantaraan di Cawangan Kecil di Sibu dan Miri. Di Pulau Pinang, walaupun terdapat seorang pegawai pengantara, kes yang didaftarkan adalah tinggi (422 kes). Masalah kes tertangguh juga akan dihadapi sekiranya pegawai pengantara tersebut berpindah ke jabatan lain atau dinaikkan pangkat. Masalah ini

hanya boleh diatasi sekiranya pegawai pengantara dapat ditempatkan di semua Cawangan BBG di seluruh negara dan diharapkan langkah ini dapat memantapkan lagi penyelesaian pertikaian alternatif melalui pengantaraan BBG yang masih baru di Malaysia.

2.6 Mengadakan Promosi

(a) Program Sehari Bersama Pelanggan

Program sehari bersama pelanggan diadakan untuk memudahkan pelanggan mengajukan pertanyaan mengenai status kes yang dikendalikan oleh BBG dan mengenali fungsi BBG dengan lebih mendalam. Program ini diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 6 bulan.

(b) Hebahan media massa

Hebahan melalui media massa digunakan terutamanya untuk memaklumkan hari BBG mengadakan klinik guaman. Hebahan ini juga membantu untuk memperkenalkan BBG kepada seluruh lapisan masyarakat. Hebahan dibuat di radio dengan kerjasama RTM.

(c) Aktiviti-aktiviti lain cawangan sepanjang tahun 2009

Sepanjang tahun 2009, Cawangan BBG di seluruh Malaysia turut menjalankan pelbagai aktiviti dalam memastikan perkhidmatan BBG dapat disampaikan kepada seluruh masyarakat. Antara aktiviti yang giat dijalankan ialah klinik nasihat guaman yang kebanyakannya diadakan di mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh negara seperti di Mahkamah Rendah Syariah Jeli, Kuala Krai dan Tanah Merah di Kelantan, Mahkamah Rendah Syariah Besut dan Marang di Terengganu, Mahkamah Syariah Batu Pahat, Segamat dan Muar di Johor, Mahkamah Rendah Syariah Kudat, Sipitang, Sandakan dan Keningau di Sabah serta banyak lagi.

Aktiviti promosi dan celik undang-undang juga giat dijalankan di pejabat-pejabat Kerajaan dan di dewan orang ramai seperti di Pejabat Penerangan Daerah Tapah, Pejabat Pentadbiran Agama Islam, Slim River di Perak, Pejabat Daerah Bintulu dan Belaga di Sarawak, Pejabat Agama Daerah Bandar Jengka, Pahang, Dewan Felda Kerteh 3, Dungun, Terengganu, Dewan Orang Ramai Chantek Kura, Kedawang, Langkawi, Dewan Orang Ramai Leban Chondong, Rompin, Pahang serta Felda Bukit Senggeh, Jasin, Melaka.

Selain itu, Program Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu (KABB) telah diadakan di Mydin Mall MITC Ayer Keroh, Melaka manakala Klinik Nasihat dan Guaman turut diadakan di pusat membeli belah dan kawasan yang sering dikunjungi oleh orang ramai seperti di Maju Junction Mall, Pasar Seni di Kuala Lumpur, perhentian bas dan teksi di Masjid Tanah, Melaka, pusat membeli belah Angsana di Johor Bahru dan Berjaya Megamall di Kuantan, Pahang.

BBG juga telah mengadakan lawatan ke penjara seperti ke Penjara Tapah, Bandar Hilir, Seremban, Muar, Jalan Ayer Molek, Alor Setar, Sungai Petani, Pulau Pinang dan penjara lelaki dan perempuan di Kota Kinabalu, Sabah.

Kerjasama dengan pertubuhan bukan Kerajaan juga telah dijalankan seperti mengadakan ceramah di Pejabat Persatuan Ibu Tunggal Belaian Kasih, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur, Persatuan Kebajikan Keluarga Polis (PERKEP), Sri Aman di Sarawak dan Majlis Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Langkawi. Aktiviti memberi penerangan berkaitan dengan fungsi-fungsi BBG dan mengedarkan poster/risalah ke masjid-masjid juga banyak dijalankan oleh BBG Cawangan Negeri Perlis sepanjang tahun 2009.

**STATISTIK KEKERAPAN PROMOSI BIRO BANTUAN GUAMAN DARI BULAN
JANUARI HINGGA DISEMBER 2009**

BIL	CAWANGAN /NEGERI	2009												JUMLAH
		JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	
1	IBU PEJABAT					1								1
2	W/ PERSEKUTUAN	2				1							2	5
3	SELANGOR													0
4	NEGERI SEMBILAN	2	2			2	2	2	2	1	7	7	5	32
5	MELAKA			1	2	1	2	1					2	9
6	JOHOR		1		1	1	1							4
7	MUAR	3	3			3	4							13
8	PAHANG		2			2	2			1	1	1	1	10
9	RAUB	1	1	4	1	1	1	1	1	1	1	1	1	15
10	TERENGGANU	1	2		2	1	2	2	1	0	3	2		16
11	KELANTAN	3	3			3	3	3	3					18
12	GUA MUSANG				1	1	1		1			0		4
13	PERLIS	1	2	3	3	2	3	2	3					19
14	KEDAH	1				1	2	1	2		1			8
15	LANGKAWI		1		1	1	1	2						6
16	PERAK	3	3	2	3	3	2			3			4	23
17	TAIPING			1	1	1	1	1	1				4	10
18	PULAU PINANG		11	8	17	26	28			6				96
19	SABAH				4	5	8	5			1	2		25
20	LABUAN					1								1
21	KUCHING					2		1	1		2	2		8
22	MIRI					1	1							2
23	SIBU	1			1	1	1	1	1					6
	JUMLAH	18	31	19	37	61	65	22	16	12	16	15	19	331

3. PERUBAHAN PERUNDANGAN DAN USAHA PENYELIDIKAN

3.1 Kajian oleh Bahagian Penyelidikan dan Dasar

Bahagian Penyelidikan dan Dasar telah:-

- membuat kajian undang-undang berkaitan dengan peluasan bidang kuasa sivil dan Syariah dalam Akta Bantuan Guaman 1971 dan menyediakan draf pindaan kepada Jadual Kedua dan Jadual Ketiga;
- menyediakan dan membentangkan Kertas Cadangan Pengecualian Kes Pengantaraan BBG daripada Majlis Sulh di Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM);
- menyediakan Kertas Cadangan Penjenamaan Semula Biro Bantuan Guaman kepada Jabatan bantuan Guaman dan menyediakan pindaan kepada perundangan subsidiari yang berkaitan;
- mengumpulkan dan menyelaraskan maklumat bagi tujuan penstrukturan semula BBG;
- menyediakan pandangan undang-undang dan ulasan berhubung dengan resolusi *"The Convention On The Rights of the Child"*.

4 LAWATAN KAJIAN PENYELIDIKAN UNDANG-UNDANG

(a) **Lawatan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Guaman bagi England dan Wales (*Legal Services Commission England and Wales* (LSC))**

Suatu lawatan kajian oleh Encik Sapini bin Mat Saman, Timbalan Ketua Pengarah (Sivil) dan Encik Muhammad Bukhari bin Ab. Hamid, Pengarah Peguam Panel telah dibuat ke Suruhanjaya Perkhidmatan Guaman bagi England dan Wales (*Legal Services Commission England and Wales* (LSC)) yang beralamat di 4th Floor, 4 Abbey Orchard Street London, pada 26 hingga 30 Oktober 2009. Lawatan juga telah dibuat ke Mahkamah Jenayah Old Bailey, London dan Crown Court, di Swansea, Wales. Lawatan ini bertujuan untuk membuat kajian perbandingan mengenai skim perkhidmatan bantuan guaman yang disediakan oleh LSC dengan BBG khususnya dalam perkhidmatan pembelaan jenayah kerana objektif BBG adalah untuk membantu golongan tidak berkemampuan dalam bidang kuasa sivil, Syariah dan jenayah. Setakat ini golongan sasaran tersebut berjaya dibantu dalam bidang Syariah dan sivil kerana BBG banyak mengendalikan kes-kes kekeluargaan Syariah dan kekeluargaan sivil tetapi agak terhad dalam bidang kuasa jenayah.



Di Ibu Pejabat
Legal Service Commission,
London

Taklimat Oleh Mrs. Sarah
Schofield, Pengurus Projek
Bantuan Guaman Jenayah,
London



Taklimat oleh Mrs. Eleanor
Druker, Pengurus Dasar
Bantuan Guaman Sivil,
London

(b) Lawatan Kajian Penyelidikan Syariah ke Mesir

Suatu lawatan kajian telah dibuat oleh Tuan Haji Saarani bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) dan Encik Abdul Halim bin Muhammad, Penolong Pengarah Penyelidikan (Kanan) ke Banda Raya Kaherah, Republik Mesir pada 9 hingga 13 November 2009. Lawatan ini adalah untuk membuat kajian mengenai perkembangan perundangan Syariah di negara tersebut untuk diaplikasikan bagi meningkatkan keupayaan dan keberkesanan sistem perundangan Syariah di negara ini khususnya dalam aspek undang-undang kekeluargaan Islam. Kajian tersebut meliputi penyediaan prasarana pembangunan undang-undang kekeluargaan melalui Mahkamah Keluarga (Family Court) dan juga sistem pengantaraan yang turut diamalkan di negara tersebut.



Pejabat Penyelesaian
Pertikaian Keluarga,
Kementerian Keadilan
Mesir

Pusat Latihan Kehakiman
Kebangsaan Mesir



5. PEMBANGUNAN MODAL INSAN

5.1 Kursus-Kursus Yang Dianjurkan Oleh BBG Bagi 2009

(a) Kursus Khas BBG

Kursus Khas BBG merupakan kursus yang diadakan pada setiap tahun hasil kerjasama yang erat antara BBG dengan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). Pada tahun 2009, kursus khas ini telah diadakan pada 15 hingga 18 Jun 2009 di ILKAP dengan dihadiri oleh 30 Pegawai Undang-Undang dan Pembantu Undang-Undang BBG dari seluruh cawangan.

Pengarah Litigasi dan Nasihat (Sivil) telah terlibat secara langsung dalam merangka dan menyediakan modul bagi kursus ini. Beliau juga turut memberikan ceramah yang bertajuk "Penyediaan Pliding Dalam Kes Sivil" dan "Penguatkuasaan Perintah Mahkamah Dalam Kes Sivil dan Syariah".

Kursus ini telah berjaya memberikan pendedahan mengenai penyediaan fakta-fakta kes yang sistematik dalam setiap prosiding sebelum pliding difailkan ke mahkamah. Kursus ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran seni kepeguaman dan melatih pegawai tentang selok-belok mengendalikan kes BBG di mahkamah.

(b) Kursus Peningkatan Kemahiran Bagi Penghantar Notis BBG

Kursus ini yang pertama kali disediakan untuk penghantar notis telah diadakan pada 16 hingga 17 Disember 2009. Antara objektif kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan secara komprehensif mengenai tanggungjawab dan peranan penghantar notis.

(c) Kursus Pemahaman Undang-Undang Keluarga Islam dan Teknik Penyediaan Pliding

Bahagian Syariah juga telah mengadakan kursus Pemahaman Undang-Undang Keluarga Islam dan Teknik Penyediaan Pliding, bertempat di Bayview Hotel, Melaka, pada 14 hingga 17 Disember 2009. Kursus ini memberi fokus kepada maklumat asas yang perlu diketahui oleh kakitangan sokongan berkaitan dengan Undang-Undang Keluarga Islam dan teknik penyediaan pliding yang betul, pendedahan dan latihan praktikal mengenai penyediaan pliding bagi kes-kes Syariah. Seramai 39 peserta dari seluruh cawangan BBG terlibat dalam program ini.



Kursus Pemahaman Undang-Undang Keluarga Islam Dan Teknik Penyediaan Pliding Bagi Pembantu Syariah pada 14 – 17 Disember 2009

Kursus Pemahaman Undang-Undang Keluarga Islam Dan Teknik Penyediaan Pliding Bagi Pembantu Syariah pada 14 – 17 Disember 2009



6. AKTIVITI 2009

6.1 Persidangan Tahunan Ke-20 Pegawai-Pegawai Biro Bantuan Guaman

Pada 11 hingga 14 Mei 2009, BBG telah berjaya mengadakan Persidangan Pegawai-Pegawai Biro Bantuan Guaman Malaysia Kali Ke-20 di Legend Resort Cherating, Pahang. Tema kali ini ialah “Peneraju Terunggul Bantuan Guaman”. Persidangan tersebut merupakan suatu platform untuk pegawai BBG bertukar-tukar fikiran dan mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan bagi mempertingkatkan kualiti kerja dan sistem penyampaian dalam perkhidmatan awam. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Persidangan itu telah dihadiri oleh 166 orang pegawai BBG dari seluruh negara.



◀ Majlis Perasmian Persidangan Tahunan Biro Bantuan Guaman 2009 oleh YB Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz

Klinik Guaman Di Perkampungan Orang Asli Taman Negara, Pahang ▶



◀ Sesi Ceramah Kesihatan “Pemulihan Kesihatan Melalui Refleksologi” oleh Dr. C. Ezane bin Mansor

6.2 Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri

Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri Tahun 2009 telah diadakan pada 18 hingga 21 Oktober 2009 di Hotel Legend, Kuala Lumpur. Melalui forum ini, pegawai dapat mengenal pasti permasalahan dan menambah baik proses kerja sedia ada dalam mengendalikan kes sivil dan Syariah oleh pegawai BBG.



Timbalan Ketua Pengarah
(Sivil) sedang
mempengerusikan
mesyuarat

Ahli Mesyuarat sedang
meneliti dokumen untuk
perbincangan



Timbalan Ketua Pengarah
(Sivil) dan Timbalan Ketua
Pengarah (Syariah) sedang
berbincang mengenai
isu yang dibangkitkan oleh
Cawangan

6.3 Program Penilaian Dan Perancangan SKT Serta Aktiviti Jabatan Bagi Tahun 2009 dan 2010

Mesyuarat Program Penilaian Dan Perancangan Aktiviti Jabatan Bagi Tahun 2009 dan 2010 telah diadakan di PNB Ilham Resort, Port Dickson pada 1 hingga 3 Disember 2009. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk menilai pencapaian program dan aktiviti tahun 2009 dan merancang program dan aktiviti Jabatan bagi tahun 2010 agar pelaksanaan program dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan. Tujuan program tersebut telah tercapai apabila setiap cawangan telah berjaya menunjukkan perancangan program dan aktiviti cawangan masing-masing untuk 2010.



Timbalan Ketua Pengarah (Sivil) dan Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) sedang mengendalikan program

Pengarah dan Penolong Pengarah Cawangan BBG sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Sivil)



Timbalan Ketua Pengarah (Sivil) sedang memberi penerangan kepada para peserta

6.4 Majlis Dialog Antara Ketua Pengarah BBG Dengan Peguam Panel

Suatu majlis dialog antara Ketua Pengarah BBG dengan Peguam Panel telah diadakan di Hotel Quality City Center Kuala Lumpur pada 19 Disember 2009. Majlis dialog itu bertujuan untuk:

- (a) memupuk dan menjalin hubungan kerjasama dua hala antara BBG dengan peguam panel;
- (b) memberi peluang kepada peguam panel mengemukakan pandangan, pendapat serta berbincang mengenai masalah yang dihadapi dan cadangan penyelesaiannya;
- (c) menanamkan rasa tanggungjawab sosial dalam memberikan perkhidmatan perundangan kepada masyarakat yang memerlukan; dan
- (d) memberikan penerangan berkaitan dengan “*Case Management System*” (CMS) BBG modul peguam panel kepada Peguam Panel dan juga permohonan atas talian sebagai peguam panel BBG.

Majlis ini telah dihadiri oleh peguam Syarie dan sivil dari seluruh negara. Pelbagai soalan telah diutarakan berhubung dengan kes-kes yang dikendalikan oleh panel peguam BBG yang meliputi kes Syariah dan sivil. Unit ICT BBG turut memberi penerangan mengenai permohonan atas talian sebagai panel peguam BBG.

7. PENCAPAIAN 2009

7.1 Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2008

BBG telah mendapat **Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2008** daripada Jabatan Audit Negara pada 4 Oktober 2009 berikutan dengan kecemerlangan Jabatan ini menguruskan hal ehwal kewangan dan akaun.



Timbalan Ketua Pengarah (Sivil) dan pegawai serta kakitangan Unit Kewangan bergambar dengan anugerah yang dimenangi

Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2008



7.2 Pelancaran Sistem Pengurusan Kes Biro Bantuan Guaman (CMS-BBG)

Sistem Pengurusan Kes Biro Bantuan Guaman (CMS BBG) merupakan suatu sistem yang dibangunkan bagi menguruskan kes-kes yang dikendalikan oleh pegawai BBG. Selaras dengan pindaan kepada Akta 26 dan keperluan perubahan oleh pengguna, sistem ini telah melalui proses penambahbaikan apabila CMS versi baru telah dilancarkan oleh mantan Ketua Pengarah BBG, YA Dato' Nik Hasmat binti Nik Mohamad semasa Persidangan ke-20 Pegawai-Pegawai Biro Bantuan Guaman Malaysia pada 14 Mei 2009 dan telah digunakan serentak di seluruh Cawangan BBG mulai 25 Mei 2009.

Pelancaran Case
Management System
(CMS) Versi Baru



7.3 Permohonan Atas Talian Peguam Panel

BBG telah memperkenalkan permohonan atas talian untuk menjadi Peguam Panel dengan melayari [url:http://bbgpanelawyer.bheuu.gov.my](http://bbgpanelawyer.bheuu.gov.my) atau melalui laman web BBG dengan klik pada menu Permohonan Online Peguam Panel.

8. KERJASAMA DENGAN AGENSI LUAR

8.1 National Assessment of The Juvenile Justice System in Malaysia

BBG juga terlibat dalam projek usaha sama antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan *United Nations Children's Fund* (UNICEF) yang sedang menjalankan kajian bertajuk "*National Assessment of The Juvenile Justice System in Malaysia*". BBG telah mengemukakan beberapa isu yang sering dihadapi oleh kanak-kanak yang menghadapi pertuduhan jenayah di mahkamah seperti hak untuk mendapatkan nasihat dan bantuan guaman sebaik sahaja ditangkap, isu penahanan dalam lokap atau penjara, isu penjamin dan hak semasa siasatan polis, bagi mengelakkan berlakunya penganiayaan atau penindasan terhadap kanak-kanak tersebut.

8.2 Program Transformasi Kerajaan (GTP)

Pengarah Litigasi dan Nasihat (Sivil) telah menganggotai "*Think-Tank*" bagi merealisasikan Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Results Area*) – NKRA Lab: *Corruption* dalam melaksanakan "*Government Transformation Program*" di bawah seliaan YB Senator Dato' Seri Idris Jala dan YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon mulai 5 Oktober 2009 hingga 13 November 2009 secara sepenuh masa di Palm Garden, IOI Resort, Putrajaya.

LAPORAN TAHUNAN 2009
JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA (Mdi)

‘TRANSFORMASI MELONJAK VISI’

Kandungan

Muka Surat

81	Pengurusan Tertinggi Mdl
84	Mdl 2009 : Transformasi Melonjak Visi
	(i) Pengenalan Mdl
	(ii) Transformasi Mdl
87	Pengurusan Mdl
87	Pentadbiran Kebankrapan
97	Pentadbiran Insolvensi Korporat
102	Pematuhan Undang-Undang Melalui Pendekatan Penguatkuasaan Yang Saksama
107	Aktiviti Perundangan
112	Pengurusan Teknologi Maklumat
114	Pembayaran Deposit dan Dividen
116	Jawatankuasa Unit Jualan Aset (JUJA)
117	Hubungan Kerjasama Mdl dan Pihak Berkepentingan
121	Hubungan Mdl diperingkat Antarabangsa
124	Pengurusan Mdl Secara Strategik
131	Kajian Kepuasan Pekerja
133	Wayfoward : Mdl <i>Strategic Direction Plan</i>
	(i) Penetapan Pelan Strategik Tahunan Mdl
	(ii) Penubuhan Pejabat Pengurusan dan Pemantauan Projek (PMO)

Profil Pengurusan Tertinggi MdI



YBhg Datuk Abdul Karim bin Abdul Jalil
Ketua Pengarah
(Mulai 16 April 2009)

Yang Berbahagia Datuk Abdul Karim bin Abdul Jalil memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam pada tahun 1983 sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara (TPR) Kuala Lumpur. Beliau pernah berkhidmat sebagai Peguam Persekutuan dan Peguam Kanan Persekutuan di Jabatan Hasil Dalam Negeri (LHDN), TPR di Pulau Pinang, Perlis dan Unit Rayuan, Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara. Beliau juga pernah bertugas Hakim Mahkamah Sesyen di Kota Kinabalu, Kuala Lumpur dan Melaka, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Suruhanjaya Sekuriti dan Pengarah Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan Badan Pencegah Rasuah.

Beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia pada 16 April 2009 sehingga kini. Beliau juga pernah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), ahli Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) dan Yayasan Pelaporan Kewangan serta menjadi Pengerusi bersama dengan Singapura dalam pertubuhan *Corporate Register Forum*.

***Puan Haini binti Hassan
Timbalan Ketua Pengarah
(Mulai 1 April 2009)***


Puan Haini bt Hassan telah dilahirkan pada 15 Julai 1959 di Kluang Johor. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang daripada Universiti Malaya pada tahun 1983 dan memperolehi Ijazah Sarjana Undang-undang daripada Universiti London pada tahun 1991.

Mula berkhidmat sebagai majistret di Mahkamah Majestret Muar, Johor pada 3 Julai 1984. Beliau pernah bertugas sebagai Timbalan Pengarah BBG, Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Johor Bahru dan Mahkamah Rayuan Malaysia, Penasihat Undang-Undang Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertahanan, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pemegang Harta Malaysia, Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Beliau memegang jawatan Timbalan Pengerusi Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia mulai 1 April 2009 sehingga sekarang.



Carta Organisasi Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl)



Tahun 2009 merupakan tahun yang penuh cabaran bagi Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl). Walau bagaimanapun, Mdl telah berjaya melalui cabaran yang dihadapi dengan penuh semangat dalam usaha untuk mengubah imej dan sekaligus meningkatkan prestasi Mdl ke tahap yang lebih tinggi.

Tahun 2009 juga merupakan tahun transformasi bagi Mdl. Sejajar dengan prinsip 'Pencapaian Diutamakan' dan Program Transformasi Kerajaan, Mdl telah memperkenalkan budaya kerja baru bagi mencapai aspirasi dan *end states* ke arah menjadi sebuah organisasi cemerlang bertaraf dunia.

TRANSFORMASI Mdl

Mdl memulakan proses perubahan dinamik bermula pada bulan Mei tahun 2009 di mana pihak pengurusan tertinggi Mdl telah menetapkan 15 Bidang Keberhasilan Utama (KRA) serta 5 perspektif dan budaya Key Performance Indicators (KPI). Bidang Keberhasilan Utama meliputi kebangkrutan, likuidasi, penguatkuasaan, perundangan, pengurusan aduan, penjenamaan semula (*rebranding*), teknologi maklumat, pengurusan sumber manusia, pengurusan risiko, program transformasi organisasi dan perkhidmatan.

PERSPEKTIF STRATEGIK MEI-DISEMBER 2009

Perekrutannya berterusan dalam proses kerja dalaman Mdl bagi memperkukuhkan system penyampaian yang berkesan	Perspektif Strategik 1
Pembangunan dan Pelaksanaan undang-undang Insolvency yang dinamik kearah pengawalseliaan dan penyeliaan yang kondusif	Perspektif Strategik 2
Meningkatkan kualiti modal insan melalui pembangunan keupayaan dan kemampuan pegawai dan kakitangan (Mdl)	Perspektif Strategi 3
Memperkemaskan Pengurusan ICT dalam memastikan pencapaian operasi ICT yang efisien	Perspektif Strategi 4
Memudahkan Pamatuan kehendak undang-undang melalui pendekatan penguatkuasaan yang saksama	Perspektif Strategi 5

Pengenalan Jabatan Insolvency Malaysia

Evolusi Mdl

**1924 –
Bankruptcy Office**

**1963 -
Jabatan Pemegang Harta**


**2003 –
Jabatan Insolvency
Malaysia (JIM)**

**Oktober 2009 –
JIM ke Mdl**

Mdl telah mengaplikasikan teknik analisis berdasarkan *strength, weakness, opportunity dan threat* (SWOT) untuk mengenal pasti kelemahan dan ancaman yang ada bagi menghasilkan 15 Bidang Keberhasilan Utama (KRA) dan 5 Perspektif serta Budaya Petunjuk Prestasi Utama (KPI) seperti di atas. Aspek yang diberi penekanan meliputi penghasilan plan strategik, pembaharuan piagam pelanggan, dan pemantauan sistem penarafan bintang (SSR).

Mdl telah menubuhkan Unit Aduan, Seksyen Komunikasi Korporat, Unit Polisi, Strategi & Pembangunan, dan Unit Integriti & Displin secara quickwin bagi melaksana perspektif strategik interim berkaitan.


HALATUJU STRATEGIK (*interim*)



Seterusnya pada 2 Ogos 2009, Mdl telah menganjurkan Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Insolvensi Malaysia yang dirasmikan oleh Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Persidangan ini bertujuan untuk menetapkan Pelan Halatuju Strategik 5 Tahun Mdl 2010 - 2014 bagi menggantikan rancangan halatuju secara interim sebelum ini.

Pelan Halatuju Strategik 5 Tahun ini bertujuan untuk memperjelaskan hala tuju pembangunan Mdl secara keseluruhan. Penetapan *Key Performance Indicator* (KPI) dan *Key Performance Target* (KPT) serta perancangan bersepadu mewujudkan elemen kebertanggungjawaban yang serius di kalangan kakitangan Mdl.

Pelan pelaksanaan strategik Mdl ditunjukkan dalam rajah di bawah:



Jabatan ini telah merencanakan pelan halatuju selama 5 tahun, dari tahun 2010 hingga tahun 2014 dengan berlandaskan tema-tema yang dipersetujui sewaktu persidangan tersebut dan menghasilkan empat strategik objektif utama yang menjadi landasan kepada hala tuju Mdl.

STRATEGIK OBJEKTIF



STRATEGIK OBJEKTIF


Pelan Halatuju Strategik 5 Tahun Mdl 2010 – 2015 diperkemas lagi melalui Mesyuarat Khas Penetapan Strategik pada 14 Disember 2009 dengan penghasilan Pelan Halatuju Strategik Mdl Tahun 2010 yang merupakan komponen pertama bagi rancangan 5 Tahun Mdl bertemakan Kecemerlangan Operasi.

Pelan Halatuju Strategik Mdl Tahun 2010 memberi penumpuan kepada kecemerlangan operasi dan fungsi teras Mdl seperti pengurusan kebangkrutan, pengurusan likuidasi, penyiasatan dan penguatkuasaan, dan pendakwaan. Mdl mensasarkan peningkatan dalam keberkesanan pengurusan insolvensi dan meningkatkan pendapatan negara serta memulihkan kedudukan negara dalam kedudukan dunia melalui Laporan Bank Dunia untuk penutupan perniagaan.

Pengurusan MdI

CARTA PENGURUSAN MdI

Pada masa kini MdI diketuai oleh seorang Ketua Pengarah Insolvensi (Jusa B) dan disokong oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah (Jusa C). Di peringkat ibu pejabat, MdI mempunyai lima bahagian teras yang diketuai oleh Pengarah Insolvensi Bahagian bertaraf L52. Bahagian-bahagian tersebut ialah kebangkrutan, likuidasi, perundangan, penyiasatan & penguatkuasaan dan pendakwaan. Manakala tiga bahagian lagi merupakan *enabler* bagi pengurusan MdI iaitu bahagian perakaunan, khidmat pengurusan dan teknologi maklumat seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:




Selain daripada itu, MdI mempunyai 21 cawangan di 14 negeri seluruh Malaysia.

Pentadbiran Kebankrutan

Pentadbiran hal ehwal kebangkrutan merupakan salah satu dari aktiviti teras yang dipertanggungjawabkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi (KPI).

Kebankrutan ialah satu proses perundangan di mana dengan perintah mahkamah (Perintah Penghukuman) seseorang itu diisytiharkan bankrap. Akibat daripada perintah tersebut aset si bankrap akan terletak hak kepada Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia (KPI) dan akan ditadbir oleh KPI. Objektifnya untuk KPI merealisasikan aset tersebut dan hasilnya diagihkan kepada pemiutang-pemiutang si bankrap.


Aktiviti teras dalam pentadbiran hal ehwal kebangkrapan melibatkan proses-proses yang berikut:



Statistik Kebankrapan

Setakat 31 Disember 2009, terdapat sebanyak 211, 539 kes kebangkrapan terkumpul yang ditadbir oleh 489 orang pegawai insolvensi di seluruh negara. Jumlah kes terkumpul mengikut cawangan MdI ditunjukkan dalam rajah di bawah.

Rajah: Jumlah kes kebangkrapan yang ditadbir sehingga 31 Disember 2009 mengikut cawangan




Secara keseluruhannya empat buah cawangan yang boleh dikategorikan sebagai 'cawangan mega' iaitu Mdl Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang mencatatkan pentadbiran melebihi 14,000 kes bagi setiap cawangan berbanding 17 buah cawangan Mdl yang lain. Ini kerana cawangan-cawangan tersebut terletak di negeri yang menjadi pusat perniagaan.

Pendaftaran Kes Baru 2009

Bagi tahun 2009, sebanyak 16,228 kes kebangkrutan baru telah didaftarkan berbanding 13,855 kes yang didaftarkan dalam tahun 2008. Daripada jumlah tersebut menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak 17.12%. Cawangan Mdl Johor Bahru mencatatkan jumlah kes kebangkrutan yang tertinggi, diikuti dengan Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Jumlah kes kebangkrutan baru yang didaftarkan bagi tahun 2009 berbanding 2008 ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah : Jumlah kes kebangkrutan baru yang didaftarkan bagi tahun 2009 berbanding 2008




Terdapat beberapa cawangan Mdl yang mencatatkan kenaikan jumlah kes yang didaftarkan dan terdapat juga penurunan dalam jumlah kes yang didaftarkan bagi kedua-dua tahun tersebut.

Tren Kebankrapan Lima Tahun (2005 hingga 2009)

Tren kebangkrutan bagi lima tahun yang lepas telah menunjukkan jumlah kes kebangkrutan mula meningkat pada tahun 2008.

Tren dan jumlah kes kebangkrapan bagi tahun 2005 hingga 2009 boleh dilihat dalam Rajah di bawah:


Rajah : Tren dan jumlah kes kebangkrapan bagi tahun 2005 hingga 2009



Rajah di atas menunjukkan kenaikan peratusan kes kebangkrapan sebanyak 4.66% pada tahun 2008 berbanding tahun sebelumnya dan seterusnya peratusan tersebut meningkat lebih empat kali ganda lagi dengan kenaikan sebanyak 17.12% pada tahun 2009.

Bukan semua petisyen kebangkrapan yang difailkan di mahkamah akan diakhiri dengan perintah kebangkrapan. Jumlah petisyen kebangkrapan yang difailkan di mahkamah bagi tempoh 5 tahun yang lepas boleh dilihat dalam rajah di bawah:

Rajah : Perbandingan Petisyen Dengan Perintah Kebankrapan (PP & PP)



Daripada rajah di atas, dapat dilihat purata sebanyak 87.6% daripada jumlah petisyen kebangkrutan akan diakhiri dengan perintah kebangkrutan. Keadaan ini berlaku disebabkan faktor berikut:

- (a) Petisyen ditangguhkan (*adjourned sine die*);
- (b) Petisyen ditarik balik; atau
- (c) Petisyen dibatalkan.


Jumlah Bankrap Mengikut Jantina

Bagi tahun 2009, kadar peratusan individu lelaki yang diisytiharkan bankrap berjumlah 11,684 (72%) berbanding (4,544) 28% individu perempuan. Pecahan jumlah kebangkrutan mengikut jantina ditunjukkan dalam rajah di bawah.



Jumlah Bankrap Mengikut Pecahan Bangsa

Sebanyak 7,051 (43%) individu yang diisytihar bankrap adalah Melayu, berbanding 5,308 (33%) Cina dan 1,983 (12%) India diikuti lain-lain bangsa sebanyak 1,886 (12%). Pecahan jumlah kes kebangkrutan mengikut bangsa ditunjukkan dalam rajah di bawah.




Jumlah Bankrap Mengikut Sebab-Sebab Keberhutangan

Sebab-sebab keberhutangan yang dikenal pasti oleh Mdl adalah seperti berikut:

- Sewa Beli Kenderaan;
- Pinjaman Peribadi;
- Pinjaman Perniagaan;
- Pinjaman Perumahan;
- Penjamin Korporat;
- Hutang Kad Kredit;
- Penjamin Sosial;
- Hutang cukai pendapatan;
- Pinjaman pelajaran; dan
- Keberhutangan yang lain.

Peratusan jumlah kebangkrutan mengikut pecahan sebab kebangkrutan bagi tahun 2009 ditunjukkan dalam rajah di bawah.

Rajah: Peratusan Jumlah Bankrap Mengikut Pecahan Sebab Kebankrapan



Sewa beli kenderaan (23%) merupakan sebab utama kebangkrutan bagi tahun 2009 diikuti dengan pinjaman peribadi (17%) dan pinjaman perniagaan (10%).


Jumlah Bankrap Mengikut Jenis Pekerjaan

Individu yang bankrap boleh dikategorikan seperti berikut:

- Peniaga;
- Bekerja sendiri;
- Pekerja swasta;
- Pelajar;
- Ahli sukan;
- Sektor hiburan;
- Professional;
- Sektor awam;
- Pesara kerajaan;

Individu yang bankrap juga terdiri daripada individu yang tidak bekerja. Peratusan jumlah bankrap mengikut pecahan jenis pekerjaan termasuk peratusan bankrap yang tidak bekerja ditunjukkan dalam rajah di bawah.


Rajah: Peratusan jumlah bankrap mengikut pecahan jenis pekerjaan



Bagaimanapun, bagi kes kebangkrutan yang didaftarkan pada tahun 2009, hanya 38% daripada jumlah 16,288 individu yang bankrap dapat dikenalpasti jenis pekerjaannya. Baki sebanyak 62% tidak dapat dikenal pasti kerana masih belum hadir ke MdI untuk memulakan pentadbiran kes. Walau bagaimanapun, MdI sedang mengambil langkah untuk mengenal pasti golongan tersebut.

Jumlah Bankrap Mengikut Golongan Umur

Golongan umur 35-44 tahun merupakan golongan yang paling ramai menjadi bankrap iaitu (31.9%) diikuti dengan umur 45-54 tahun (23.4%). Maklumat kategori kebangkrutan mengikut golongan umur ditunjukkan dalam rajah di bawah.




PENAMATAN KEBANKRAPAN

Penamatan status kebangkrapan mengikut peruntukan Akta Kebankrapan 1967 adalah seperti berikut:

- (a) Pembatalan oleh mahkamah di bawah seksyen 105;
- (b) Pelepasan oleh mahkamah di bawah seksyen 33; dan
- (c) Pelepasan melalui Sijil Pelepasan oleh Ketua Pengarah Insolvensi di bawah seksyen 33A.

Pada tahun 2009 seramai 5,207 orang bankrap telah ditamatkan status kebangkrapan mereka. Pecahan penamatan mengikut peruntukan Akta ditunjukkan dalam rajah di bawah:



Mdl menetapkan pengeluaran sijil sebanyak 2,832 pada tahun 2009. Walau bagaimanapun Mdl berjaya mengeluarkan 3,109 sijil pada tahun 2009 berbanding 1832 sijil pada tahun 2008. Ini merupakan peningkatan sebanyak 69.71% berbanding 30% jumlah peningkatan yang disasarkan pada awal tahun.

ARAHAN JABATAN (KEBANKRAPAN) YANG DIKELUARKAN DALAM TAHUN 2009

Dalam tahun 2009 Mdl telah mengeluarkan arahan-arahan baru untuk memastikan pentadbiran kes yang berkesan dapat dijalankan terhadap setiap kes kebangkrutan. Arahan-arahan tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Arahan-Arahan Jabatan Yang Dikeluarkan	Tarikh Dikeluarkan
1	Arahan Bahagian Kebankrapan Menggunakan Senarai Semak Bagi Penjualan Hartanah Melalui Triti Persendirian	29-Jan-09
2	Arahan Bahagian Kebankrapan Berkaitan Pemakaian Peruntukan Seksyen 68(2) Akta Kebankrapan 1967 Sebagai Alasan Membenarkan Bankrap Mengeluarkan Wang Dari Akaun Simpanan	5-Feb-09
3	Arahan Jabatan Berkaitan Permohonan "Stay" Bagi Apa-Apa Perintah Perlaksanaan Kebankrapan	20-Mar-09
4	Arahan Bahagian Kebankrapan Menggunakan Senarai Semak Bagi Permohonan Bankrap Di Bawah Seksyen 38(1)(C) Akta Kebankrapan 1967	27-Apr-09
5	Arahan Bahagian Kebankrapan Berkaitan Permohonan Bankrap Untuk Meninggalkan Malaysia Di Bawah Seksyen 38(1)(C) Akta Kebankrapan 1967	28-Apr-09
6	Arahan Bahagian Kebankrapan Menggunakan Senarai Semak Bagi Permohonan Bankrap Di Bawah Seksyen 85(4) Akta Kebankrapan 1967	7-May-09
7	Arahan Bahagian Kebankrapan Berkaitan Pembayaran Dividen Pertama Dan Pemulangan Deposit	2-Jul-09
8	Arahan Bahagian Kebankrapan Berkaitan Penolakan Permohonan Keluar Negara Bagi Bankrap Yang Gagal Mematuhi Arahan KPI	15-Jul-09
9	Arahan Bahagian Kebankrapan Berkaitan Prosedur Mengadakan Mesyuarat Dengan Jabatan/Agensi/Pihak Luar	25-Aug-09
10	Arahan Bahagian Kebankrapan Berkaitan Melanjutkan Tempoh Lawatan Bankrap Keluar Negara	26-Aug-09
11	Arahan Bahagian Kebankrapan Berkaitan Laporan Kedudukan Kes Yang Dipohon Oleh Ibu Pejabat	3-Sep-09
12	Arahan Bahagian Kebankrapan Berkaitan Surat Makluman Kepada Jabatan Imigresen Malaysia Berkaitan Perubahan No. Kes Kebankrapan	13-Oct-09
13	Arahan Bahagian Kebankrapan Berkaitan Amalan Pihak Cawangan Mengendalikan Kenderaan Yang Didaftarkan Atas Nama Bankrap	4-Nov-09
14	Arahan Bahagian Kebankrapan Berkaitan Penyerahan Perintahh Penerimaan Dan Perintah Penghukuman	23-Nov-09
15	Arahan Jabatan Berkaitan Maklumat Bankrap Di dalam Format 'Soft Copy'	28-Oct-09

Permohonan Bankrap Ke Luar Negara

Pada tahun 2009, sebanyak 5740 permohonan telah diterima dan diproses. Daripada jumlah ini sebanyak 5460 permohonan (95.12%) permohonan telah diluluskan, 212 (3.70%) ditolak dan 68 (1.18%) memerlukan maklumat lanjut (kuiri).

Bagi menjaga kepentingan dan faedah semua pihak dalam sesuatu kes kebangkrutan, kelulusan yang diberi oleh KPI untuk bankrap keluar negara akan tertakluk kepada beberapa syarat seperti membayar sejumlah wang ke dalam estet kebangkrutan, mendepositkan sejumlah wang sebagai jaminan dan memastikan ansuran bulanan sentiasa kemaskini.

Terdapat beberapa sebab seseorang bankrap memohon untuk keluar negara. Sebab-sebab tersebut dinyatakan dalam jadual di bawah:

Bil	Tujuan	Peratusan
1	Bekerja	62.58
2	Keagamaan/Haji/Umrah	9.64
3	Melawat Keluarga	5.95
4	Rawatan	3.35
5	Ziarah atas sebab sakit/kematian	2.67
6	Urusan keluarga	2.15
7	Menemani suami/isteri	2.01
8	Perkahwinan	1.95
9	Melawat anak di luar negara	1.63
10	Lawatan/melancong	0.86
11	Menghadiri kursus	0.61
12	Urusan peribadi	0.61
13	Menghadiri konvokesyen	0.39
14	Tinggal di luar negara	0.34
15	Rakyat asing/pulang ke negara asal	0.27
16	Menghadiri temuduga	0.21
17	Lain-lain	4.68

Dalam menguruskan permohonan bankrap ke luar negara, Mdl sentiasa menitikberatkan faktor-faktor 'human touch'. Mdl telah menyediakan perkhidmatan *standby officer* 24 jam bagi mengatasi masalah bankrap yang *stranded* di lapangan terbang pada hari cuti atau lepas waktu pejabat atas sebab kebangkrutan. *Standby Officer* ini berperanan dalam memberi nasihat dan memaklumkan tindakan yang perlu dibuat oleh bankrap dalam membantu beliau menyelesaikan masalah bagi pelepasan ke luar negara.

Mdl juga berjaya memendekkan tempoh masa pemprosesan kelulusan permohonan keluar negara dari empat belas (14) hari kepada tujuh (7) hari daripada tarikh permohonan diterima.

Maklumat terperinci bagi permohonan yang diproses mengikut hari seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Tempoh Masa Proses	Bilangan Kes	Peratusan Kes
Dalam masa 1 hari	1,673	29.1
Dalam masa 3 hari	1,857	32.4
Lebih 7 hari dan kurang 14 hari	2,210	38.5

Permohonan Lain Yang Diuruskan Oleh Mdl

Selain daripada memproses dan meluluskan permohonan bankrap untuk ke luar Negara, Mdl juga memproses dan meluluskan lain-lain permohonan oleh bankrap seperti berikut:

Bil	Jenis Permohonan	Jumlah diluluskan
1	Permohonan Sanksi oleh bankrap untuk memulakan atau meneruskan tindakan di Mahkamah di bawah seksyen 38(1)(a) Akta Kebankrapan 1967	138
2	Permohonan bankrap untuk menjalankan perniagaan, memegang jawatan Pengarah dan terlibat dengan pengurusan syarikat di bawah seksyen 38(1)(d) Akta Kebankrapan 1967	280
3	Permohonan Bankrap Untuk Bekerja Di Syarikat Milik Keluarga di bawah seksyen 38(1)(e) Akta Kebankrapan 1967	126

Pentadbiran Insolvensi Korporat

Mdl bukan sahaja bertanggungjawab mentadbir kes-kes penggulangan syarikat secara terpaksa di bawah Akta Syarikat 1965, tetapi juga bertanggung jawab mentadbir kes-kes yang melibatkan pertubuhan dan Kesatuan Sekerja yang dibatalkan pendaftarannya masing-masing di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959.


Di samping mentadbir penggulangan syarikat secara terpaksa, Mdl juga diberi kuasa di bawah Akta untuk mengawal selia Pelikuidasi yang diluluskan bagi penggulangan syarikat secara sukarela melalui penerimaan Notis Pelantikan, Penempatan, penyata akaun pelikuidasi, perletakan jawatan pelikuidasi, dan Notis Mesyuarat Akhir.

Penggulangan adalah satu proses di mana semua aset syarikat dijual dan digunakan untuk menyelesaikan semua hutang-piutang syarikat. Lebih daripada pembayaran kos serta perbelanjaan penggulangan tersebut akan diagihkan antara pemegang-pemegang saham mengikut hak dan kepentingan masing-masing.

PENTADBIRAN KES PENGGULUNGAN SYARIKAT SECARA TERPAKSA

Penggulangan terpaksa adalah penggulangan yang dibuat melalui perintah mahkamah berdasarkan kepada petisyen yang dikemukakan oleh syarikat, pengarah atau pemiutang terhadap syarikat yang insolven.


Empat proses utama dalam menjalankan pentadbiran kes penggulangan syarikat secara terpaksa disenaraikan seperti di bawah:



Pada masa ini, Mdl mentadbir sebanyak 19,235 kes penggulangan syarikat secara terpaksa. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 18,519 kes diuruskan oleh Mdl selaku Pegawai Penerima dan Pelikudasi dan 716 kes diuruskan oleh Pelikudasi yang Diluluskan.

Tren bagi kes penggulangan syarikat secara terpaksa

Tidak semua petisyen penggulangan syarikat yang difailkan di mahkamah akan memperoleh Perintah Penggulangan. Jumlah petisyen penggulangan syarikat yang difailkan berbanding dengan jumlah perintah penggulangan syarikat bagi tempoh 3 tahun ditunjukkan dalam rajah di bawah:




Berdasarkan Rajah di atas, terdapat penurunan bagi jumlah Petisyen yang difailkan. Peratusan penurunan Petisyen yang difailkan iaitu sebanyak 0.86% bagi tahun 2008 berbanding 2007 dan 6.46% pada tahun 2009 berbanding 2008.

Sebaliknya Perintah Penggulangan menunjukkan tren menaik iaitu kenaikan 4.18% pada tahun 2008 berbanding 2007 dan 3.21% pada tahun 2009 berbanding 2008.

Tren bagi kes penggulangan syarikat secara terpaksa yang diselesaikan

Jumlah kes yang diselesaikan menunjukkan tren menaik iaitu kenaikan 19.8% pada tahun 2008 berbanding 2007 dan 18% pada tahun 2009 berbanding 2008. Tren kes penggulangan syarikat secara terpaksa yang didaftarkan berbanding kes yang telah diselesaikan ditunjukkan dalam rajah di bawah.




Walaupun jumlah kes yang diselesaikan menunjukkan peningkatan tetapi peratusan penyelesaian menunjukkan kurang daripada 15% berbanding jumlah kes yang didaftarkan bagi setiap tahun. Ini bermakna pada setiap tahun akan terdapat tunggakan sebanyak 85% dari jumlah kes yang didaftarkan.

Untuk menangani masalah tunggakan tersebut, Mdl telah mengadakan perbincangan dengan pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi membolehkan tindakan '*striking off*' di bawah Seksyen 308(3)(c) Akta Syarikat 1965.

PENTADBIRAN KES PEMBATALAN PERTUBUHAN

Mdl juga berperanan mentadbir kes-kes pertubuhan yang telah dibatalkan pendaftarannya berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966.

Jumlah kes pertubuhan yang telah dibatalkan pendaftarannya bagi tempoh 2009 berbanding 2008 dapat dilihat dalam rajah berikut:




Terdapat peningkatan sebanyak 86% dalam jumlah kes yang didaftarkan pada tahun 2009 berbanding 2008.

Jumlah kes penyelesaian pertubuhan yang telah dibatalkan pendaftarannya menunjukkan peningkatan 225% pada tahun 2009 berbanding 2008.

PENTADBIRAN KES KESATUAN SEKERJA

Kes-kes Kesatuan Sekerja yang telah dibatalkan pendaftarannya ditadbir oleh Mdl berdasarkan peruntukan di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1956.

Jumlah kes kesatuan sekerja yang telah dibatalkan pendaftarannya bagi tahun 2009 berbanding 2008 dapat dilihat dalam rajah berikut:



Pendaftaran Kes Kesatuan Sekerja Yang Telah Dibatalkan Pendaftarannya

Terdapat 7 kes didaftarkan bagi tahun 2009 berbanding 5 kes bagi tahun 2008.

Penyelesaian kes pula menunjukkan tiada kes yang diselesaikan dalam tahun 2009 berbanding 5 kes dalam tahun 2008.

Penglibatan Mdl Bersama Pihak-Pihak Berkepentingan Dalam Isu Likuidasi

Dalam tahun 2009 Mdl telah memberikan penekanan kepada pengurusan isu-isu likuidasi khususnya yang berhubung dengan isu Projek Perumahan Terbengkalai dan kedudukan Malaysia dalam *World Bank Report* bagi kategori *Closing a Business*. Beberapa siri perbincangan telah diadakan seperti berikut:

Bil	Agensi	Tujuan	Isu
1	KPKT	'Work Camp'	penambahbaikan proses aliran kerja pengeluaran hak milik strata.
2	KPKT	Jawatankuasa Kecil Kumpulan Kerja Pemantapan Perundangan, Penguatkuasaan Dan Mekanisme Pemantauan Di Bawah Pasukan Petugas Khas Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai.	mengkaji peruntukan dalam <i>Housing Developer's Act</i> (HDA) dan juga Bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah jika pemaju telah digulung.
3	KPKT	Mesyuarat Kumpulan Kerja Pemantapan Pemulihan Dan Pemantauan Projek Perumahan Terbengkalai di bawah Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan.	Pembentangan kertas kerja mengenai peranan dan tanggungjawab Mdl selaku Pegawai Penerima dan Pelikuidasi bagi Syarikat Pemaju Yang Digulung.
4	MPC dan PEMUDAH	Fokus Group on 'Closing Business' di bawah Perbadanan Produktiviti Malaysia	mengaturkan strategi untuk meningkatkan kedudukan Malaysia dalam <i>Closing a Business in World Bank Report</i>

KPKT: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
MPC: Malaysian Productivity Corporation

Arahan Jabatan Berkaitan Likuidasi Yang Telah Dikeluarkan

Pada tahun 2009 Mdl telah mengeluarkan lapan (8) Arahan Jabatan (Likuidasi) seperti berikut:

Bil	Tajuk Surat Pekeliling	Tarikh Dikeluarkan
1	Permohonan sanksi di bawah Seksyen 236 Akta Syarikat 1965 – keputusan kes Zaitun Marketing Sdn. Bhd v Boustead Eldred Sdn. Bhd. di Mahkamah Rayuan	10 Mac 2009
2	Permohonan sanksi di bawah Seksyen 236 Akta Syarikat 1965 (kes tertunggak)	27 Mac 2009
3	Pemfailan Penyataan Hal Ehwal (PHE) Di bawah Seksyen 234 Akta Syarikat 1965	11 Jun 2009
4	Maklumat Tambahan Dalam Laporan Bulanan	11 Jun 2009
5	Laporan Bulanan Statistik Penggulangan Syarikat, Pembatalan	11 Jun 2009
6	Pembayaran Dividen dan Pemulangan Deposit	30 Jun 2009
7	Statistik pelepasan dan pembubaran syarikat penutupan fail penggulangan pertubuhan dan kesatuan sekerja	30 Jun 2009
8	Kes-kes yang mempunyai baki kredit melebihi RM10,000.00	30 Jun 2009

Pematuhan Undang-Undang Melalui Pendekatan Penguatkuasaan Yang Saksama

Salah satu peranan utama KPI adalah untuk memantau dan mengawal selia perlakuan si bankrap. Ini melibatkan pemantauan ke atas pematuhan oleh si bankrap kepada peraturan undang-undang dan arahan KPI semasa pentadbiran kebangkrutan mereka. KPI bertanggungjawab untuk mengambil tindakan penguatkuasaan termasuk pendakwaan ke atas mana-mana bankrap yang didapati melanggar mana-mana arahan atau melakukan apa-apa kesalahan jenayah di bawah perundangan yang dikawal.

Pada tahun 2009, sebanyak 1357 kes telah disiasat melibatkan pelbagai kesalahan yang terdiri daripada kesalahan komital dan kesalahan fraud di bawah Akta Kebankrapan 1967 (AK 1967) dan Akta Syarikat 1965 (AS 1965). Kertas siasatan dibuka berdasarkan kepada aduan yang diterima daripada orang awam dan maklumat dalaman daripada pentadbiran kebangkrutan dan likuidasi.

Daripada jumlah tersebut, 1,300 kes yang disiasat merupakan kesalahan di bawah AK 1967. Pecahan jenis kesalahan di bawah AK 1967 yang telah disiasat ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jenis Kesalahan Yang Disiasat Di Bawah Akta Kebankrapan 1967

Bil	Seksyen	Kesalahan (Akta Kebankrapan 1967)	Jumlah
1	Seksyen 16	Gagal Memfailkan Pernyataan Hal Ehwal	206
2	Seksyen 28	Waran Tangkap	380
3	Seksyen 38 (2)	Komital	100
4	Seksyen 91 (2)	Tunggakan Ansuran Bulanan	521
5	Seksyen 109	Fraud	85
6	Seksyen 115	Fraud (Pemiutang)	7
7	Seksyen 114	Mendapatkan Kredit secara Fraud	1
		Jumlah	1300

Selain daripada kesalahan di bawah AK 1967, Mdl juga menjalankan siasatan ke atas 57 kes di bawah Akta Syarikat 1965 (AS 1965). Penyiasatan di bawah seksyen 234 AS 1965 iaitu kesalahan gagal memfailkan Pernyataan Hal Ehwal (PHE) oleh pengarah syarikat merupakan kes yang tertinggi disiasat dengan jumlah 49 kes. Pecahan jenis kesalahan yang disiasat di bawah AS 1965 ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jenis Kesalahan Yang Disiasat Di Bawah Akta Syarikat 1965

Bil	Seksyen	Kesalahan (Akta Syarikat 1965)	Jumlah
1	Seksyen 234	Gagal Memfail PHE Syarikat	49
2	Seksyen 236	Kuasa Penyelesai	1
3	Seksyen 300	Fraud	1
4	Seksyen 125	Bankrap Menjadi Pengarah Syarikat	2
5	Seksyen 251	Waran Tangkap (Penyumbang)	4
		Jumlah	57

Jumlah Siasatan Diselesaikan

Jumlah siasatan yang telah diselesaikan pada tahun 2009 di bawah Akta Kebankrapan 1967 ialah sebanyak 101 kes. Daripada jumlah tersebut 96 kes terdiri daripada kes komital, 3 kes *fraud* di bawah seksyen 109 Akta Kebankrapan 1967 telah ditutup tanpa apa-apa tindakan diambil (NFA) dan 2 kes lagi merupakan kes *fraud* di bawah seksyen 115 AK 1967.

Kes komital yang telah diselesaikan melibatkan kes yang telah diselesaikan di mahkamah iaitu di bawah Seksyen 16 Akta Kebankrapan 1967, Seksyen 28 Akta Kebankrapan 1967, Seksyen 38 Akta Kebankrapan 1967 dan Seksyen 91(2) Akta Kebankrapan 1967.

Kes *fraud* di bawah seksyen 109 Akta Kebankrapan 1967 telah ditutup tanpa apa-apa tindakan diambil (NFA) melibatkan sebab-sebab seperti berikut:

- aduan tidak berasas;
- tiada bukti kukuh untuk mendakwa;
- bankrap tidak dapat dikesan; dan
- bankrap telah meninggal dunia.

2 kes lagi merupakan kes *fraud* di bawah seksyen 115 AK 1967.

Kes komital dan *fraud* yang telah diselesaikan ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Kes Komital Yang Diselesaikan Mengikut Kategori

Bil	Seksyen	Kesalahan (Akta Kebankrapan 1967)	Jumlah
1	Seksyen 16	Gagal Memfailkan Pernyataan Hal Ehwal	25
2	Seksyen 28	Waran Tangkap	25
3	Seksyen 38 (2)	Komital	8
4	Seksyen 91 (2)	Tunggakan Ansuran Bulanan	38
5	Seksyen 109	Fraud	3
6	Seksyen 115	Fraud (Pemiutang)	2
		Jumlah	101

Arahan Jabatan (Penyiasatan) Yang Dikeluarkan

Mdl telah mengeluarkan empat (4) arahan baru bagi rujukan Pegawai Penyiasat dalam tahun 2009. Senarai arahan tersebut dinyatakan dalam jadual di bawah.

Bil	Arahan-Arahan Jabatan Yang Dikeluarkan	Tarikh Dikeluarkan
1	Arahan Jabatan (Penyiasatan Dan Penguatkuasaan) Bil. 2 Tahun 2009 Tugas Dan Perlaksanaan Proses Kerja Pegawai Penyiasat Di Cawangan	2 Mac 2009
2	Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia (Bahagian Penyiasatan Dan Penguatkuasaan) Perlantikan Pegawai Penyiasat	13 Oktober 2009
3	Arahan Bahagian (Penyiasatan Dan Penguatkuasaan) Bil. 1 Tahun 2009 Penyeragaman Format Statistik Bulanan Bahagian Penyiasatan Dan Penguatkuasaan	29 Oktober 2009
4	Arahan Bahagian (Penyiasatan Dan Penguatkuasaan) Bil. 2 Tahun 2009 Penukaran Fail Lmaf Kepada Enquiry Paper (Ep)	29 Oktober 2009

PENDAKWAAN

Bagi tahun 2009 sebanyak 466 kes komital dan waran tangkap telah difailkan di mahkamah. Jumlah ini merangkumi permohonan di bawah Akta Kebankrapan 1967 seperti berikut:

- (a) permohonan waran tangkap;
- (b) permohonan di bawah seksyen 91(2);
- (c) permohonan di bawah seksyen 16(3);
- (d) permohonan di bawah seksyen 38(1)(d);

Selain daripada permohonan di bawah Akta Kebankrapan 1967, terdapat 9 permohonan yang difailkan di mahkamah mengikut Akta Syarikat 1965 seperti berikut:

- (a) Permohonan di bawah seksyen 234; dan
- (b) Permohonan di bawah seksyen 251 Akta Syarikat 1965

Jumlah 466 kes komital merupakan kenaikan sebanyak 46.8% berbanding dengan jumlah pemfailan permohonan komital dan waran tangkap di mahkamah bagi tahun 2008. Perbandingan jumlah kes yang difailkan di mahkamah bagi tahun 2008 dan 2009 ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual Perbandingan Jumlah Kes Difaikan Di Mahkamah Bagi Tahun 2008 Dan Tahun 2009

Seksyen	Kesalahan	2008	2009
16 (3) AK 1967	Bankrap gagal memfailkan Pernyataan Hal Ehwal.	18	90
28(1)(a) AK 1967	Penangkapan penghutang di bawah keadaan-keadaan tertentu	92	227
38(1)(d) AK 1967	Menjalankan perniagaan atau menjadi pengarah mana-mana syarikat atau secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian dalam pengurusan mana-mana syarikat	-	1
91(2) AK 1967	Ingkar mematuhi apa-apa perintah atau arahan yang diberi oleh Ketua Pengarah Insolvensi	47	139
234 AS 1965	Kegagalan pengarah/setiausaha/pegawai-pegawai syarikat memfailkan Pernyataan Hal Ehwal Syarikat yang digulungkan	-	6
251 AS 1965	Kuasa untuk menangkap penyumbang yang melarikan diri	12	3
	Jumlah	169	466

- AK 1967 – Akta Kebankrapan 1967
- AS 1965 – Akta Syarikat 1965

Kes-Kes Yang Telah Dibicarakan Oleh Mahkamah

Kes yang telah selesai dibicarakan oleh mahkamah bagi tahun 2009 mengikut jenis kesalahan ialah sebanyak 58 kes dan ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Bil	Seksyen	Kesalahan (Akta Kebankrapan 1967)	Jumlah
1	Seksyen 16 (3) AK 1967	Gagal Memfailkan Pernyataan Hal Ehwal	18
2	Seksyen 28 (1)(a) AK 1967	Waran Tangkap	20
3	Seksyen 91 (2) AK 1967	Tunggakan Ansuran Bulanan	17
4	Seksyen 251 AS 1965	Fraud	3
		Jumlah	58

Keputusan yang dijatuhkan oleh mahkamah terdiri daripada yang berikut:

- amaran keras supaya bankrap/ bekas pengarah mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Mdl iaitu sebanyak 7 kes iaitu 2 kes (seksyen 16(3) AK 1967 dan 5 kes (seksyen 91(2) AK 1967.
- 1 kes dikenakan denda sebanyak RM 500 kerana kegagalan memfailkan PHE pada tempoh yang ditetapkan;
- 8 waran tangkap telah berjaya dilaksanakan ke atas bankrap, bon jaminan dikembalikan kepada penjamin. Bankrap dilaporkan telah mematuhi arahan KPI dengan memfailkan PHE;
- 12 kes telah ditarik balik atas alasan bankrap telah mematuhi arahan KPI; dan
- Kes dibatalkan oleh mahkamah atas alasan mahkamah berpuas hati bahawa si bankrap telah mematuhi perintah yang dikeluarkan sebanyak 30 kes.

Kajian Pelaksanaan Waran Tangkap

Mdl telah membuat kajian pelaksanaan waran tangkap ke atas bankrap bagi tahun 2002 hingga 2009. Laporan bagi kajian tersebut ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual Jumlah Pelaksanaan Waran Tangkap.

Tahun	Bil. Waran Tangkap yang diserahkan kepada Polis	Bil. Waran Tangkap Dilaksanakan	Bil. Waran Tangkap Tidak dikembalikan	Bil. Waran Tangkap yang dikembalikan kepada Mdl
2002	93	13	58	22
2003	71	10	37	24
2004	77	14	30	33
2005	68	11	17	40
2006	48	9	18	21
2007	71	22	40	9
2008	48	7	26	15
2009	86	14	52	20
Jumlah	562	100	278	184

Berdasarkan kajian, waran tangkap yang diserahkan kepada pihak polis bagi tempoh 2002 hingga 2009 ialah berjumlah 562 waran tangkap. Daripada jumlah tersebut 100 waran tangkap dapat dilaksanakan ke atas bankrap, 278 waran tangkap masih dalam tindakan pihak polis dan 184 waran tangkap telah dikembalikan ke Jabatan Insolvensi kerana waran tangkap gagal dilaksanakan.

Antara sebab-sebab kegagalan waran tangkap dilaksanakan ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual : Alasan-alasan Waran Tangkap dikembalikan oleh pihak polis.

Alasan	Jumlah
ID tidak disertakan	1
Alamat terkini bankrap tidak diketahui	1
Bankrap telah berpindah	55
Bankrap tidak menetap di alamat yang diberi	85
Bankrap tidak dapat dikesan	32
Meninggal dunia	1
Bankrap sering tiada di rumah	1
Rumah di alamat telah dirobuhkan	1
Alamat tidak jelas	1
Tiada maklumbalas dari pihak polis	3
Bankrap hadir	1
Alamat tidak wujud	2
JUMLAH	184

Berdasarkan maklumat di atas, beberapa cadangan penambahbaikan telah dikemukakan bertujuan untuk memantapkan Pendakwaan antaranya:

Bil	Program
1	Mengadakan kerjasama dengan PDRM untuk mengenalpasti cara atau proses yang sesuai dan efisien bagi membuat serahan waran tangkap
2	Mesyuarat atau perbincangan perlu diadakan dengan pihak PDRM di cawangan sebulan sekali bagi tujuan membincangkan perkembangan pelaksanaan waran tangkap ke atas bankrap
3	Pemantauan secara berkala oleh Unit Pendakwaan ke atas waran tangkap yang diserahkan kepada pihak polis
4	Mewujudkan satu prosedur baru untuk menyerahkan waran tangkap oleh bailif Mdl bagi mempercepatkan tindakan.

AKTIVITI PENYITAAN HARTA BANKRAP

Pada tahun 2009 satu penyitaan ke atas harta si bankrap yang bernilai RM22,560.00 telah dilakukan.

Gambar : Aktiviti menzahirkan harta bankrap




Aktiviti Perundangan

Selain daripada menjalankan penyiasatan dan pendakwaan, Mdl juga mengendalikan aktiviti perundangan seperti berikut:

- menjalankan litigasi kes di mahkamah;
- menyemak dokumen undang-undang; dan
- menjalankan penyelidikan bagi pembaharuan undang-undang insolvensi.

Menjalankan Litigasi Kes Di Mahkamah

Pada tahun 2009, sebanyak 920 kes yang melibatkan kes perbicaraan di Mahkamah Perusahaan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan telah dikendalikan. Jumlah kes yang terlibat ditunjukkan dalam rajah di bawah:



Kausa Tindakan Bagi Kes Mengikut Jenis Mahkamah

Kausa tindakan bagi kes yang dikendalikan oleh Mdl mengikut mahkamah ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jenis Mahkamah	Kuasa Tindakan
Mahkamah Persekutuan & Mahkamah Rayuan	(a) rayuan terhadap Penghakiman Terus di bawah Aturan 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980; (b) rayuan terhadap perintah Mahkamah di bawah Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980; (c) rayuan terhadap Perintah Jualan; (d) rayuan terhadap perintah Interlokutori dan/atau Injunksi; dan (e) rayuan terhadap kemungkiran perjanjian atau kontrak.
Mahkamah Tinggi	(a) tindakan bagi pelaksanaan spesifik; dan (b) perintah deklarasi dan bantahan pemiutang terhadap pelepasan bankrap melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia

Menyemak Dokumen Undang-Undang

Mdl telah membuat semakan ke atas dokumen undang-undang yang dimasuki antara Mdl dengan pembekal/ kontraktor. Empat (4) dokumen undang-undang telah disemak oleh Mdl sepanjang tahun 2009 seperti berikut:

- Dokumen tender bagi projek INSIST;
- Perjanjian Kawalan Keselamatan Jabatan Insolvensi Malaysia untuk para pegawai keselamatan yang ditempatkan di Cawangan seluruh Malaysia;
- Penyediaan Kontrak Pengiklanan Notis Kebankrapan dan Penggulangan Syarikat dengan Percetakan Nasional Berhad dan Utusan Media Berhad; dan
- Draf warta kes kebangkrutan dan penggulangan syarikat.

Menjalankan penyelidikan bagi pembaharuan undang-undang insolvensi.

Mdl telah menubuhkan *Insolvency Law Reform Committee* (ILRC) untuk mengkaji pembaharuan terhadap undang-undang insolvensi.

Pembaharuan undang-undang insolvensi bertujuan memantapkan dan memperkasa urusan pentadbiran kes insolvensi bagi mewujudkan lanskap insolvensi sebagai satu industri.

Antara terma rujukan ILRC ialah:

- (a) mewujudkan satu undang-undang insolvensi yang menyeluruh bagi kebangkrutan dan penggulangan syarikat;
- (b) menyelaraskan dan mengemaskini prosedur undang-undang insolvensi yang lapuk dan membebaskan;
- (c) menggalakkan penyelesaian hutang tanpa perlu mengambil tindakan kebangkrutan/penggulangan syarikat;
- (d) memantapkan kuasa Ketua Pengarah Insolvensi untuk menguatkuasakan obligasi bankrap;
- (e) menggalakkan pemiutang tidak bercagar memainkan peranan yang lebih aktif dalam prosiding kebangkrutan/penggulangan syarikat;
- (f) memaksimumkan amaun dalam aset bankrap bagi tujuan pengagihan kepada pemiutang; dan
- (g) memantapkan kuasa penyeliaan Pegawai Penerima Malaysia terhadap pelikuidasi yang dilantik dan pengamal insolvensi.

Petikan Kes Yang Melibatkan Mdl Pada Tahun 2009

1. Zaitun Marketing Sdn. Bhd. lwn Boustead Eldred Sdn. Bhd. [Mahkamah Persekutuan Malaysia (Bidangkuasa Rayuan) Rayuan Sivil No. 02-47-2008(W)]	(a) Selaras dengan keputusan Mahkamah Persekutuan, PPM boleh melantik peguambela dan peguamcara untuk membawa atau membela apa-apa tindakan atau lain-lain prosiding undang-undang dalam nama dan bagi pihak syarikat di bawah seksyen 236(2)(a) Akta Syarikat 1965, dengan syarat jaminan kos yang munasabah diberikan kepada PPM. (b) Seksyen 236 (2) (a) hendaklah dibaca berasingan dengan seksyen 236(1)(e) Akta Syarikat 1965 yang membawa kesan di mana PPM tidak perlu mendapatkan kebenaran dari Mahkamah atau Ahli Jawatankuasa Pemeriksaan untuk melantik peguambela dan peguamcara untuk membantu PPM dalam menjalankan tugas-tugas pentadbiran penggulangan syarikat.
2. Ber : Razak bin Ali Exp: Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia [Mahkamah Tinggi Malaya di Muar Dalam Perkara Kebankrapan No. 29-524 Tahun 2000]	(a) KPI telah memfailkan permohonan untuk komital terhadap bankrap di bawah seksyen 91(2) Akta Kebankrapan 1967 di Mahkamah Tinggi Muar. (b) Mahkamah telah membangkitkan persoalan sama ada terdapat prosiding komital yang boleh digunapakai di dalam Akta Kebankrapan 1967 dan seterusnya menyatakan yang prosedur sewajarnya harus digunapakai ialah Aturan 52 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') di mana kebenaran (<i>leave</i>) Mahkamah haruslah diperolehi terlebih dahulu sebelum komital terhadap bankrap boleh dibenarkan. (c) KPI berhujah Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 yang terkandung di bawah Akta Kebankrapan 1967 adalah terpakai kepada prosiding komital di dalam kes atau perkara-perkara kebangkrutan. Akta Kebankrapan 1967 dan kaedah-kaedah yang terkandung di dalamnya adalah undang-undang spesifik bagi perkara-perkara kebangkrutan dan dengan demikian terpakai dan mengatasi Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. (d) Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa Mahkamah bersetuju kes-kes komital boleh diteruskan dengan Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 tanpa menggunakan Aturan 52 sebagaimana lazimnya.

**3. Kerajaan Negeri Selangor & 3
Lagi Iwn Pendaftar Pertubuhan
Malaysia**

- (a) Pada 11.3.2008, BALKIS atau Persatuan Badan Amal dan kebajikan Isteri-Isteri Selangor telah dibubarkan oleh ahli-ahlinya melalui mesyuarat yang diadakan bagi tujuan pembubaran BALKIS iaitu beberapa hari selepas pilihanraya umum pada 8.3.2008. Pada 11.2.2009, Responden telah membatalkan pendaftaran BALKIS.
- (b) Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) terlibat dalam kes ini setelah pendaftaran BALKIS dibatalkan dan melalui surat bertarikh 6.4.2009, Pemohon-Pemohon melalui peguamcaranya telah memohon Mdl mengesahkan laporan pegawai Responden, Puan Tairah bt. Yusof bahawa dana kepunyaan BALKIS yang berjumlah RM9.9 juta sedang dikendalikan oleh Mdl.
- (c) Walau bagaimanapun, Mdl menafikan kesahihan laporan tersebut dan menyatakan bahawa Mdl tidak pernah menerima wang berjumlah RM9.9 juta tersebut. Ini kerana wang tersebut telah dikeluarkan oleh BALKIS pada 13.3.2008 melalui Laporan Kewangan BALKIS.
- (d) Seterusnya, Pemohon-Pemohon berhujah bahawa alasan-alasan bagi penggantungan prosiding-prosiding ke atas keputusan Responden bertarikh 11.2.2009 antara lain adalah;
- (e) bahawa Responden telah membuat pengakuan melalui pegawainya, Puan Tairah bt. Yusof bahawa tidak ada semakan yang betul dilakukan mengenai keahlian BALKIS dan orang-orang yang menghadiri mesyuarat pada 11.3.2008;
- (f) bahawa Responden telah membuat pengakuan melalui pegawainya, Puan Tairah bt. Yusof bahawa pembubaran BALKIS pada 11.3.2008 adalah melanggar Perlembagaan BALKIS;
 - (i) bahawa oleh itu, proses yang dilalui oleh Responden dalam membuat keputusan yang kini dicabar adalah tidak menurut Akta Pertubuhan 1966 yang memerlukan Responden untuk membuat semakan yang sewajar ke atas semua dokumen-dokumen yang dikemukakan kepada beliau sebelum sebarang keputusan dibuat;
 - (ii) bahawa keengganan Responden untuk mengemukakan notis bertulis 14 hari kepada *Selcat* atau *Select Committee On Competency, Accountability and Transparency*/ Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan, walaupun beberapa permohonan telah dibuat membangkitkan keraguan yang serius mengenai kewujudan dokumen tersebut dan terhadap tindakan-tindakan Responden dan juga terhadap pegawai-pegawainya berkenaan pengendalian permohonan untuk membubarkan BALKIS;
 - (iii) bahawa sehingga kini Responden masih gagal untuk mengemukakan kepada Pemohon Pertama di Permohonan Bagi Semakan Kehakiman No. R3-25-161-2009, dokumen-dokumen yang dipohon di mana dokumen-dokumen tersebut adalah relevan kepada isu pembubaran BALKIS;

(iv) bahawa tindakan-tindakan Responden yang tidak bersifat tulus dan tidak ikhlas memerlukan Mahkamah Yang Mulia ini untuk mengekalkan “status quo” supaya dapat mengelak Responden dari mengambil apa-apa tindakan yang mungkin akan menjejaskan kesahihan dokumen-dokumen yang relevan; dan

(v) bahawa fakta-fakta di atas setelah mempertimbangkan keadaan-keadaan secara menyeluruh membangkitkan satu keadaan khas yang membenarkan satu penggantungan prosiding-prosiding sehingga Mahkamah Yang Mulia ini memutuskan Permohonan Bagi Semakan Kehakiman ini.

Pada 16.9.2009 oleh Y.A. Pesuruhjaya Kehakiman Tuan Muhamad Arif bin Md Yusuf telah memutuskan bahawa satu perintah penggantungan bagi menggantung keputusan Responden bertarikh 11.2.2009 dan/atau sebarang atau semua tindakan-tindakan atau prosiding-prosiding yang berbangkit dari keputusan tersebut dengan syarat perintah penggantungan ini tidak melibatkan Kompleks Wawasan BALKIS dan tanpa menjejaskan pewartaan keputusan tersebut sehingga penentuan permohonan ini atau perintah lanjut. Selanjutnya, tiada tarikh perbicaraan untuk permohonan substantif ditetapkan oleh MTKL.

Pengurusan Teknologi Maklumat

Data Migrasi (Bukan Perakaunan)

Projek Data Migrasi merupakan satu projek pengemaskinian maklumat kebangkrapan dan penggulangan syarikat. Projek ini dilaksanakan dengan membuat pemindahan maklumat sahaja dari fail fizikal ke pangkalan data CMS.

Sehingga 31 Disember 2009, maklumat kebangkrapan dan penggulangan syarikat dari 85,066 fail telah dipindahkan ke dalam sistem seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.


Fasa	Cawangan Terlibat	Tempoh Pelaksanaan	Bil Fail
Fasa 1 (fail 2003 ke bawah)	Kuala Lumpur, Selangor, Muar, Johor Bahru, Pulau Pinang, Alor Star, Kuantan, Terengganu, Kelantan, Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Miri Kuching	Feb 2008 – 31 Dis 2009	75,612
Fasa 2	Selangor (fail 2003 – 2008) Perlis (fail 2003 dan sebelumnya)	Apri 2009 -31 Dis 2009	9,454
Jumlah Keseluruhan			85,066

Kemudahan Perkhidmatan Online

Mdl menyediakan Perkhidmatan carian status kebangkrapan dan penggulangan syarikat secara *online* yang boleh dicapai melalui e-Insolvency selain daripada sistem carian kaunter yang masih dipraktikkan. Pelanggan boleh melayari laman web Mdl yang boleh dicapai melalui www.insolvency.gov.my.

Statistik carian kaunter dan secara *online* ditunjukkan dalam rajah di bawah.

Rajah : Jumlah Carian Kebankrapan Dan Penggulangan Syarikat Bagi Tempoh 2005 Hingga 2009



Terdapat peningkatan sebanyak 16.4% dalam tahun 2009 berbanding 2008 bagi carian *online*.

Sistem Insolvensi Bersepadu (INSIST)

Mdl masih dalam usaha membangunkan Sistem Insolvensi Bersepadu (*Insolvency Integrated System-INSIST*) dan sistem ini dijangka dapat digunakan pada akhir tahun 2010.


Objektif utama INSIST ialah menjadikan Mdl sebagai pusat rujukan utama hal-hal insolvensi di Malaysia di semua peringkat agensi kerajaan, badan berkanun, swasta dan orang awam.

INSIST akan mempunyai ciri-ciri perkhidmatan seperti berikut:

- pelanggan boleh membuat pembayaran kepada mana-mana cawangan dan tidak hanya terikat kepada cawangan yang mengendalikan kes tersebut;
- pelbagai mod bayaran boleh digunakan seperti FPX, *telegraphic transfer* (TT) dan EFT;
- bankrap dan penghutang boleh melihat dan mengemaskini maklumat secara *online*;
- INSIST juga akan digunakan sebagai satu medium perantaraan bagi pemantauan kes di cawangan secara keseluruhan serta mempelbagaikan produk dan perkhidmatan Mdl.

Perolehan Peralatan ICT


Pada November 2009 Mdl telah menerima sebanyak 255 komputer peribadi dan 149 pencetak. Pengagihan kepada setiap negeri dan cawangan telah dibuat dan ditunjukkan dalam rajah di bawah:




Pembayaran Deposit dan Dividen

Prestasi keseluruhan penyelesaian bilangan kes deposit dan dividen bagi tahun 2009 dinyatakan seperti Jadual A dan amaun pembayaran dinyatakan di Jadual B di bawah :

Jadual A : Prestasi Keseluruhan Penyelesaian Kes Deposit Dan Dividen Tahun 2009 Mengikut Bilangan Kes



Jadual B : Prestasi Keseluruhan Penyelesaian Kes Deposit Dan Dividen Tahun 2009 Mengikut Amaun



Berdasarkan Jadual tersebut, sebanyak 8,967 kes deposit berjumlah RM16,209,852 dan 3,067 kes dividen berjumlah RM139,098,090 telah dapat diselesaikan. Prestasi bilangan kes diproses bagi Suku Ke-4 tahun 2009 didapati menurun berbanding suku tahun sebelumnya kerana *task-force* yang diwujudkan telah berjaya menyelesaikan kes-kes tertunggak dengan bantuan Pegawai Perakaunan Kontrak dan Pekerja Khidmat Singkat.

Prestasi Hasil Pendapatan Mdl

Aktiviti operasi kebangkrutan dan likuidasi di Mdl juga menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil kerajaan.

Terdapat tiga (3) kategori kutipan hasil Mdl iaitu:

(a) Bayaran Prosesan

Carian status kebangkrutan dan syarikat yang digulungkan sama ada melalui kaunter (*manual*) ataupun melalui *on-line* yang dikenali sebagai e-Insolvensi.


(b) Bayaran Penghasilan dan Pembahagian Harta

Fi yang dikenakan ke atas setiap aset bankrap atau syarikat yang digulungkan yang dizahirkan dan dividen yang diisytiharkan.

(c) Bayaran-Bayaran Perkhidmatan Yang Lain

Mdl juga menyediakan kemudahan seperti penyewaan sewa laci kepada orang awam untuk sijil carian rasmi, bayaran pemfailan Borang Bukti Hutang, Bon Ganti Rugi dan kos kehadiran di mahkamah bagi kes-kes yang ditarik balik.

Bagi tahun 2009, kutipan keseluruhan hasil Mdl ialah sebanyak RM28.32 juta berbanding RM22.63 juta pada tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak RM5.68 juta bersamaan 25.12%. Laporan Hasil Mdl secara terperinci dinyatakan seperti carta di bawah :



Bayaran prosesan carian telah dapat dikutip sebanyak RM12.81 juta berbanding RM11.49 juta pada tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak RM1.32 juta (11.51%). Daripada amaun ini, sebanyak 94% bagi tahun 2009 dan 91% bagi tahun 2008 diperolehi daripada perkhidmatan e-Insolvensi kerana pelanggan lebih menjurus kepada perkhidmatan berkaitan kerana mudah dan menjimatkan masa serta kos.

Bagi kutipan bayaran penghasilan dan pembahagian harta, terdapat peningkatan sebanyak RM4.21 juta (41%) iaitu RM14.57 juta pada tahun 2009 berbanding RM10.36 juta pada tahun 2008. Peningkatan ini disebabkan tindakan agresif Mdl menzahirkan harta si bankrap dan syarikat yang digulungkan di samping pembayaran dividen kepada pemiutang. Peningkatan juga disebabkan aktiviti penjualan dan penguatkuasaan ke atas aset si bankrap dan syarikat yang digulungkan dilaksanakan secara aktif.

Bagi bayaran perkhidmatan yang lain, terdapat peningkatan sebanyak RM0.15 juta bersamaan dengan 19% iaitu RM0.94 juta pada tahun 2009 berbanding RM0.79 juta pada tahun 2008 yang dikutip melalui pelbagai kutipan seperti caj kos mahkamah, fi pelikuidasi luar dan pemfailan Borang Bukti Hutang.

Sepanjang tahun 2009, Mdl telah berjaya menjana kutipan hasil sebanyak RM28.32 juta berbanding RM22.63 pada tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak RM5.69 juta (25%). Mdl juga telah melepasi sasaran Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2009 sebanyak RM3.52 juta (14%) iaitu RM24.8 juta seperti yang disasarkan berbanding RM28.32 juta kutipan sepanjang tahun 2009.

JAWATANKUASA UNIT JUALAN ASET

Jawatankuasa Unit Jualan Aset (JUJA) merupakan sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan secara khas untuk mengendalikan pengurusan aset bankrap dan penggulangan syarikat secara triti persendirian dan tender terbuka.

Objektif penubuhan JUJA adalah untuk:

- (a) memantau semua kes jualan asset dari semua cawangan Mdl di seluruh Malaysia;
- (b) mempercepatkan proses penjualan asset; dan
- (c) mengatasi kelewatan serta membuat garis panduan penjualan asset bagi kebangkrutan dan likuidasi.

JUJA terdiri daripada :

Penasihat :

Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia

Pengerusi :

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia

Setiausaha:

Pegawai Penilaian

AJK :

Pengarah Insolvensi Bahagian Kebankrapan

Pengarah Insolvensi Bahagian Likuidasi

Pengarah Insolvensi Bahagian Perundangan

Pengarah Insolvensi Bahagian Pendakwaan

Pengarah Insolvensi Bahagian Penyiasatan

AJK LAIN :

Penolong Pengarah Insolvensi dan Pegawai Insolvensi yang mengendalikan kes-kes berkenaan.

Sepanjang tahun 2009 JUJA telah bersidang sebanyak 12 kali. Jumlah bilangan kes penghasilan aset yang telah dibawa ke mesyuarat ini sepanjang tahun 2009 adalah sebanyak 111 kes dengan nilai penghasilan aset sebanyak RM29,327,550.23.

JUJA berjaya menghasilkan aset alih lapan (8) buah syarikat yang tersimpan di stor Mdl Balakong secara tender. Kesemua aset tersebut telah ditender dengan harga RM66,960.00. JUJA telah berjaya menyiapkan dua *Standard Operating Prosedure* (SOP) iaitu SOP JUJA dan SOP Tender Aset Mdl.

JUJA juga telah mengiklankan jualan 25 harta tanah tidak bercagar yang telah diserahkan hak kepada KPI. Iklan harta tanah ini telah dimasukkan ke dalam laman web jabatan bagi tujuan untuk penghasilan. Harta tanah terdiri daripada pelbagai jenis yang terletak di seluruh negara. Kuasa mutlak bagi kelulusan penjualan sesuatu aset terletak kepada Ketua Pengarah Insolvensi (KPI).



← Suasana aset/stor
sewaktu awal dibuka
untuk ditender pada
28 Mei 2009

Hubungan Kerjasama Mdl dan Pihak Berkepentingan

Dalam tahun 2009, Mdl telah mempergiatkan strateginya dengan membentuk kerjasama yang erat dengan pihak berkepentingan. Kerjasama yang baik dengan pihak berkepentingan akan membolehkan Mdl sentiasa seiringan dengan perubahan persekitaran dalam pentadbiran Insolvensi, undang-undang, memberikan kefahaman berhubung dengan operasi dan aktiviti yang dijalankan, matlamat, nilai-nilai utama, polisi-polisi serta perkhidmatan yang disediakan oleh Mdl.

Hubungan kerjasama antara Mdl dan pihak berkepentingan merupakan agenda penting Mdl dalam memenuhi aspirasi dan harapan pihak berkepentingan dengan menjalankan pelbagai program yang melibatkan pertukaran pandangan dan maklumat bersama badan-badan professional, agensi penguatkuasaan dan sektor korporat melalui forum rundingan, program *outreach* serta hubungan dengan media.

Consultative Forum

Mdl telah menggiatkan pelaksanaan sesi forum perundingan (*Consultative Forum*) sebagai usaha untuk mendapatkan pandangan daripada semua pihak yang terlibat dengan isu insolvensi. Pada masa yang sama forum ini mewujudkan ruang bagi mencapai kesepakatan dalam menangani dan menyelesaikan isu yang timbul serta mewujudkan pendekatan yang lebih praktikal bagi memastikan kepantasan (speed) dan ketepatan penyelesaian sesuatu isu.

Sepanjang tahun 2009, Mdl telah mengadakan lapan (8) sesi *consultative forum* dengan agensi yang terlibat seperti berikut:

Bil	Pihak-Pihak	Tarikh	Isu dan Perbincangan
1.	<i>Bar Council</i>	10 Julai	Isu-Isu Kebankrapan dan Penggulangan Syarikat
2.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	13 Julai	Produk baru Mdl untuk kemudahan pelanggan dan orang ramai
3.	<i>Malaysian Institute of Accountants</i> (MIA)	11 Ogos	Penubuhan <i>Insolvency Association of Malaysia</i> dan kerjasama dua hala Mdl-MIA
4.	<i>Malaysian Institute of Certified Public Accountants</i> (MICPA)	11 Ogos	Penubuhan <i>Insolvency Association of Malaysia</i> dan kerjasama dua hala Mdl-MICPA
5.	Bank Negara Malaysia (BNM)	8 September	Isu kebangkrapan disebabkan kad kredit
6.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	10 Julai 4 November 9 Disember	Pemantapan Pemulihan dan Pemantauan Projek Pelaksanaan Konsep Hakmilik Strata Pemantapan Perundangan dan Penguatkuasaan
7.	Jabatan Imigresen Malaysia		Isu permohonan bankrap ke luar negara
8.	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)	11 September	Taklimat mengenai Mdl kepada AKPK



Antara *Consultative Forum* Yang Telah Diadakan pada 11.8.2009

Program Outreach

Program *outreach* merupakan satu lagi inisiatif Mdl bagi mendekati masyarakat. Program *outreach* dijalankan khusus bagi memberi maklumat mengenai peranan dan tanggungjawab jabatan dan pada masa yang sama memberi kesedaran kepada kumpulan sasaran. Antara program yang telah dijalankan ditunjukkan dalam Jadual di bawah:

Bil	Program	Agensi	Kumpulan sasaran/ Jumlah Peserta
1	Hari Bersama Pelanggan Mdl di Mahkota Parade, Melaka pada 25.4.2009.	Mdl Melaka	Terbuka
2	Hari Bersama Pelanggan Mdl di Queens Bay Mall, Pulau Pinang pada 23.5.2009.	Mdl Pulau Pinang	Terbuka
3	Hari Bersama Pelanggan Mdl di Kuantan, Pahang pada 13.6.2009.	Mdl Kuantan	Terbuka
4	Hari Bersama Pelanggan Mdl di Star Parade, Kedah pada 2.8.2009.	Mdl Kedah	Terbuka
5	Pameran dan Hari Bertemu Pelanggan di Daerah Kota Marudu, Sabah pada 21-22.11.2009.	Mdl Kota Kinabalu	Terbuka
6	Ceramah Mdl pada Kursus Pendaftar Pertubuhan (ROS) pada 21.11.2009.	Mdl Kuching	Terbuka



Y.B Dato' Seri Nazri Aziz sedang membuat semakan carian kebangkrapan sambil diperhatikan oleh YBhg. Datuk KPI semasa Hari Bersama Pelanggan Mdl di Queens Bay Mall, Pulau Pinang pada 23.5.2009.



Booth Mdl sewaktu
Hari Bersama
Pelanggan Mdl di Star
Parade, Alor Setar,
Kedah pada 2.8.2009.

Hubungan Media

Mdl telah menggunakan saluran media bagi menyebarkan maklumat mengenai Mdl kepada masyarakat. Beberapa siaran media dan wawancara telah dikendalikan bagi menyebarkan maklumat penting untuk meningkatkan kesedaran umum terhadap peranan Mdl. Pihak pengurusan Mdl telah ditemuramah menerusi rangkaian radio dan televisyen. Maklumat terperinci tentang kemunculan Mdl melalui media elektronik adalah seperti berikut:

Bil	Jaringan	Tarikh	Rancangan	Tajuk
1	Radio RTM	23 Mei	Spice@Mutiara	Peranan Jabatan Insolvensi Malaysia
2	TV3	3 Julai	Buletin Pagi	Peranan Jabatan Insolvensi Malaysia
3	TV3	5 Julai	Buletin Utama	Pelepasan Melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi
4	RTM 1	24 Julai	Selamat Pagi Malaysia	Isu-Isu Kebankrapan
5	Astro Awani	3 Ogos	Buletin Awani	Pindaan Akta Kebankrapan
6	RTM 1	3 Ogos	Berita RTM	Pindaan Akta Kebankrapan
7	Radio RTM	22 Ogos	Berita Radio RTM	Isu-Isu Kebankrapan
8	NTV 7	22 September	NTV 7 News	Kebankrapan
9	KLFM	29 September	Program Inovasi Khidmat Awam (PIKA)	Kenali Jabatan Insolvensi Malaysia
10	Astro Bernama	22 Oktober	1 Consumer	Kad Kredit dan Kebankrapan
11	RTM 1	25 Disember	Selamat Pagi Malaysia	Bagaimana Keluar dari Kebankrapan

Mdl juga memberikan kesedaran kepada masyarakat dan menyebarkan maklumat melalui siaran-siaran akhbar seperti berikut:

Senarai Keratan Akhbar

Bil	Media	Tarikh	Tajuk
1	Berita Harian (<i>Special Features</i>)	28 Jun	Golongan Muda Paling Ramai Muflis
2	Utusan Melayu	27 Julai	Bankrap Bukan Penghujung Hidup
3	The Sun	4 Ogos	<i>Bankruptcy Act To be more client friendly</i>
4	Oriental Daily	4 Ogos	Kebankrapan
5	Sin Chew daily	4 Ogos	Kebankrapan
6	Harian Ekspres, Sabah	8 Ogos	Individu Muflis ditangkap
7	The Star	13 Ogos	<i>Herculean Task For JIM</i>
8	Kosmo	19 Ogos	Budaya Hidup Yuppies
9	Sinar Harian	9 Disember	Tiga Individu Bankrap ditahan
10	Harian Metro	16 Disember	Rampas Harta 30,000 individu muflis

Hubungan Mdl & Antarabangsa

Sepanjang tahun 2009, Mdl telah menyertai dua (2) mesyuarat dan satu persidangan antarabangsa seperti berikut:

Mesyuarat kali ke 36 Kumpulan Kerja V (Undang-Undang Insolvensi) Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa (UNCITRAL)(New York, 18 - 22 Mei 2009)

Mesyuarat ini telah diadakan di ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York pada 18 hingga 22 Mei 2009. Buat pertama kalinya, wakil Mdl yang juga merupakan ketua delegasi Malaysia ke Mesyuarat tersebut juga telah dipilih untuk menjadi *Rapporteur* di Mesyuarat kali ini. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh perwakilan daripada 36 negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga perwakilan dari beberapa organisasi antarabangsa.



← *Rapporteur* Malaysia ke Mesyuarat Kumpulan Kerja V UNCITRAL kali ke 36 di New York

Mesyuarat Kumpulan Kerja V UNCITRAL yang telah diberi mandat untuk menggubal *Model Law* bagi layanan terhadap kumpulan korporat dalam insolvensi sebagai tambahan kepada *Insolvency Guide and the Model Law On Cross Border Insolvency* telah menyambung perbincangan berhubung perkara-perkara berikut:

- (a) Draf Nota UNCITRAL bagi kerjasama, komunikasi dan koordinasi dalam prosiding insolvensi;
- (b) Layanan terhadap kumpulan korporat dalam prosiding insolvensi bagi isu-isu antarabangsa dan domestik; dan
- (c) Kesan insolvensi ke atas hak keselamatan dalam harta intelek

Bagi perkara yang menyentuh tentang layanan terhadap kumpulan korporat dalam prosiding insolvensi, antara isu-isu antarabangsa yang dibincang melibatkan:

- Pusat koordinasi bagi kumpulan korporat;
- Memudahkan jalinan kerjasama dan komunikasi; dan
- Penggunaan Perjanjian Perentasan Sempadan (*Cross Border Agreement*).

Sementara itu, bagi isu-isu domestik pula perbincangan yang dijalankan merangkumi:

- Permohonan bersama; dan
- Bantuan kewangan pasca tindakan (*Post-commencement finance*).

Persidangan Tahunan *International Association Of Insolvency Regulators* (IAIR) Di Johannesburg, Afrika (11-14 Oktober 2009)

Mdl telah menyertai Persidangan Tahunan IAIR 2009 bersama 28 negara anggota yang lain. IAIR merupakan satu persatuan antarabangsa yang menggabungkan kepakaran dan pengalaman daripada semua agensi-agensi penggubal undang-undang insolvensi dari seluruh dunia.



Delegasi Mesyuarat dan Persidangan
IAIR pada 11-14 Oktober 2009, di
Johannesburg, Afrika Selatan

Topik-topik perbincangan dalam Mesyuarat dan persidangan IAIR 2009 adalah:

- (a) *Key Challenges for the Insolvency Industry in the wake of the Global Financial Crisis (GFC). What is expected from the perspective of the government, professionals, public?*
- (b) *What is the impact of GFC on our insolvency system?*
- (c) *Qualifications required for insolvency practitioners;*
- (d) *Hypothetical corporate insolvency case study/ scenario;*
- (e) *Hypothetical consumer insolvency case study/ scenario;*
- (f) *Fraud in insolvency process; and*
- (g) *Development of Insolvency profession and standards.*

Mdl telah mengambil bahagian yang aktif dalam perbincangan dan turut mengemukakan *country report* bagi memaklumkan kepada semua negara ahli mengenai perkembangan insolvensi di Malaysia. Hasil daripada pengetahuan dan maklumat yang diperoleh daripada Mesyuarat dan Persidangan IAIR ini, Mdl mempunyai perspektif yang lebih luas mengenai industri insolvensi terkini di peringkat antarabangsa.

Mesyuarat kali ke 37 Kumpulan Kerja V (Undang-Undang Insolvensi) Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa (UNCITRAL) Pada 9 Hingga 13 November 2009 di Vienna, Austria

Mesyuarat kali ke 37 Kumpulan Kerja V (UNCITRAL) telah diadakan di Vienna, Austria pada 9 hingga 13 November 2009. Mdl telah menghantar dua orang wakil ke mesyuarat tersebut. Mesyuarat tersebut telah menyambung perbincangan berkenaan penggubalan Model Law bagi layanan terhadap kumpulan korporat dalam insolvensi sebagai tambahan kepada *Insolvency Guide and the Model Law On Cross Border Insolvency*.



Delegasi dari Malaysia bergambar kenangan di hadapan Bangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Vienna, Austria

Penyertaan Mdl yang berterusan ke Mesyuarat UNCITRAL ini membuktikan usaha konsisten Mdl dalam membantu Kerajaan untuk merangka infrastruktur undang-undang insolvensi yang mencukupi, berkesan dan moden di Malaysia.

Laporan Penggunaan Website Oleh Corporate Web Support Australia Mengenai Akses Pengguna Google Kepada Isu-Isu Berkaitan Insolvensi Di Malaysia

Mdl telah menerima laporan yang sangat memberangsangkan iaitu isu-isu insolvensi di Malaysia kini menjadi minat dan tumpuan masyarakat bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat antarabangsa.

Laporan yang diterima daripada Corporate Web Support, iaitu agensi yang dilantik oleh IAIR untuk membuat kajian laman web IAIR menunjukkan Malaysia merupakan sebuah negara favourite bagi kategori yang berikut:

- (a) *The top 5 member profiles accessed within insolvencyreg.org*, Malaysia di kedudukan pertama;
- (b) *The top 10 country specific insolvency, related search queries*, Malaysia di kedudukan ke 2; dan
- (c) *The top 5 online local, Google referred visitors to IAIR (ranked by country of origin)*, Malaysia di kedudukan ke 5.

Pengurusan MdI Secara Strategik

Sebagai sebuah jabatan kerajaan yang mentadbir dan menguruskan hal-ehwal insolvensi, MdI telah mengorak langkah memupuk dan mengamalkan sifat-sifat kawalselia dalam menjalankan pentadbiran. Pendekatan secara strategik telah digunapakai dalam memastikan mutu pentadbiran Insolvensi dijalankan dengan berkualiti dan tadbir urus yang berhemah.

Perhimpunan Bulanan MdI

Sepanjang tahun 2009, MdI telah mengadakan sebanyak lima (5) siri perhimpunan bulanan seperti berikut:

Bil	Tarikh	Tema Perhimpunan
1	26 Mei	<i>"The Beginning"</i>
2	25 Jun	<i>"Teamwork"</i>
3	2 Ogos	<i>"Attitude"</i>
4	29 Oktober	<i>Transformasi Melonjak Visi</i>
5	21 Disember	<i>"Towards Transformational JIM to MdI"</i>

Prestasi pencapaian bulanan MdI dibentangkan dalam setiap perhimpunan yang telah dijalankan. Melalui pembentangan yang dibuat, segala pencapaian organisasi secara keseluruhan dan pencapaian setiap bahagian akan ditunjukkan dalam perhimpunan untuk makluman bersama. Selain itu, laporan mengenai hal ehwal tata tertib dan isu integriti MdI turut dibentangkan bagi memberi kesedaran kepada kakitangan mengenai kepentingan menerapkan nilai integriti dan disiplin dalam memberi khidmat kepada kerajaan. Pembentangan pencapaian bulanan, isu integriti dan isu disiplin telah menjadi amalan di MdI dan ianya akan diteruskan dalam setiap perhimpunan bulanan MdI yang akan datang bertujuan memberi semangat dan galakkan kepada kakitangan untuk terus sama-sama berusaha membawa jabatan ini ke arah kecemerlangan.

Usaha Ke Arah Mewujudkan Hubungan Harmoni Dengan Anggota Organisasi - Staff Centric Rebranding

Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia (KPI) telah menjalankan usaha memupuk hubungan harmoni bersama pegawai dan kakitangan MdI melalui usaha *"staff centric rebranding"*. Melalui inisiatif ini, KPI akan turun padang ke setiap cawangan bagi bertemu kakitangan MdI di seluruh Malaysia. Sehingga Disember 2009, KPI telah menjelajah ke 11 cawangan MdI seperti berikut:

Tarikh	MdI Negeri
11-12 Mei	KPI bersama MdI Kuantan
22-23 Mei	KPI bersama MdI Pulau Pinang
9-11 Jun	KPI bersama MdI Kelantan
	KPI bersama MdI Temerloh
23 oktober	KPI bersama MdI Taiping
24 Oktober	KPI bersama MdI Perlis
25 Oktober	KPI bersama MdI Kedah
27 Oktober	KPI bersama MdI Kuala Lumpur & Selangor
30 Oktober	KPI bersama MdI Melaka
31 Disember	KPI bersama MdI Sandakan

Tujuan *staff centric* rebranding ialah untuk:

- memupuk hubungan harmoni dan mengenali kakitangan Mdl di peringkat cawangan;
- memaklumkan semua pegawai dan staf mengenai hala tuju Mdl;
- Menerapkan budaya kerja baru di kalangan pegawai dan staf Mdl seperti penggunaan emel bagi komunikasi kerana teknologi ini dapat mempercepatkan urusan dan menyumbang kepada konsep *paperless* yang seterusnya menyokong *go green campaign*, mewujudkan semangat kerja berpasukan, perkongsian ilmu dan nilai-nilai murni, dan sebagainya;
- Memperkenalkan budaya pengendalian operasi yang baru; dan
- Menerapkan kepentingan nilai integriti dan disiplin di kalangan pegawai dan staf Mdl di semua peringkat.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Mdl sentiasa berusaha untuk memastikan dan menyediakan kakitangan dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bagi membolehkan mereka menjalankan tugas penting dan kompleks yang dipikul oleh Mdl. Mdl serius untuk memastikan kakitangan diberi motivasi sepenuhnya dan bersedia dalam tugas yang dilaksanakan supaya organisasi boleh terus memperbaiki mutu perkhidmatan dan memaksimumkan keberkesanan perkhidmatan. Sehubungan itu, sebanyak 20 kursus telah disertai oleh Mdl sepanjang tahun 2009. Senarai kursus berkenaan ditunjukkan dalam jadual berikut:

Senarai Kursus Yang Dihadiri Oleh Pegawai dan Staf Mdl Bagi Tahun 2009

Bil	Nama Kursus	Tarikh	Anjuran	Tempat
1	Taklimat Pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 19/08 - Opsyen KWSP	12 Januari	SUK, Pahang	Dewan Utama Wisma Belia, Kuantan
2	e-SPKB (Khas) untuk Akaun Deposit/ Amanah JIM 2009	20 Januari	BHEUU	Jab. Akauntan Negara, Putrajaya
3	<i>Stress Management</i>	21-23 Januari	BHEUU	Hotel Sri Malaysia, Genting
4	Penggunaan Sistem Kutipan Hasil RM20 (<i>Enhancement Version</i>)	11 Februari	Mdl	BHEUU
5	<i>High Impact Team</i>	24-27 Februari	BHEUU	Kuala Kubu Bharu
6	Program Bina Insan (<i>Team Building</i>)	24-27 Februari	BHEUU	Genting View Resort
7	Kenegaraan Sistem Saraan Malaysia PTK 1	12-16 Mac	BTN	Ayer Keroh D'Village
8	Kewangan dan Perakaunan bagi PUU Gred L29	26-28 Mac	BHEUU	Melaka BHEUU
9	Asas Perkhidmatan Pengurusan Sumber Manusia	8-10 Mei	BHEUU	Melaka Grand Water
10	Pengurusan Stor dan Aset Jabatan	9-12 Jun	BHEUU	City Resort Le Paris Resort, Port Dickson ILKAP
11	Modul Induksi Umum	11-25 Jun	JPM	
12	Induksi Khusus Kumpulan Sokongan Gred 1-16	14-19 Jun	JPM	Bayu Beachh Resort
13	Pengenalan HRMIS dalam Perkhidmatan Bil. 7/2009	16 Jun	JPM	Auditorium B1, JPM
14	Analisis Keperluan Latihan (T.N.A)	21-23 Julai	INTAN	INTAN, Wilayah Timur
15	Asas Protokol dan Etik Sosial	20-23 Julai	JPA	Putra KL Hotel
16	Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan, Jabatan Insolvensi Malaysia Tahun 2009	2-5 Ogos	Mdl	Everly Resort Melaka
17	Induksi Umum dan Modul Pengurusan Integriti	9-16 Ogos	BPPSM, JPM	
18	Kaunseling Dalam Organisasi di Sektor Awam	10-13 Ogos	JPA	Palm Spring Resort, Negeri Sembilan INTAN, Wilayah Timur
19	Pengurusan Integriti Bagi Pegawai BHEUU, BBG dan JIM	14-16 Ogos	IIM	
20	Kursus Sehari Peningkatan Kompetensi Bil. 12/2009	2 September	JPM	Hotel Avillion Legacy, Melaka Auditorium B1, JPM

Program Pembangunan Sumber Manusia

Bil	Perkara	Huraian
1	Pelan Operasi Latihan	Pelan Operasi Latihan (POL) yang khusus telah dibangunkan berdasarkan Analisis Keperluan Latihan (TNA) dan Analisis Jurang Latihan (TGA) secara sistematik. Pelan tersebut berada pada tahap 40% siap dan dijadualkan dapat disiapkan sepenuhnya pada 30 Januari 2010.
2	Pelan Penggantian (<i>Succession Planning</i>)	Pelan Penggantian bagi Pegawai Undang-Undang Gred L41 dan ke atas diuruskan oleh Jabatan Peguam Negara, manakala Pembantu Undang-Undang Gred L29, L32, L38 diuruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU). Ia telah dimantapkan dengan memperkemaskan rekod prestasi dan personel pegawai bagi memberi cadangan dan memperakukan pegawai dalam menyediakan laluan kerjaya dalam perkhidmatan awam.
3	Pengiktirafan Dan Penghargaan	Garis Panduan Pengiktirafan dan Penghargaan sedang diperkemas dan didokumenkan bagi tujuan pencalonan penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat dilaksanakan secara terancang bermula pada Januari 2010.
4	Maklumat Sumber Manusia	Mdl telah mengemaskini maklumat peribadi dan butiran perkhidmatan pegawai dan penjawat awam yang bertugas di Jabatan ini ke dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS). Pada tahun 2009 Mdl telah berjaya mencapai tahap 99% pematuhan.
5	Pemantauan Prestasi Rendah	Berdasarkan rekod Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 2008, 80% pegawai mencapai prestasi melebihi 90% (Cemerlang). Tiada pegawai berprestasi rendah, iaitu pencapaian LNPT kurang daripada 50%. Hakikatnya, terdapat pegawai yang berprestasi rendah yang perlu dipantau untuk diberikan kaunseling bagi mempertingkatkan motivasi dan prestasi kerja. Bagi LNPT 2009, Pegawai Penilai telah diberikan ingatan supaya memberikan penilaian yang lebih objektif dan adil.

Integriti Dan Disiplin

Mdl telah menubuhkan satu unit baru iaitu Unit Integriti dan Disiplin secara *quickwin*. Unit ini memantau tatakelakuan pegawai supaya mematuhi semua peraturan dan penguatkuasaan dilaksanakan dengan tegas. Isu dan masalah berkaitan integriti dan disiplin yang ditekankan oleh Unit ini melibatkan perkara-perkara berikut:

- (a) Bidang Bermasalah Dan Berisiko
Arahan Jabatan (Pentadbiran) telah dikeluarkan untuk mengarahkan hanya pegawai Insolvensi dan Ketua cawangan sahaja dibenarkan untuk berurusan dengan bankrap. Segala urusan hendaklah dilakukan secara rasmi di dalam waktu pejabat.
- (b) Kawalan Dalam
Memantau Pemilikan dan Perisytiharan Harta pegawai secara sistematik dan berkala. Pegawai yang berada dalam keterhutangan yang serius iaitu potongan daripada emolumen melebihi 60% akan diberikan surat amaran supaya memperbaiki kedudukan kewangannya.
- (c) Tindakan Pengesanan Dan Punitif
Memperketatkan Kawal Selia Disiplin berdasarkan laporan daripada Pengarah Bahagian dan Ketua Cawangan. Pegawai yang bermasalah dan melakukan kesalahan akan diberikan amaran supaya tidak mengulangi perbuatan dan diminta untuk memberikan tunjuk sebab dan penjelasan kepada Pengurusan.
- (d) Tindakan Pemulihan Dan Pembetulan
Pusingan/ Putaran Kerja dilaksanakan secara berperingkat di Ibu Pejabat dan Cawangan bagi mempertingkatkan pengetahuan di samping mengelakkan pegawai terdedah kepada ruang dan peluang melakukan aktiviti yang tidak berintegriti.

Dalam melaksanakan tugas dan peraturan berkaitan dengan disiplin dan integriti, seramai 130 orang telah diberikan surat tunjuk sebab atas kesalahan lewat hadir ke pejabat.

Pihak pengurusan juga telah mengeluarkan arahan kepada pegawai dan staff Mdl mengenai larangan makan di cafeteria dalam waktu pejabat dan di luar waktu rehat.

Pengiktirafan diberikan kepada pegawai berprestasi cemerlang dengan memberikan Anugerah Pekerja Contoh Bulanan yang disampaikan semasa Perhimpunan Bulanan Mdl dan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU). Bagi tahun 2009 seramai tiga (3) orang staf Mdl telah menerima anugerah ini.

Penerbitan Leaflet

Penerbitan HR *Leaflet* secara maya juga telah dikeluarkan. Bagi tahun 2009 terdapat 4 jenis HR *leaflet* yang telah diterbitkan seperti berikut:

- (a) *My Facility - Gantian Cuti Rehat;*
- (b) *My Integrity - Tindakan surcaj dan tatatertib;*
- (c) *My Achievement; dan*
- (d) *My Responsibility*

INISIATIF PENGURUSAN ILMU


Mdl menitikberatkan kepentingan untuk berkongsi ilmu dan maklumat selaras dengan prinsip *shared vision*. Bermula bulan Jun 2009 berita-berita mengenai perkembangan ekonomi tempatan dan antarabangsa, perkembangan perniagaan dan sosio politik, motivasi disebarkan kepada semua warga Mdl melalui email dan turut dimuatkan juga di dalam *Intranet* Laman Sesawang Mdl. Berita-berita yang dipetik mempunyai implikasi samada secara langsung atau tidak langsung kepada fungsi dan operasi Mdl. Selain itu ia juga selaras dengan matlamat Mdl untuk menjadi sebuah *Learned Organization*.

Sepanjang tahun 2009, sebanyak 3 sesi "*brownbag*" untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan di kalangan pekerja telah diadakan. Dalam sesi ini, pekerja yang dicalonkan atau membuat permohonan untuk menghadiri kursus dan latihan tertentu yang berkaitan dengan fungsi kerja masing-masing akan berkongsi pengetahuan yang diperoleh daripada kursus yang dihadiri.

PEMANTAUAN PEMATUHAN PIAGAM PELANGGAN

Delighting the customer sentiasa diberi perhatian oleh Mdl untuk dilaksanakan. Oleh itu Mdl telah memperkenalkan kaedah pengukuran pematuhan piagam pelanggan bermula Januari 2009 bagi memastikan piagam pelanggan dipatuhi agar perkhidmatan yang diberikan menepati kehendak dan kepuasan pelanggan dan *stakeholder*.

Kadar pematuhan kepada piagam pelanggan yang dicapai oleh Mdl bagi Disember 2009 ditunjukkan dalam rajah di bawah:



*** ALASAN KETIDAKPATUHAN**

- A : Kebanyakan harta merupakan harta bercagar
- B : (i) Tiada maklumat pemiutang yang tepat
(ii) Maklum balas yang lambat daripada pihak pemiutang
- C : Proses yang lambat daripada pihak MYEG (*Service Provider*)
- D : (i) Rangkaian untuk akses system CMS perlahan
(ii) Berlaku apabila ramai pelanggan datang serentak untuk membuat carian

PENGURUSAN ADUAN

Unit Aduan telah ditubuhkan pada 30 April 2009 bagi membolehkan aduan diuruskan secara *centralised* melalui *one stop centre*. Terdapat 4 saluran untuk membuat aduan kepada Mdl iaitu:

- (a) Surat/ Faks;
- (b) E-mel;
- (c) Panggilan; dan
- (d) Kaunter.


Sejak penubuhannya bagi tempoh April hingga Disember 2009, Mdl telah menerima 2,654 pertanyaan yang melibatkan pelbagai kategori seperti berikut:

- (a) Khidmat nasihat;
- (b) Pertanyaan status kes kebangkrutan/ penggulangan syarikat;
- (c) Pertanyaan carian rasmi;
- (d) Pengisytiharan dividen;
- (e) Permohonan pelepasan kebangkrutan; dan
- (f) Permohonan bankrap ke luar negara.

Bagi tempoh tersebut juga sebanyak 470 aduan telah diterima yang melibatkan isu-isu berikut:

- Mutu perkhidmatan;
- Pengurusan kes kebangkrutan/ penggulangan syarikat;
- Permohonan ke luar negara;
- Pelepasan melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi (KPI);
- Pembayaran dividen dan deposit; dan
- Perumahan.

Statistik aduan dan kuiri yang diterima mengikut bulan ditunjukkan dalam rajah di bawah.



Bilangan aduan yang diterima pada bulan Disember 2009 (40 aduan) menunjukkan penurunan sebanyak 33.33% berbanding dengan bulan November 2009 (60 aduan).

Mdl memberi perhatian kepada ketepatan masa dalam menjawab aduan dan pertanyaan yang diterima. Piagam Pelanggan Mdl menetapkan semua aduan hendaklah diberi surat akuan terima dalam tempoh 3 hari selepas tarikh penerimaan.

Jadual di bawah menunjukkan prestasi pematuhan masa Mdl mengeluarkan surat akuan terima kepada aduan yang diterima dari bulan Julai hingga Disember 2009.

Kategori	Bilangan Diterima	1 hari	2 hari	3 hari	Jumlah Aduan/ Pertanyaan selesai tanpa s.a.t*	Perbezaan*
Aduan	348	148	148	148	174	8

*s.a.t= surat akuan terima

*Perbezaan= Aduan yang tidak dapat dikenalpasti tempoh pematuhan masa kerana tidak mempunyai rekod

Jumlah aduan selesai tanpa mengeluarkan s.a.t bermaksud surat akuan terima tidak dikeluarkan kerana aduan dapat diselesaikan dalam tempoh waktu ditetapkan iaitu 3 hari dari tarikh penerimaan.

Untuk makluman, Unit Aduan hanya mula memantau prestasi pematuhan masa pada bulan Julai berdasarkan Piagam Pelanggan Mdl. Oleh yang demikian, Unit Aduan tidak mempunyai rekod pematuhan masa bagi bilangan aduan yang diterima pada bulan April hingga Jun.

Antara Maklum Balas Positif Yang Diterima Dari Pelanggan Mdl Dalam Tahun 2009


Nama Pengadu	Maklum balas
Susan Lim	<i>"Thank you for your immediate action. We want to say a big Thank You to you."</i>
Eng Song Huat	<i>"Thank you and your staffs for your assistances and co-operation in resolving my bankruptcy case."</i>
Asad Amin	"Saya sekeluarga amat bersyukur kepada Allah dan ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih di atas segala kerjasama yang telah diberikan oleh Datuk."
Hasrin Othman	"Jutaan terima kasih yang tidak terhingga atas bantuan puan."
Khairil	"Terima kasih di atas maklum balas. Saya telah dibantu oleh pegawai tuan dengan mesra sekali oleh seorang pegawai lelaki."
Nayan Salleh	"Jutaan terima kasih di atas jawapan puan."
Hong Liong Hock	<i>"I really appreciate for your immediate action and help."</i>
KB Lim	<i>"Ms Lim, thank you for all your help. Your assistance has been invaluable. I greatly appreciate your help."</i>
Nani Nina	"Saya bagi seluruh keluarga saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak puan terutama Datuk dan seluruh warga kerja Jabatan Insolvensi atas kerjasama yang diberikan."
Joanne Lee	<i>"Pn. Shamsiah, I did not expect that you will call me at this time (10.25 pm). En. Abdul Karim was very efficient. I will call you tomorrow to discuss. Now is late already. Thank you. Good Nite."</i>
Abang Zainal Abidin	Asalamu'alaikum Datuk, Selamat Tahun Baru semoga selamat sejahtera selalu. Maaf kerana mengganggu Datuk sekali lagi.. Perkara kebangkrapan saya telah pun mendapat pembatalan daripada pihak Mahkamah pada 19hb Nov.lalu. Terima kasih banyak banyak kepada Datuk. Oleh yang demikian saya mohon nasihat Datuk, tindakan susulan yang saya mesti lakukan supaya tak ada sekatan lagi seperti Immigresen, bank-bank dan sebagainya.

Nama Pengadu	Maklum balas
Muhammed Ali	Assalamu Alaikum, <i>May Allah bless and guide us all in the new year. I wish all of you a very happy and fulfilling new year 2010. I wish to first of all thank you Dato and your able and competent team at J I M for having helped and assisted me with my application for sanction and passport I am in total admiration of the dedication and speed with which matters have been dealt with and i have now obtained the necessary sanction for me to file my application in court for the matters which i had sort your sanction. I am indeed very grateful to the understanding, dedication and efficiency with which matters were dealt with. Thank you once again for everything.</i>
Norrashidah Abd Rahman	Tuan, Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana keprihatinan tuan keatas kes saya. Saya telah pun memohon ke mahkamah untuk pembantalan kebangkrapan dan kes tersebut telah difailkan untuk disebut pada 14hb january 2010.
Wan Ahmad Shihab Ismail Pegawai Khas kepada YAB Perdana Menteri Malaysia Pejabat Perdana Menteri	YBhg Dato, <i>On behalf of YAB Prime Minister, I would like to convey our thanks and appreciation to you and your organization for your immediate assistance in settling the matter last Friday. The promptness with which the matter was dealt with was reflective of the level of efficiency that YAB PM expects from government agencies under the banner of "People First, Performance Now" and the Prime Minister's Office commends you on your effective leadership of your organization. Thank you.</i>
Leong Chen Choong	<i>Thank you very much for your kindness and time given to my plight for help to take me out of this 23 years' detention in this "invisible prison" of bankruptcy which I have endured with great difficulties , loss of opportunities to be of productive purpose to the communities of this country , the emotional and mental sufferings .</i>

KAJIAN KEPUASAN PEKERJA


MdI telah menjalankan kaji selidik pada bulan Jun 2009 di kalangan kakitangan tetap bagi membuat penilaian ke atas sikap, kepuasan, dan *engagement* (kesediaan dan keupayaan mereka untuk melabur dayausaha perseorangan mereka bagi mencapai kejayaan organisasi) dalam isu yang berkaitan dengan kerja. Sebanyak 125 sampel telah diambil yang respondennya terdiri daripada tiga kategori. Pecahan tersebut ditunjukkan dalam rajah di bawah.

Pecahan Bilangan Responden Mengikut Kategori Perkhidmatan



Kajian tahap kepuasan pekerja dibuat berdasarkan kepada lima elemen iaitu persekitaran kerja, tanggungjawab dan tugas, latihan dan pengiktirafan, komunikasi dan pengurusan. Hasil kajian ditunjukkan dalam Rajah di bawah.

Kajian Tahap Kepuasan Pekerja



Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan 71% berpuas hati dengan persekitaran kerja mereka. 71% bersetuju tugas dan tanggung jawab bersesuaian dengan kompetensi mereka. 58% berpuas hati dengan latihan dan sistem pengiktirafan yang diberikan oleh Mdl. 71% bersetuju bahawa terdapat komunikasi yang baik antara semua pegawai dan kakitangan Mdl dan 55% berpuas hati dengan sistem pengurusan Mdl.

WAY FORWARD: Mdl STRATEGIC DIRECTION PLAN **Penetapan Pelan Strategik Tahunan Mdl**

Bagi memulakan *kick off* SDP tersebut, strategi tahunan bagi 2010 telah juga dirangka dan memberi fokus kepada:

- (a) transformasi JIM kepada *Malaysian Department Of Insolvency* (Mdl) di mana JIM akan dirujuk sebagai Mdl;
- (b) mewujudkan budaya kerja yang berdaya saing dan berprestasi tinggi;
- (c) menetapkan Strategi dan Sasaran Kerja Tahun 2010 berserta dengan KPI dan KPT; dan
- (d) pemantauan, kepimpinan dan akauntabiliti.

Berikut adalah tema dan isu yang telah dikenal pasti dalam membuat rumusan Strategi Teras dan Rancangan Tindakan 2010.

Strategi Teras 1 : Menguruskan pentadbiran hal ehwal kebangkrapan secara efisien bagi mencapai kecemerlangan operasi

Rancangan Tindakan

- Menyelesaikan kes-kes sebelum pra 2000;
- Meningkatkan prestasi pembayaran dividen pertama;
- Keperluan ke atas prosedur operasi piawai dan meningkatkan polisi kerja dalaman;
- Perekrutannya proses kerja yang berterusan;
- Meningkatkan kecekapan mengendalikan permohonan bankrap berasaskan ICT; dan
- Pendekatan strategik KPI dalam melaksanakan kuasa bagi pelepasan bankrap melalui sijil KPI.

Faedah-faedah

- Mencapai keseragaman dalam mentadbir dan menyelesaikan kes kebangkrapan dalam jangka masa yang ditetapkan;
- Memenuhi jangkaan pemegang kepentingan Mdl;
- Memastikan kecekapan dan memudahkan fungsi-fungsi kakitangan di cawangan; dan
- Kecemerlangan pengurusan operasi kes kebangkrapan.

Strategi Teras 2 : Menguruskan pentadbiran hal ehwal insolvensi korporat secara efisien bagi mencapai kecemerlangan operasi

Rancangan Tindakan

- Menyelesaikan kes likuidasi pra 2000 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- Pendekatan strategik dalam mentadbir kes likuidasi mengikut kategori biasa dan rumit;
- Mempergiatkan pemantauan terhadap pelikuidasi yang diluluskan;
- Pembayaran dividen kepada pemiutang;
- Keperluan ke atas prosedur operasi piawai dan meningkatkan polisi kerja dalaman;
- Meningkatkan strategi pemasaran dalam penjualan harta; dan
- Hubungan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan bagi memudahkan urusan pentadbiran kes likuidasi.

Faedah-faedah

- Mencapai keseragaman dan mutu kerja yang cemerlang;
- Pentadbiran kes yang cepat dan berkesan;
- Memenuhi jangkaan pemegang kepentingan Mdl; dan
- Meningkatkan kedudukan Negara di dalam 'closing of business' World Bank Report.

Strategi Teras 3 : Menjalankan fungsi penguatkuasaan secara seimbang dalam mempertahankan kredibiliti sistem insolvensi

Rancangan Tindakan

- Kaedah penguatkuasaan seimbang yang cekap dan berkesan melalui pengawasan, pemeriksaan-pemeriksaan, penyiasatan-penyiasatan dan pendakwaan;
- Menyediakan prosidur operasi piawai yang lengkap dalam melaksanakan tugas secara strategik; dan
- Memantapkan pegawai penyiasat dengan latihan yang mencukupi.

Faedah-faedah

- Menaikkan kadar pematuhan bankrap dan pengarah syarikat;
- Memperkukuhkan penguatkuasaan dan pemakaian undang-undang; dan
- Menaikkan imej jabatan.

Strategi Teras 4 : Pembangunan dan penguatkuasaan undang-undang insolvensi yang dinamik ke arah pengawalan dan pengawasan yang kondusif

Rancangan Tindakan:

- Mengenalpasti perundangan yang harus dipinda atau dimansuhkan supaya selaras dengan keperluan semasa; dan
- Menyatukan semua perundangan berkaitan dengan insolvensi terkandung dalam satu perundangan sahaja.

Faedah-faedah

- Memperkenalkan rangka kerja perundangan yang dinamik dan setanding dengan negara-negara lain; dan
- Menjadikan sistem Insolvensi di Malaysia lebih efisien dan efektif.

Strategi Teras 5 : Mewujudkan dan membangunkan sistem pengurusan risiko bagi memastikan kelangsungan organisasi

Rancangan Tindakan

- Mewujudkan sistem risiko yang mantap dalam memastikan kelancaran urusan pentadbiran insolvensi;
- Pengenalpastian risiko yang mengganggu kelancaran operasi pentadbiran Insolvensi;
- Mewujudkan komiti pemantau sistem pengurusan risiko Mdl; dan
- Menyebarkan kepentingan pengurusan risiko di Mdl dan sekaligus melaksanakan pelan pengurusan risiko.

Faedah-faedah

- Risiko yang dikenalpasti dapat dihapuskan atau dikurangkan dengan menggunakan pendekatan strategik; dan
- Melancarkan proses kerja dan pengurusan operasi jabatan akan lebih efektif dan efisien.

Strategi Teras 6 : Meningkatkan hasil kerajaan dengan mewujudkan produk dan perkhidmatan yang berinovatif

Rancangan Tindakan:

- Membangunkan pemasaran produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan dinamik; dan
- Melaksanakan pengurusan kewangan berhemah ke arah memaksimumkan faedah dan menghapuskan pembaziran.

Faedah-faedah:

- Pencapaian Nilai Inovasi dalam produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dan meningkatkan kewangan mampan.

Strategi Teras 7 : Mewujudkan dan membangunkan penjenamaan semula organisasi korporat ke arah mencerminkan imej sebuah organisasi yang efisien dan dinamik

Rancangan Tindakan

- Berusaha ke arah transformasi budaya kerja, peningkatan proses kerja jabatan, undang-undang dinamik dan penguatkuasaan seimbang;
- Penyebaran peranan-peranan, fungsi-fungsi, projek-projek, aktiviti-aktiviti dan kejayaan-kejayaan Mdl secara proaktif dan berkesan; dan
- Hubungan strategik diantara Mdl dengan pemegang kepentingan.

Faedah-faedah

- Mempertingkatkan imej dan martabat Mdl sebagai satu agensi ulung dan dinamik dalam mentadbir hal-ehwal insolvensi

Strategi Teras 8 : Meningkatkan kualiti sumber manusia melalui pembangunan kebolehan dan kemampuan (*capacity & capabilities building*) modal insan

Rancangan Tindakan

- Penilaian kecekapan modal insan dan latihan-latihan strategik; dan

Faedah-faedah

- Mempertingkatkan keupayaan, kompetensi dan kecekapan modal insan Mdl.

Penubuhan Pejabat Pengurusan dan Pemantauan Projek (PMO)

Bagi memperkasakan operasi dalaman, Mdl telah menubuhkan PMO secara *quick win* yang diletakkan di bawah Unit Polisi, Strategi dan Pembangunan pada 21 Disember 2009. PMO berperanan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan dan aktiviti, menyediakan rangka kerja am untuk menyusun dan menguruskan sumber dan menyediakan laporan kepada pihak Pengurusan Mdl mengenai perkembangan setiap projek atau aktiviti yang dilaksanakan.

Sistem PMO yang diwujudkan berfungsi untuk memastikan dan memantau pelaksanaan projek berjalan seperti yang dirancang. Selain itu, sistem ini juga memainkan peranan membantu penyelia projek untuk menjayakan pelaksanaan sesuatu projek melalui aplikasi satu sistem pelaksanaan yang strategik.

Sistem PMO yang diwujudkan akan berfungsi memastikan dan memantau sejumlah 58 projek di bawah Pelan Strategik Mdl yang akan dilaksanakan melalui semua bahagian di Ibu Pejabat, unit, seksyen dan cawangan Mdl di seluruh Malaysia. Semua 58 projek berkenaan merupakan projek yang telah dicadangkan serta dirancang oleh semua pihak pengurusan tertinggi dalam Mesyuarat Penetapan Pelan Strategik Mdl 2010 yang telah dijalankan pada 14-17 Disember 2009.

Pemantauan setiap projek dibuat menggunakan sistem kod warna seperti di bawah:

	KELEWATAN DARIPADA TARGET KPI/KPT (LEWAT MENGIKUT BIL. HARI)	STATUS PROJEK (DEFINISI KOD WARNA)
	0	Target KPT/KPI dapat dicapai
	1-30 hari	Situasi dalam kawalan/masih terkawal
	31-59 hari	Tahap Perkembangan projek adalah sederhana
	60 hari dan ke atas	Tahap perkembangan projek adalah kritikal dan lambat

PENUTUP

Walaupun tahun 2009 merupakan tahun yang penuh cabaran dengan pertambahan kes-kes kebangkrapan individu dan insolvensi korporat, Mdl telah berjaya melaluinya sepanjang tahun dengan penambahbaikan dan perubahan yang telah dilakukan. Tahun 2009 juga telah menampakkan kejayaan dan *breakthrough* yang dicapai oleh Mdl. Kejayaan dan *breakthrough* ini akan menjadi landasan yang kukuh kepada Mdl untuk terus mengorak langkah ke hadapan.

Mdl akan terus berusaha untuk mencapai *end states* yang dirancang dalam SDP bagi meningkatkan daya saing negara dan merancakkan aktiviti ekonomi serta menaikkan *ranking* Malaysia dalam *World Bank Report of Doing Business*.

AKTIVITI TAHUN 2009



**16-18 Februari -
Mesyuarat Pelan
Perancangan Strategik
BHEUU di Awana Genting
Highlands**



**10 Mac -
Lawatan Peserta Kursus
ILKAP ke BHEUU**

**13 Mac -
Kursus Perpustakaan di
BHEUU**





- **30 Mac –
Aktiviti Jualan
PUSPANITA BHEUU**
- **16 April –
Ceramah Keutuhan oleh
Ustaz Wan Jaafar bin
Wan Ahmad di BHEUU**



- 25 April-
Hari Bertemu
Pelanggan di Melaka

- 4 Julai -
Kejohanan Bowling-
Tenpin Berpasukan
Kelab Sukan &
Kebajikan BHEUU





- 20 Mei –
Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang BHEUU bagi Tahun
2008 di BHEUU



- **23 Mei-
Hari Bersama
Pelanggan di
Queensbay Mall
Pulau Pinang**
- **23 Mei -
Lawatan YB Menteri
Di JPM Dato' Seri
Nazri Abdul Aziz ke
tapak Mahkamah
Pulau Pinang**





- **13 Jun-
Hari Bertemu Pelanggan di
Pahang**
- **18-20 Jun -
Bengkel Penyelarasan Prestasi
Y.B. Menteri Di Jabatan Perdana
Menteri di Bukit Tinggi, Pahang**
- **27-28 Jun -
Mesyuarat JKM Pengurusan di
Port Dickson**





- 10 Ogos-
Ceramah Keutuhan
'1Malaysia', oleh
YBhg. Dato' Sahalan
Ismail, Aras 2, BHEUU
- 14 September –
Sumbangan ahli MBJ
kepada Kakitangan
BHEUU
- 15 September–
Sumbangan
Kakitangan BHEUU
kepada Rumah Anak
Yatim Darul Izzah,
Bangi



- **12 Oktober -
Majlis Hari Raya
Ketua Pengarah
BHEUU di Aras 10,
BHEUU**
- **19 Oktober -
Jamuan Hari Raya,
JPM**



- **11 November -
Taklimat NKRA oleh YB
Dato' Idris Jala di Dewan
Serbaguna, Aras 2, BHEUU**
- **13 November -
Majlis Makan Malam NKRA
Bersama YB Dato' Seri
Mohamed Nazri Abdul
Aziz, Menteri Di JPM**



- **23-25 November – Program *High Impact Team (Team Building)* di Kem Bina Semangat, Kuala Kubu Baru, Selangor**



- 4 Disember –
BHEUU STARZ di
BHEUU



- 15 Disember 2009-
Pertandingan Ratu
Kebaya PUSPANITA
BHEUU di BHEUU